

BIL.5

**ISNIN
25 APRIL 2011**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAAH	(Halaman 1)
PEMSYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA: Mengalu-alukan Pelantikan Semula Ahli dan Mengangkat Sumpah Ahli Baru	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
USUL: Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>YB Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn</i>	(Halaman 25)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Urusan Mesyuarat	(Halaman 37)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahaim (Kelantan)
8. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
9. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Timbalan Menteri Luar Negeri I*
10. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Timbalan Menteri Kewangan I*
11. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
12. “ Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)
13. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
14. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
15. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal (Dilantik)
16. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Timbalan Menteri Kewangan II*
18. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
19. “ Datuk Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. “ Tuan Gan Ping Shou @ Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Timbalan Menteri Belia dan Sukan I*
22. “ Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
23. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
24. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
26. “ Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin (Dilantik)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. “ Yang Berhormat Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
30. “ Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz – *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
31. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)
32. “ Dr. Malasingam a/l Muthukumar (Dilantik)

-
33. Yang Berhormat Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
34. " Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
35. " Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Timbalan Menteri Sumber Manusia*
36. " Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
37. " Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
38. " Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
39. " Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
40. " Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
41. " Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
42. " Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
43. " Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
44. " Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
45. " Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
46. " Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
47. " Dato' Palanivel a/l K. Govindasamy (Dilantik)
48. " Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
49. " Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
50. " Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin (Dilantik)
– *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
51. " Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
52. " Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W.P. Kuala Lumpur)
53. " Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya)
– *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
54. " Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan (Dilantik)
55. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
56. " Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
57. " Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
58. " Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
59. " Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
60. " Dato' Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
61. " Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
62. " Dato' Zaitun binti Mat (Pahang)
63. " Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani Haji Sulaiman

Petugas-Petugas Penyata Rasmi (*Hansard*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Hazrul bin Sharif

Nurul Aishah binti Sha'arin

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Isnin, 25 April 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- (i) Yang Berhormat Dato' Maznah binti Mazlan; dan
- (ii) Yang Berhormat Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan.

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

**MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEMULA AHLI
DAN MENGANGKAT SUMPAH AHLI BARU**

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan Yang Berhormat Dato' Maznah binti Mazlan di atas pelantikan semula sebagai Ahli Dewan Negara dan juga pelantikan Ahli baru, Yang Berhormat Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana lafaz sumpah dan ikrar setia yang telah dilafazkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi, ingin saya mengingatkan agar kita semua hendaklah berazam untuk memahami, menghayati, mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara Malaysia. Janganlah sekali-kali kita melanggar dan mengingkari sumpah dan ikrar setia yang telah kita semua lafazkan. Sangatlah penting dan mustahak supaya semua Yang Berhormat membaca, memahami dan mempraktikkan dengan bijak perkara-perkara iaitu: pertama, Perlembagaan Negara dan segala isi kandungannya; dan yang kedua, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara. Setelah memahami, menghayati dan mempraktikkannya semasa berucap atau berbahas, tentu sekali Yang Berhormat akan memberi keyakinan dan seterusnya melambangkan sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang berwibawa serta dihormati.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengingatkan diri saya dan juga kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini agar marilah kita semua berazam untuk memartabatkan dan memperkasakan Dewan Negara yang mulia ini sebagai satu Dewan Negara yang bermaruah, berkualiti dan berkredibiliti yang betul-betul komited kepada kepentingan negara dan rakyat Malaysia. Selesailah sudah majlis kita pada pagi ini.

■ 1010

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pertama sekali saya ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita yang turut hadir sungguh pun beliau baru sahaja kembali dari negara China semalam... [Tepuk]

Ini menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat begitu peka dan prihatin kepada apa yang berlaku, yang mana Ahli Yang Berhormat semua telah banyak bercakap semasa perbahasan dan kehadiran Yang Amat Berhormat pada pagi ini melambangkan bahawa beliau sentiasa dekat dengan Ahli Yang Berhormat semua. Tanpa membuang masa lagi, saya silakan pertanyaan yang pertama.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Ng Fook Heng** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah langkah-langkah kukuh yang akan diambil untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah memandangkan pemansuhan PPSMI untuk Tahun 1 akan dimulakan pada tahun 2010.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab secara serentak kepada tiga pertanyaan berkaitan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) serta isu-isu berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI). Pertanyaan-pertanyaan tersebut dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ng Fook Heng pada hari ini, Yang Berhormat Senator Datuk Chandrasekar Suppiah pada 26 April dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris bin Haji Buang pada 26 April juga dan di samping itu saya juga akan mengulas empat pertanyaan sebelum ini yang juga menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan sebarang pandangan dan cadangan yang telah diutarakan oleh semua pihak demi untuk menambah baik serta meningkatkan lagi kualiti sistem pendidikan negara. Justeru, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana begitu prihatin terhadap perkembangan semasa sistem pendidikan negara kita.

Pemansuhan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) yang diputuskan pada 8 Julai 2009 dan menggantikannya dengan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran itu sendiri dan keupayaan penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid sekolah.

Ini menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam menimbang dan juga menerima pandangan sebahagian besar masyarakat di negara kita terhadap PPSMI yang telah pun dilaksanakan mulai tahun 2003 hingga tahun 2009 dan dasar MBMMBI yang baru yang dilaksanakan. Melalui semangat musyawarah dan kesepakatan daripada pelbagai pihak yang telah dicapai dalam lima persidangan meja bulat yang dihadiri oleh pelbagai pihak yang berkepentingan, kementerian barulah membuat keputusan memansuhkan PPSMI. Kementerian juga telah menjalankan beberapa kajian dan tinjauan terhadap pelaksanaan PPSMI ini termasuklah membentangkannya di Mesyuarat Jemaah Menteri sebelum diputuskan secara muktamad dan juga dibentangkan dalam jawapan saya di Dewan Rakyat beberapa tahun yang lepas.

Secara umumnya Tuan Yang di-Pertua, dasar MBMMBI yang diperkenalkan ini tidak sesekali menidakkan kepentingan penguasaan bahasa Inggeris dalam proses pembelajaran dan pengajaran, lalu itu apabila PPSMI dimansuhkan, kementerian telah pun merangka dan sedang melaksanakan beberapa pendekatan supaya kohort murid yang telah pun berada dalam sistem tidak terganggu pembelajaran mereka dan terus terbela. Dalam konteks ini, kementerian telah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha dan strategi bagi meningkatkan kemahiran dan penguasaan dalam bahasa Inggeris walaupun PPSMI dimansuhkan. Di antara program dan aktiviti yg sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia termasuklah:

- (i) menubuhkan Jawatankuasa Induk Pelaksanaan dasar MBMMBI yang bertanggungjawab sepenuhnya menjayakan dasar tersebut yang dipengerusikan oleh saya sendiri;
- (ii) melakukan transformasi kurikulum dengan melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2011 iaitu tahun ini bagi Tahun 1, bagi menggantikan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan menggubal Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang sedang pun dilaksanakan;
- (iii) melalui KSSR ini, pendekatan *modular* asas bahasa dengan izin, *back to basic* serta elemen didik hibur diperkenalkan;
- (iv) penambahan waktu sebanyak 90 minit untuk mata pelajaran bahasa Inggeris Tahap 1 dan 2 di sekolah rendah. Ini memberikan penambahan masa kepada pembelajaran mata pelajaran Bahasa Inggeris sebanyak 300 minit seminggu, untuk sekolah kebangsaan (SK) dan 150 minit seminggu bagi sekolah jenis kebangsaan (SJK);
- (v) membawa masuk 375 penutur jati bahasa Inggeris daripada luar negara untuk melaksanakan program peningkatan profesionalisme pensyarah dan Guru Bahasa Inggeris. Daripada jumlah tersebut, 360 penutur jati dilantik sebagai mentor kepada guru bahasa Inggeris bagi 1,800 buah sekolah rendah, manakala 15 orang lagi dilatih sebagai *training fellows* di lima buah Institut Pendidikan Guru (IPG). Antara KPI yang ditetapkan dalam program ini adalah 75 jam sesi input profesional bagi setiap guru, *mentoring* secara individu serta latihan dan bengkel. Program ini sedang berjalan dan baru dua bulan dilaksanakan, namun pemantauan awal menunjukkan bahawa penglibatan guru dan mentor amat memberangsangkan;
- (vi) kementerian juga telah menyediakan dan melaksanakan program latihan khusus untuk guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris, sehingga kini hampir 12 ribu orang guru telah pun terlibat dalam program tersebut pada tahun 2010, manakala Kementerian Pelajaran Malaysia menasarkankan 10 ribu orang Guru Bahasa Inggeris diberikan latihan yang sama juga pada tahun ini;
- (vii) pengambilan guru bersara bahasa Inggeris secara kontrak akan dilaksanakan. Kementerian Pelajaran Malaysia menasarkankan dari tahun 2011 sehingga 2013, seramai 600 orang guru bersara bahasa Inggeris akan kita lantik secara kontrak di seluruh negara. Sehingga Mac 2011, 168 orang guru bersara bahasa Inggeris telah pun menerima tawaran ini.
- (viii) Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah menjalinkan kerjasama dengan British Council melalui Projek *Virtual Teachers Support Network*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, iaitu sebagai platform kepada guru untuk mengakses maklumat serta berkongsi idea bersama guru bahasa Inggeris di peringkat antarabangsa, terutama dalam pembinaan dan penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran.
- (ix) Setakat ini tiga siri bengkel bina bahan ini telah pun dilaksanakan iaitu pada bulan Ogos dan September 2010;

■ 1020

- (x) Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah memperkenalkan penggunaan Bahan Digital *English Language* Tahun 1 sebagai bahan bantu mengajar. Pemantauan yang dibuat untuk tiga bulan pertama sesi persekolahan 2011 mendapati bahawa, penggunaan bahan ini memberikan kesan yang amat positif kepada proses pengajaran dan juga pembelajaran Bahasa Inggeris di bilik darjah;
- (xi) meningkatkan kapasiti bilik komputer di sekolah sebagai makmal bahasa. Pada tahun 2010, sebanyak 20 buah sekolah telah dipilih sebagai Projek Rintis Makmal Bahasa dan peluasannya akan dilaksanakan di 700 buah sekolah pada tahun 2011 ini;
- (xii) unsur seni bahasa dalam sastera juga diterapkan melalui komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dan juga Bahasa Inggeris. Mulai tahun 2010, murid Tingkatan 1 mula mempelajari teks komponen sastera Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dalam pelbagai genre seperti puisi, cerpen, drama dan novel;
- (xiii) membekalkan bahan bacaan tambahan dalam bahasa Inggeris di pusat sumber sekolah rendah yang melibatkan peruntukan sebanyak RM6 juta pada tahun 2011 ini; dan
- (xiv) membudayakan dan mengukuhkan penguasaan bahasa Inggeris melalui aktiviti kokurikulum dengan melibatkan murid-murid dalam aktiviti kelab dan persatuan seperti pertandingan kuiz, pidato, bahas dan sebagainya di peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meminimumkan kesan daripada perubahan dasar baru ini, seperti yang saya telah jelaskan semasa mengumumkan Dasar MBMMBI pada tahun lepas, kementerian telah pun memperkenalkan pendekatan *soft landing* dilaksanakan dan P&P dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Ingin saya tegaskan di sini bahawa pendekatan dengan izin, *soft landing* ini bermaksud pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik boleh dilaksanakan dalam dwibahasa mengikut keupayaan seseorang guru dan murid itu sendiri. Dalam masa yang sama, kertas-kertas peperiksaan juga disediakan dalam dwibahasa dan terpulanglah kepada mereka untuk menjawab dalam bahasa yang mereka mudah fahami.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, proses ini akan berlangsung bagi *cohort* yang telah berada dalam sistem PPSMI mulai tahun 2010, dan akan digerakkan secara beransur-ansur mengikut fasa MBMMBI ini. Ini bertujuan untuk membantu guru dan murid menyesuaikan diri dengan peralihan penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran tersebut. Ini juga bagi memastikan dasar baru ini dapat dilaksanakan dengan terancang serta meminimumkan permasalahan P&P yang sedang pun berlangsung sekarang.

Justeru pembelajaran dan pengajaran sains dan matematik di semua peringkat sekolah kecuali Tahun 1 boleh menggunakan bahasa Inggeris atau dwibahasa sehingga *cohort* yang terakhir PPSMI yang dijangka tamat pada tahun 2015. Pada masa yang sama, peperiksaan Sains dan Matematik dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang telah pun dilaksanakan dalam dwibahasa akan diteruskan sehingga *cohort* ini selesai pengajaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan yang telah saya utarakan tadi, saya amat berharap kekhawatiran dan keresahan sesetengah pihak terhadap isu ini akan terungkat. Kerajaan pada masa ini sentiasa mengambil perhatian dan menimbangkan secara terperinci apa sahaja isu yang berbangkit dan sentiasa bertanggungjawab untuk menyelesaikan dengan cara yang terbaik.

Saya berkeyakinan penuh, pelaksanaan dasar ini pasti membuahkan hasil yang memberangsangkan apatah lagi dengan adanya sokongan dan kepercayaan semua pihak terutama ibu bapa dan pihak berkepentingan demi kejayaan masa depan anak-anak mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ng Fook Heng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selepas penjelasan yang begitu panjang oleh Yang Amat Berhormat Menteri tadi, saya rasa gembira dan yakin dan berharap implementasinya akan berjaya. Sebab mengikut pengalaman saya sebagai seorang guru selama 30 tahun, selalunya benda yang baru itu amat hangat tetapi tahun demi tahun ia akan sejuk, sejuk, sejuk dan balik kepada asal. Maknanya guru-guru enggan berubah, ingin selesa.

Jadi saya khawatir tentang implementasinya. Kita nampak semua mengikut pengalaman, sejak tahun 80-an bila kerajaan mansuhkan aliran bahasa Inggeris dan PPSMI pada masa dahulu juga ada. Terus kemerosotan bahasa Inggeris di negara kita, anak-anak kita merosot sehingga hari ini sampailah bila yang terbaru PPSMI ini dikembalikan semula, barulah kita nampak ada perubahan, kemajuan di kalangan pelajar-pelajar kita.

Jadi saya degil, saya masih percaya PPSMI untuk mengukuhkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid adalah cara yang terbaik dan ia adalah serampang dua mata. Anak-anak kita dapat memahami istilah-istilah sains dan matematik dalam bahasa Inggeris, dan dalam masa yang sama dapat menambah baik penguasaan bahasa Inggeris. Jadi bolehkah Kementerian mengadakan dua jenis iaitu, sama ada PPSMI dalam bahasa Inggeris ataupun dalam Bahasa Malaysia di peringkat menengah, *choose either one*. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang sudah jangka soalan itu, kerana dalam debat media pun sampai hari ini pun ada timbul hal-hal yang sama. Akan tetapi ini satu perkara yang bagi saya baik dan kita mahu mendapat *feedback*, maklum balas tentang dasar yang kita hendak laksanakan.

Keduanya, mungkin kerana disebutkan tadi, bila kita perkenalkan dasar baru yang hanya baru hendak bermula sekarang, ada pihak-pihak yang mungkin rasa curiga ataupun tidak begitu yakin bahawa dasar ini akan membawa impak dan kesan yang tidak begitu menggalakkan, terutamanya kepada anak-anak kita. Sebab itu keputusan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan khususnya Kabinet yang juga di *endorsed* di Dewan Rakyat. Sebenarnya waktu saya menjawab soalan yang sama, telah pun dibuat berdasarkan satu kajian yang amat mendalam. Saya sendiri sebagai Menteri Pelajaran yang juga ada anak, tahu tentang apa yang rakyat mahu, tetapi saya juga bertanggungjawab untuk melihat sama ada Dasar PPSMI yang telah pun kita laksanakan dahulu itu membawa kesan yang kita harap-harapkan.

Saya tidak nafikan memang ada kesan baiknya, tetapi saya juga harus jelas bahawa kesan itu juga ada implikasi-implikasi yang tidak berapa baik kerana walaupun di sesetengah pihak dia melihat ini sudah ada petanda peningkatan dari segi penguasaan bahasa Inggeris melalui *Math* dan *Science*. Akan tetapi rata-rata berdasarkan kajian dan *feedback* yang kita peroleh, sebahagian besar anak-anak kita tidak mampu - pertamanya untuk menimba ilmu *math* dan *Science*, apa lagi digunakan dalam bahasa yang dianggap asing oleh mereka sendiri, termasuklah di Sabah dan Sarawak.

Ini sudah pun kita nilai. Jadi kalau dilihat dari segi itu, dua pilihan ada. Yang pertama, kekalkan dasar yang sedia ada dan terimalah akibatnya, mungkin bukan sekarang, mungkin 10-20 tahun akan datang. Sebahagian besar daripada *cohort* rakyat kita yang masuk dalam sistem pendidikan kita tidak dapat menimba ilmu yang pertama itu, apa lagi hendak memahami bahasa Inggeris.

■ 1030

Saya jelaskan sewaktu kita buat keputusan PPSMI dahulu. Sebenarnya PPSMI yang dilaksanakan itu bukan PPSMI yang dikehendaki oleh kita secara mutlak, yang asal, yang sebenarnya dilaksanakan PPSMI-BM (Pelaksanaan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia).

Ini kerana apabila dilaksanakan di bawah satu yang kita lihat, tidak ada guru kita - Yang Berhormat pun sedar, yang pakar dalam bahasa Inggeris.

Kedua, dia bukan hanya perlu pakar dalam bahasa Inggeris, dia mesti pakar bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik. Mungkin dia bagus untuk mengajar Matematik tetapi dia tidak ada kepakaran untuk menyampaikan dalam bahasa Inggeris.

Saya sendiri turun ke beberapa buah sekolah, melihat sendiri bagaimana keadaan itu berlaku. Dalam satu sesi umpamanya dalam pembelajaran Sains, guru itu mengajar dalam bahasa Inggeris dan saya hadir dalam kelas itu memerhatikan. Apabila guru selesai mengajar, bertanyalah guru itu beberapa soalan, selepas apa yang dia ajar sama ada murid-murid boleh faham. Tidak ada seorang pun yang mengangkat tangan. Lantas guru itu dengan serta-merta secara automatik menukarnya dalam bahasa Malaysia, bersoal dalam bahasa Malaysia, semua mengangkat tangan. Jadi, saya kata mengapa hendak angkat tangan sekarang, kerana kata muridnya, "*Yang ini saya lebih faham, yang itu saya tidak faham*". Itu mungkin mencerminkan sebahagian sekolah, tidak keseluruhan. Akan tetapi, kalau pergi ke kawasan-kawasan pedalaman dan luar bandar, sampai *zero* bahasa Inggeris pun ada Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya sebagai Menteri Pelajaran, saya tidak mahu melihat sejumlah besar walaupun saya tahu di bandar-bandar, ramai anak-anak kita yang pakar dan mahir dalam bahasa Inggeris. Cucu saya pun lebih bijak berbahasa Inggeris daripada berbahasa Malaysia kerana ibu bapanya menggunakan bahasa itu. Akan tetapi, kalau pergi luar sedikit, sebahagian ibu bapa pun tidak tahu bahasa Inggeris, bagaimana hendak memimpin. Guru kita pun tidak pakar dan mahir dalam bahasa Inggeris, bagaimana hendak mengajar. Jadi, pokoknya yang pertama apa? Bahasa ataupun ilmu? Soalnya yang pertama, ilmu. Mesti faham *Maths and Science*. Itu ilmu tetapi aliran yang digunakan ialah bahasa pengantarnya. Bahasa Inggerislah yang paling baik. Kalau orang kata hendak menguasai bahasa Inggeris, saya banyak pergi ke luar negara Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf ambil masa sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa. Silakan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Saya pergi ke Jepun, saya pergi ke Korea Selatan, anak-anak Malaysia yang belajar di sana, saya tanya, "*You belajar ambil apa?*" Kejuruteraan. Aeronautical Engineering, dalam bidang-bidang yang lain. Apakah bahasa yang digunakan? Bahasa Jepun, bahasa Perancis. Kalau pergi ke Rusia, bahasa Rusia. Kalau pergi ke Perancis, bahasa Perancis. Tidak ada yang dikata dalam bahasa Inggeris ataupun bahasa-bahasa yang disebutkan tadi. Jadi, itu bahasa yang digunakan oleh warga negara asal mereka dan kita yang datang sana terpaksa mempelajari dalam bahasa itu. Mengapa tidak di Malaysia. Apakah kita tidak yakin bahasa Malaysia mampu untuk mengangkat tahap Malaysia... [*Tepuk*] Ke tahap dunia?

Sebelum pun PPSMI digunakan, anak saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem pendidikan yang sebelum ini, yang juga menggunakan bahasa Malaysia, 30 tahun lamanya sehingga kita bina Universiti Kebangsaan Malaysia. Lahir ramai tokoh sehingga hari ini pakar-pakar di IJN termasuklah sepupu saya, belajar dalam bahasa Malaysia. Akan tetapi apabila sudah jadi doktor, jadi *specialist* dan menguasai bahasa Inggeris, sudah menjadi pakar antara yang terbaik di universiti, hospital.

Saya hendak jelaskan ini bukan soal emosi. Pokok pertama, ilmu tetapi saya sebagai Menteri Pelajaran, bahasa Inggeris utama penting. Oleh sebab itu, apabila kita kata tidak boleh teruskan PPSMI bukan kerana ia tidak baik. Akan tetapi banyak kelemahan-kelemahan. Kita sudah mengkaji impak lebih dari enam tahun atau tujuh tahun, sebahagian besar anak-anak kita tidak dapat menguasai. Keduanya, kerana pada peringkat awal kita hendak melaksanakannya. Kita tidak menyediakan jumlah guru yang mencukupi yang disebabkan sistem lama, boleh menguasai bahasa Inggeris dan mengajar pula mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Jadi, itulah hasilnya. Apabila kita bincang meja bulat berkali-kali, majoriti kata tidak boleh kita teruskan. Jadi, rakyat didahulukan.

Jadi kerajaan kata, elok kita ubah dasar tetapi bukan dengan hanya mengetepikan langsung..., saya sebagai Menteri Pelajaran tidak akan izinkan bahasa Inggeris itu dibiarkan begitu sahaja. *English is very important. I know in this Dewan also some of Yang Berhormat speak in English, it's very important.*

Jadi, yang pentingnya mesti ada penguasaan dwibahasa. Bahasa Inggeris sebagai bahasa perhubungan antarabangsa, bahasa berkomunikasi dan bahasa ilmu tetapi bahasa Malaysia sebagai bahasa kita, tidak boleh kita abaikan. Jadi, yang penting kalau kita dapat melahirkan anak-anak kita boleh menguasai bukan sahaja satu bahasa, dua bahasa, tiga bahasa, seratus bahasa, itu lagi baik. Jadi, sebab itu dalam dasar yang saya perkenalkan tadi, komponen bahasa Inggeris itu sudah jauh lebih besar daripada dahulu. Mungkin tidak ada masa untuk menjelaskan. Kalau ada sesi satu kali, kita boleh adakan penerangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara apakah komponen secara terperinci.

Saya sendiri pun di peringkat awal kata, bagaimana hendak buat ini. Bagaimana hendak meningkatkan masa, jadual waktu, cara pengajaran, pakar. Jadi, kita bawa masuk sejumlah tadi itu. Tidak pernah berlaku dalam sejarah kita, orang-orang dari luar negara yang dikatakan *master teacher*, dia jadi adi guru untuk melatih guru-guru bahasa kita supaya tahapnya tinggi dan mampu untuk mengajar anak-anak kita dalam bahasa Inggeris. Tambah waktu, 90 minit jadi 300 minit, bukannya, makmalnya.

Saya pergi ke sesetengah negara dan baru balik dari negeri China Tuan Yang di-Pertua, saya lihat anak-anak China sudah pandai bahasa Inggeris. Saya tanya mereka berapa lama belajar. Setahun. Kita, 12 tahun belajar bahasa Inggeris... [*Ketawa*] Daripada Darjah 1 sehingga ke SPM, setiap tahun kelas itu ada belajar bahasa Inggeris. Tidak boleh hendak menguasai bahasa Inggeris. Hairan saya, mengapa begitu. Mungkin tidak ada kesungguhan.

Saya tidak fikir kerana sistem kita tetapi kalau kita usahakan dan itulah pendekatan yang kita guna, saya yakin kita boleh laksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Silakan Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana memberikan jawapan yang cukup komprehensif tentang langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di negara ini. Memang tidak ada seseorang yang berfikir waras yang menafikan tentang kepentingan penguasaan bahasa Inggeris itu dan langkah ini saya rasa patutlah dialu-alukan.

Akan tetapi pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyuarakan keprihatinan dalam kalangan sebahagian besar masyarakat kita tentang kemerosotan penguasaan bahasa kebangsaan bukan sahaja dalam kalangan pelajar-pelajar tetapi juga dalam kalangan masyarakat awam. Dalam kalangan pelajar-pelajar, kalau saya dibenarkan memberi contoh yang agak peribadi sedikit, saya sepanjang semester lalu mengajar secara sambilan sebuah kursus di Universiti Malaya. Saya sangat sedih, penguasaan bahasa kebangsaan, bahasa Malaysia pelajar-pelajar tahun dua, tahun tiga sekarang, saya rasa hampir lebih kurang baik sedikit daripada pelajar-pelajar Tingkatan 3, Tingkatan 4 kira-kira sepuluh tahun atau 50 tahun yang lalu, pengalaman saya. Itu dalam kalangan pelajar.

Dalam kalangan masyarakat awam, baru-baru ini, sewaktu dilancarkan banci negara. Ada orang terang-terang menyatakan, yang sudah berumur 40 tahun atau 50 tahun yang telah melalui sistem pendidikan kita, tidak tahu menjawab dan enggan menjawab soalan banci itu kononnya semata-mata kerana tidak faham bahasa kebangsaan. Jadi nampaknya Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat, ada sesuatu yang tidak kena dengan P&P (Pengajaran dan Pembelajaran) bahasa kebangsaan ini sepanjang sepuluh tahun atau 15 tahun yang lalu. Jadi, kita mengalu-alukan langkah PPMM dan PPMI tetapi yang saya hendak tahu, sudahkah perkara yang tidak kena yang berlaku sepanjang sepuluh tahun atau 15 tahun yang lalu yang menyebabkan penguasaan Bahasa Melayu itu semakin merosot sekarang telah diteliti dengan menyeluruh?

Tadi juga di akhir jawapan Yang Amat Berhormat yang menyebut tentang sudah 12 tahun belajar bahasa Inggeris, tidak pandai-pandai juga. Begitu juga dalam Bahasa Melayu. Tidak pandai-pandai juga. Jadi, ada sesuatu...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat. Ringkaskan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya hendak tanya itu sahaja. Ada sesuatu yang tidak kena dalam P&P. Bukan sahaja bahas Inggeris tetapi juga Bahasa Kebangsaan. Jadi, saya hendak tahu sekiranya kajian yang menyeluruh telah dibuat tentang apa yang tidak kena itu. Terima kasih Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus, pakar. Dia lebih tahu daripada saya tentang banyak usaha yang telah dibuat untuk hendak memartabatkan bahasa kita sehingga yang terbaru pun saya percaya penting, maka saya tubuhkan juga Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Melayu di peringkat kebangsaan dan telah pun mengadakan beberapa kali mesyuarat untuk hendak melihat bagaimana dasar yang sudah pun termaktub dalam Perlembagaan, keputusan ataupun perkara yang sudah termaktub dalam - hendak kita laksanakan. Sudah puluhan tahun pun. Akan tetapi, saya hendak sebutkan dalam sistem pendidikan negara kita, terutama dalam kalangan pelajar-pelajar kita, penguasaan Bahasa Melayu boleh dikatakan memang baik. Amat baik.

■ 1040

Malahan kalau kita lihat anak-anak bukan Melayu bertutur dalam bahasa Malaysia hari ini, kita tidak boleh hendak tahu yang dia ini bukan anak Melayu. Dia mungkin India ataupun Cina terutamanya kerana penguasaannya amat baik. Cuma yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi ialah bagaimana ia dapat diperluaskan dan digunakan secara menyeluruh dalam seluruh sistem kehidupan dalam masyarakat kita. Baik dalam kerajaan, luar kerajaan, apa lagi dalam sistem pendidikan negara kita. Ini yang saya memang setuju kerana ada juga kebimbangan kita seolah-olah bahasa kita sudah mula dipinggirkan kerana orang lebih mengutamakan Bahasa Malaysia. Malahan dalam banyak majlis-majlis kerajaan sekalipun walaupun dalam majlis itu ada dua tiga kerat orang-orang yang bukan Malaysia, minta maaf untuk saya hendak mengubah dalam Bahasa Malaysia, bercakap dalam bahasa Inggeris, contohnya. Untuk mengubah, sedangkan yang hadir itu 200 orang kita, tiga orang sahaja orang mat saleh. Kita hendak bertukar kerana hendak melayan kehendak dua tiga orang.

Saya pergi ke negara China, dia cakap semua dalam bahasa dia. Saya pergi ke Jepun, dia faham bahasa Inggeris. Kalau secara *private*, dia bertutur dengan saya dalam bahasa Inggeris, bila hendak rasmi dia bercakap dalam bahasa Jepun. Kalau pergi mana-mana pun negara. Jadi, saya melihat ini mungkin, pertama sikap. Mungkinkah agaknya kalau guna Bahasa Malaysia tidak berapa *glamour...* [*Tepuk*] Macam kita ini bertaraf rendah, seolah-olah Bahasa Malaysia ini lebih rendah. Padahal Bahasa Malaysia ataupun Bahasa Melayu adalah antara bahasa yang unggul di dunia. Dari segi jumlah penguasaan, penggunaan Bahasa Melayu di taraf antarabangsa, jauh lebih besar daripada setengah-setengah bahasa yang digunakan oleh kita, Sepanyol dan sebagainya

Soal pertama ialah sikap. Soal kedua, orang kata penguatkuasaan undang-undang. Kita ada Akta Bahasa Kebangsaan. Ada orang kata tidak bolehkah kita kuatkuasakan. Boleh! Akan tetapi, kalau kita kuatkuasakan nanti akan berbangkitlah soal kata, "Oh! Salah guna itu ini pun kerajaan kenakan kita penalti dan *fine*." Jadi, seolah-olah kerajaan tidak bertimbang rasa dan sebagainya.

Jadi, soal penting yang saya hendak sebutkan di sini ialah bagaimana kita hendak menjadikan ia sebagai budaya dan ia mesti dihayati dan digunakan sepanjang masa seperti dalam Dewan ini. Saya fikir 90 peratus digunakan sepenuhnya dalam Bahasa Malaysia. Kalau di Dewan tertinggi negara, Dewan Rakyat, Dewan Negara boleh menggunakan Bahasa Malaysia, apakah dalam kehidupan seharian kita tidak boleh begitu, malahan di sektor swasta? Apakah dengan sebab kita gunakan bahasa Malaysia, maka tidak akan ada orang berlanggan dengan kita ataupun perniagaan kita tidak boleh membawa faedah dan keuntungan dan sebagainya?

Ini soal keyakinan Tuan Yang di-Pertua. Soal keyakinan dan kemampuan bahasa kita. Soal pokoknya bukan kerajaan semata-mata. Kerajaan boleh kuatkuasakan undang-undang tetapi kalau kerajaan merasakan dia tidak mahu hendak menggunakan, bagaimana caranya? Oleh sebab itu kempen itu masih diteruskan dan saya menjadi pengerusi dan saya sudah meneliti satu persatu bagaimana langkah-langkah yang kita hendak buat. Pekeliling baru yang kita akan keluarkan di semua peringkat jabatan dan agensi kerajaan untuk menjelaskan penting penggunaan bahasa di semua peringkat. Di peringkat swasta, ada komiti yang kita minta supaya dilibatkan bank, institusi kewangan, sektor perdagangan dan sebagainya, bagaimana hendak diperluaskan penggunaan kita. Ini bagi saya adalah amat penting. Jadi, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dewan Negara ini masih boleh berperanan membantu saya cara bagaimana kita boleh menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia secara menyeluruh di seluruh negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Hajah Mumtaz.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, oleh sebab kesedaran yang begitu penting yang telah pun diberikan oleh Yang Amat Berhormat berkenaan dengan imej dan penguasaan ilmu kepada pelajar-pelajar kita, bagaimanakah Kementerian boleh menggarap usaha sama dengan pihak media terutamanya bagi TV-TV perdana yang bukan TV pendidikan dalam usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua ataupun ketiga?

Kedua, berkaitan dengan berapakah kos yang telah pun ditanggung akibat pertukaran daripada satu pelan ke pelan yang baru khususnya untuk pengajian Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu ini? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih. Adalah amat tepatlah kerana untuk hendak memastikan dasar kita ini boleh dilaksanakan, ia melibatkan semua pihak. Saya akui peranan media adalah amat penting sekali. Kita lihat dalam sistem penyiaran kita, ada TV swasta dan TV kerajaan. Mungkin kalau dilihat dari segi *content* nya, sebahagian besar dalam bahasa Inggeris. Tanpa kita suruh, digalakkan dalam bahasa Inggeris, dia gunakan bahasa Inggeris. Kadang-kadang mungkin *content* Bahasa Malaysia itu agak kurang daripada bahasa Inggeris kerana ada saluran-saluran ASTRO dan lain-lain yang berkaitan agak bebas untuk menyiarkan drama, filem yang hampir sebahagian besarnya adalah dalam bahasa Inggeris.

Jadi, dalam soal penggunaan itu tidak jadi masalah. Cuma, kalau disebutkan soal bagaimana kita hendak diperluaskan. Kita ada menjemput wakil-wakil media bersama-sama dengan kita dalam Jawatankuasa untuk melihat cara bagaimana ia dapat diperkembangkan, mungkin program, berbagai-bagai aktiviti boleh disusun dan cara begini boleh membantu supaya penggunaan Bahasa Malaysia dan juga penguasaan bahasa Inggeris itu dapat kita laksanakan.

Peruntukan yang telah disediakan untuk program kita bagi tahun ini sahaja saya rasa dekat RM800 juta. Peringkat awal untuk hendak mengubah berbagai-bagai *hardware* dan *software*, latihan dan sebagainya, kita sediakan untuk melatih guru-guru dan sebagainya itu satu jumlah permulaan yang bolehlah dikatakan besar. Saya jangka mungkin untuk keseluruhan MBM/MBI, kita memerlukan tidak kurang RM5 bilion dalam satu fasa, bukan sekali gus untuk kita laksanakan dasar yang saya disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sekarang pertanyaan yang kedua. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad. Di samping itu saya ingin mengalu-alukan rombongan pelawat dari PERKIM Negeri Sembilan Darul Khusus seramai 16 orang yang diketuai oleh Datuk Hajah Siti Rahmah... [Tepuk] Silakan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan, saya juga ingin mengalu-alukan selamat datang kepada pelajar-pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Yoke Kuan, Sekinchan, Parlimen Sungai Besar... [Tepuk]

2. Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan, apakah pendirian kerajaan mengenai cadangan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yang telah pun mencadangkan Sistem Gaji Sebaris diperkenalkan dalam kajian semula terhadap Sistem Saraan Malaysia (SSM) supaya penjawat awam akan lebih produktif dalam menunaikan tugas mereka dan cadangan supaya kenaikan pangkat dan gaji penjawat awam akan mengambil kira penglibatan mereka dalam aktiviti luar seperti kesukarelaan, kemasyarakatan dan sukan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menjalankan kajian secara berterusan terhadap Sistem Saraan Malaysia dengan fokus utama sistem saaraan yang akan dibentuk adalah berasaskan produktiviti dan prestasi. Pihak kerajaan akan turut memastikan struktur saaraan yang digubal termasuklah struktur gaji, elaun dan lain-lain lagi adalah relevan bersesuaian dengan perubahan semasa dan menyokong agenda transformasi kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua, dipersilakan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat manakah kajian ini telah dilaksanakan khususnya bagi mewujudkan struktur dan sistem yang dinamis bagi menterjemahkan agenda transformasi kerajaan (GTP) dan ekonomi (ETP)? Adakah kerajaan bercadang menyediakan skala gaji yang berterusan bagi penjawat awam sama ada tetap mahupun kontrak, khususnya yang telah mencapai gaji maksimum untuk mengkaji motivasi serta meningkatkan produktiviti mereka? Serta adakah kerajaan bercadang meminda Akta Saraan Ahli Parlimen 1980 untuk menyediakan skala kenaikan gaji tahunan bagi Ahli-ahli Parlimen iaitu Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara? Sekian, terima kasih... [Tepuk]

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa gaji sebaris adalah lebih mudah diuruskan kerana gaji adalah berasaskan dengan *one single storey system*. Ia tidak berkaitan dengan prestasi dan juga kompetensi. Manakala jadual gaji *multiplies* adalah berkait rapat dengan prestasi dan kompetensi. Walau bagaimanapun, kajian sedang dijalankan oleh kerajaan buat setakat ini untuk mengkaji semula Sistem Saraan Malaysia (SMM) untuk menjadikan perkhidmatan awam negara ini lebih produktif, lebih dinamik dan juga lebih kreatif atau mutu tahap prestasi yang tinggi.

Jadi, kajian komprehensif akan dijalankan, akan meneliti aspek daripada aspek saaraan semata-mata tetapi juga akan mewujudkan satu sistem yang dinamik bagi menterjemahkan agenda transformasi kerajaan yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi.

■ 1050

Mengenai cadangan Yang Berhormat sama ada kerajaan bercadang untuk meminda Akta Persaraan Ahli Parlimen yang telah pun disebutkan tadi. Ini buat setakat ini belum lagi ada tindakan daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah bagi menarik rakyatlah untuk menyertai perkhidmatan awam kita perlu mengadakan satu skim perkhidmatan yang terbaiklah. Kalau boleh terbaik di dunia. Sebab kita ada tiga bangsa sebab apa ramai sangat satu bangsa kita hendakkan ramai *participate*, dengan izin.

Soalan saya ialah adakah pada masa ini kerajaan bercadang untuk membuat sekali lagi penyalaraan gaji perkhidmatan awam? Iaitu menggunakan skala menurun supaya peringkat rendah ke peringkat tinggi. Contohnya jawatan sokongan kita naik 20 peratus dan separuh profesional sebab dia kaya sudah, dia besar sudah gaji dia 15 peratus atau 10 peratus. Untuk menarik lagi dan untuk menyara atas kenaikan barang dan keadaan ekonomi yang paling mencabar. Sekian terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tadi. Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa kerajaan memang bercadang untuk memperkenalkan satu lagi anugerah khas bagi menghargai perjawatan awam. Juga selain daripada itu selain berupaya menunjukkan mutu kerja tinggi di pejabat mampu pula Tuan Yang di-Pertua yang bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti seperti saya katakan tadi dalam jawapan asal saya. Jadi ini satu cadangan yang baik oleh Yang Berhormat. Kerajaan memang pada setakat ini sedang menjalankan kajian untuk mengambil pertimbangan apa yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Sekian terima kasih.

3. Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) menjelang 2013, kerajaan akan mewajibkan isi rumah di negara ini mengasingkan sampah kepada dua kategori iaitu bahan yang boleh di kitar semula dan sisa pepejal sebelum dikutip oleh pihak berkuasa. Apakah pelan tindakan yang kementerian lakukan bagi memastikan bahawa usaha ini akan berjaya mendidik rakyat supaya mengitar semula; dan
- (b) adakah ia dapat menangani masalah kekurangan tempat pelupusan sampah memandangkan semakin hari jumlah isi rumah di negara ini semakin meningkat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu izinkan saya untuk menjawab bersekali pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dr. S. Ramakrishnan dengan pertanyaan-pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Senator seperti berikut kerana ia menyentuh isu yang sama iaitu pengurusan sisa pepejal negara. Pertanyaan-pertanyaan yang dimaksudkan adalah:

- (i) pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid yang dijadualkan pada hari ini;
- (ii) pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Tee Hock Seng yang dijadualkan pada 26 April; dan
- (iii) pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumar dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid yang dijadualkan pada 27 April.

Kerajaan sememang sedar bahawa tahap kesedaran masyarakat terhadap amalan kitar semula masih rendah. Oleh yang demikian usaha untuk mengubah dan mengajak minda rakyat melalui pelbagai kempen dan program kesedaran sentiasa dijalankan. Pelbagai aktiviti kitar semula atau 3R dengan izin, *reduce, reuse, recycle* telah dilaksanakan kementerian melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Langkah-langkah ini adalah penting kerana dengan merencanakan aktiviti ekonomi peningkatan populasi dan kekurangan tanah untuk pelupusan sisa pepejal. Masyarakat perlu mengurangkan penggunaan sisa pepejal.

Oleh itu kerajaan dijangka akan mewajibkan pengasingan sisa dan punca oleh setiap isi rumah selepas Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dikuatkuasakan kelak. Langkah ini dijangka akan meningkatkan lagi kadar kitar semula di kalangan masyarakat menggunakan penggunaan sisa pepejal dan seterusnya meningkatkan lagi jangka hayat 176 tapak-tapak pelupusan sisa pepejal yang sedia ada. Kerajaan akur bahawa adalah penting untuk memastikan supaya tempat pelupusan sampah adalah mesra alam dan efektif.

Sehubungan dengan itu kerajaan hanya membangunkan tapak pelupusan sanitari yang dilengkapi dengan loji rawatan *leached* supaya *leached* yang dilepaskan menepati piawai yang telah ditetapkan Jabatan Alam Sekitar dan tidak mencemarkan sungai dan sumber air.

Tapak-tapak tidak sanitari tidak dikenal pasti mencemarkan alam sekitar pula akan ditutup selamat. Setakat ini sebanyak 17 tapak pelupusan tidak sanitari sedang ditutup selamat manakala 32 tapak tidak sanitari yang sedang beroperasi sedang di naik taraf untuk menangani isu alam sekitar dan melindungi kesihatan awam.

Kementerian sememangnya prihatin mengenai mutu perkhidmatan syarikat-syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal termasuk Syarikat Alam Flora. Sungguhpun begitu terdapat beberapa kekangan berikutan kaedah penswastaan *interim* yang diamalkan buat masa ini. Ini seterusnya menyukarkan pihak syarikat untuk mendapatkan sumber kewangan baru bagi membeli kenderaan-kenderaan dan peralatan serta menambah tenaga kerja sedia ada yang diperlukan.

Kementerian percaya dan yakin bahawa masalah tersebut akan dapat diatasi bila penguat kuasa Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang akan dilaksanakan kelak seterusnya membolehkan KPI dikenakan bagi menilai keberkesanan syarikat-syarikat konsesi ini lebih teratur dan lebih efektif. Adalah menjadi hasrat kerajaan agar usaha-usaha ini akan memberikan manfaat yang semaksimum kepada seluruh pelosok rakyat. Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk kurangkan sisa pepejal salah satu cara ialah kurangkan juga bekalan pepejal. Soalan saya berikut ialah apakah galakan yang diberi kepada pengguna dan pemilik kedai untuk menggunakan beg yang boleh di kitar semula. Adakah insentif-insentif yang disediakan dan diberi? Soalan kedua ialah sisa organik atau sisa yang berasal dari makanan di pasar raya ataupun di pasar *wet market* dengan mudah boleh ditukar kepada baja tanpa kos pelaburan yang besar. Adakah kerajaan akan menggalakkan supaya sisa organik atau makanan ini ditukar kepada baja secara luas? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan pertama, setakat ini kementerian tidak ada cadangan untuk mengadakan insentif kepada mana-mana kedai runcit ataupun gedung-gedung besar. Akan tetapi ada di sebahagian PBT misalnya di PBT-PBT yang besar-besar di majlis perbandaran atau bandar raya mereka mempunyai inisiatif sendiri untuk mengadakan potongan bayaran lesen, potongan pelbagai bayaran dan sebagainya. Akan tetapi setakat ini kementerian tidak ada, belum ada apa-apa cadangan untuk menyediakan inisiatif ataupun insentif kepada mereka yang tidak ataupun menggunakan beg plastik yang boleh di kitar semula.

Bagi soalan yang kedua iaitu kompos. Memang kita galakkan. Ada beberapa peniaga di sekitar Putrajaya telah pun mulakan program ini dan mendapat sambutan. Kita akan terus memberikan galakan dan satu ketika dahulu daripada sejak tahun 2007 sehingga tahun 2010 ada *private initiative* daripada pihak-pihak yang ingin cuba untuk membantu kerajaan untuk mempromosikan tentang penajaan baja kompos daripada sisa pepejal. Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ini begini ya Timbalan Menteri. Di negeri Johor ada beberapa perancangan kementerian untuk membina pusat-pusat pelupusan sisa pepejal yang masih belum dilaksanakan. Umpamanya di Muar, Johor Bahru dan beberapa tempat tertangguh sekian lama yang menyebabkan masalah dan kerumitan lebih-lebih lagi kepada PBT yang bertaraf majlis daerah. PBT ini ada tiga Tuan Yang di-Pertua, satu majlis bandar raya, satu majlis perbandaran yang paling miskin sekali ialah majlis daerah. Kalau Johor yang PBT bertaraf majlis daerah ada lima atau enam daripada sepuluh.

■ 1100

Jadi apakah langkah yang perlu dibuat atau rancangan kementerian untuk mempercepatkan tempat-tempat pelupusan sisa pepejal ini. Kedua, saya pernah berkhidmat dalam Majlis Perbandaran Johor, lama juga sebagai Ahli Majlis.

Kos pelupusan sisa pepejal ini ataupun penswastaan pelupusan sisa pepejal ini yang diberikan kepada, tidak kira Alam Flora ataupun SWM kalau di selatan, *Southern Waste Management*. Ia bertugas hanya mengangkat sampah itu sahaja dan hantar kepada tempat pelupusan sisa pepejal.

Selepas itu, tanggungjawab sama ada *landfill* ataupun melupuskan, membakar sisa pepejal itu adalah tanggungjawab kerajaan balik semula kepada PBT. Jadi maknanya penswastaan ini tidak lengkap. Jadi saya minta kementerian dalam hal ini menyemak semula perjanjian antara pihak yang mendapat penswastaan tadi dengan PBT sebab pada akhirnya PBT menanggung kos untuk membakar sampah itu, mencari *landfill* dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan pertama, memang saya menyedari bahawa ada beberapa kekangan tentang pemindahan beberapa *landfill* di negeri Johor terutama sekali di kawasan Pagoh dan juga beberapa kawasan lagi. Namun demikian, pada Rancangan Malaysia Kesepuluh kita telah menyediakan peruntukan dan setelah kajian selesai, terutama sekali di kawasan Pagoh apabila kajian telah selesai kerana ada diperlukan kajian secara mendalam supaya tidak memberikan satu impak kepada penduduk di sekitar Pagoh. Jadi oleh itu setelah kajian diselesaikan dan secepat mungkin, kita akan melaksanakan pemindahan pusat pelupusan sampah di Pagoh dan juga di kawasan majlis perbandaran dan di kawasan majlis daerah.

Bagi penswastaan, buat masa ini sistemnya adalah sistem *interim* di mana pihak tiga konsesi ini mereka terus sahaja berunding kepada semua PBT di kawasan ataupun di negeri masing-masing. Kita belum lagi mempunyai satu tanggungjawab ataupun *responsibility*, dengan izin, untuk menentukan kaedahnya, tetapi selepas penswastaan penuh ini maka pihak kementerian dan Kerajaan Persekutuan akan menentukan tentang kaedah apakah yang akan dilakukan oleh pihak tiga konsesi sama ada mereka ini hanya mengutip sampah, pembersihan awam atau terus melaksanakan mengenai dengan penutupan selamat dan juga membakar sampah di kawasan tempat pelupusan sampah.

Jadi untuk masa kini, saya tidak dapat memberikan satu keputusan oleh kerana penswastaan pun telah ditangguhkan sehingga pada 30 April ini dan kemungkinan juga akan ditangguhkan lagi oleh kerana ada di antara negeri-negeri yang belum bersedia. Mereka mahu untuk menerima penswastaan tetapi belum bersedia oleh kerana ada beberapa lagi perlu dibincangkan secara lanjut dengan pihak Kerajaan Pusat. Terima kasih.

4. Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah hasil yang dicapai oleh 'Program Penempatan Pekerjaan' dalam mengatasi masalah pengangguran dan mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan, saya ingin mengalu-alukan dan mengucapkan selamat datang kepada guru-guru dan pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Temin, Jerantut Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam di atas soalannya. Penempatan pekerjaan adalah salah satu tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia. Pendaftaran dan penjadohan pekerja dilaksanakan di semua 80 pejabat-pejabat Jabatan Tenaga Kerja di seluruh negara dan untuk meluaskan lagi kemudahan ini kepada rakyat, 12 pusat *JobsMalaysia* telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahun lalu dan diwujudkan di lokasi-lokasi yang strategik dan selain daripada itu 99 pusat latihan di bawah Kementerian Sumber Manusia dan lain-lain tempat yang ada kaitan dengan Kementerian Sumber Manusia dijadikan *JobsMalaysia Point* menawarkan kemudahan-kemudahan yang sama.

Sejajar dengan konsep 1Malaysia 'Rakyat Didahulukan', lagi satu pendekatan penempatan pekerjaan dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Program Penempatan Pekerjaan atau lebih ringkas selalu disebut sebagai Program 3P. Kaedah ini melibatkan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Tenaga Kerja turun padang membawa peluang pekerjaan terus kepada rakyat. Tujuan utama program ini adalah untuk membantu pencari kerja mendapat pekerjaan dan membantu majikan mendapat pekerja.

Di antara pengisian program ini ialah pameran kerjaya, temu duga terbuka dengan izin, *walk-in interview* diadakan, klinik kerjaya di mana kemudahan kaunseling kerjaya diberi kepada pengunjung-pengunjung dan pendaftaran pencarian pekerjaan dibuat melalui portal *JobsMalaysia* dan di sesetengah tempat pendaftaran dibuat secara manual.

Bagi tahun 2010, pencapaian keseluruhan penempatan pekerjaan oleh Jabatan Tenaga Kerja ialah seramai 110,239 orang dan dari jumlah ini sebanyak 18.3 peratus ataupun 20,225 diperolehi melalui Program 3P. Untuk tahun 2011, 143 Program 3P dirancang dan sehingga minggu ketiga April 2011, jumlah keseluruhan penempatan pekerjaan ialah 56,600 orang dan melalui 37 Program 3P yang telah dilaksanakan tahun ini, 19,406 ataupun 34.3 peratus adalah melalui Program 3P. Dirumuskan kaedah ini adalah berkesan dan di dalam membantu rakyat mendapatkan pekerjaan dan membantu majikan mencari pekerja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Yeow Chai Thiam: Soalan tambahan saya adalah apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan atau akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah atau menangani masalah warga asing yang memiliki pas pelajar tetapi bekerja secara haram.

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan tadi ialah mengenai dengan rakyat tempatan mendapat pekerjaan melalui Program 3P (Program Penempatan Pekerjaan). Isu warga asing saya harap Yang Berhormat dapat kemukakan secara berasingan kerana ia memerlukan data dan juga maklumat-maklumat yang terperinci yang tidak ada bersama saya. Terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Senator kerana dilantik semula dan kedua tahniah di atas kemampuan kerajaan kerana mewujudkan apa yang dipanggil *full employment* mengikut definisi ILO kerana kadar pengangguran kita sekitar 3.4 peratus.

Saya ingin menarik perhatian tentang warga asing dan juga dalam struktur populasi ada dipanggil dalam *labour force*, dengan izin, dan luar *labour force*. Kalau kita tolak mereka yang di luar *labour force* ini pelajar ada terdapat kira-kira dua juta lebih penduduk kita di luar *labour force* yang produktif umurnya antara 20 ke 45 tahun. Bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri kita boleh menggunakan mereka ini yang juga berpelajaran sekurang-kurangnya SPM dan juga ada yang ijazah boleh digunakan untuk menyumbang kepada ekonomi negara. Pertama.

■ 1110

Dalam masa yang sama boleh membantu mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing, itu pada satu pihak. Dalam usaha mengurangkan kebergantungan tenaga buruh asing ini, apakah usaha kementerian misal kata berusaha ke arah automasi, misalnya di restoran, kita boleh menggunakan mesin basuh pinggan *rather than* menggunakan tenaga buruh, begitu juga mengubah pendekatan pekerja *self service* dan sebagainya dan menggunakan *disposable plate*, dengan izin. Jadi, apakah usaha kerajaan di dalam dua pendekatan yang saya kemukakan ini? Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan:Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Akbar Ali bertanya mengenai dengan tenaga yang masih ada di dalam pasaran tetapi belum memasuki pasaran dan ini selalu kita panggil sebagai dengan izin, *latent workforce* iaitu tenaga kerja yang berpotensi tetapi belum memasuki pasaran pekerjaan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita mendapati ini merupakan satu agenda yang penting di bawah agenda Kementerian Sumber Manusia, di mana salah satu daripada KPI menteri adalah untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Oleh itu, kita melihat terdapat lebih 6 juta tenaga yang di luar pasaran tenaga kerja ini yang masih perlu kita usahakan dan di antaranya adalah lebih kurang 3.2 peratus terdiri daripada kaum wanita dan sebahagian mereka adalah yang mempunyai kelulusan tertentu tetapi oleh sebab kekangan tertentu mereka tidak dapat bekerja.

Oleh itu ini perlu dilihat bagaimana lebih ramai wanita dapat dibantu memasuki pasaran pekerjaan, pertama melalui program-program latihan dan juga masalah-masalah harian mereka seperti tempat untuk mereka menempatkan anak-anak supaya ada tempat yang selamat yang mereka mampu dan lain-lain aspek yang melibatkan kualiti pusat-pusat tersebut.

Selain daripada itu, kerajaan juga melihat tenaga mereka yang sudah berpujian Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang masih lagi segar bugar dan masih lagi boleh

digunakan dan selain daripada itu tenaga pelajar juga kita lihat sebagai salah satu potensi, OKU dan kesemua ini kita lihat salah satu langkah yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia. Pada tahun lalu bulan September, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia telah mengumumkan peraturan kerja separa waktu yang mana membolehkan sebahagian daripada mereka ini untuk memasuki pasaran pekerjaan mengikut syarat-syarat ataupun persetujuan majikan dan mereka yang sesuai untuk kedua-dua pihak. Ini adalah di antara langkah-langkah yang sedang diusahakan dan *insya-Allah*, banyak lagi kajian dan tindakan serta permuafakatan perlu dibuat untuk kita meningkatkan penglibatan tenaga-tenaga berpotensi ini untuk memasuki pasaran pekerjaan, *insya-Allah*.

Mengenai dengan automasi, ini adalah salah satu strategi di mana penggunaan teknologi yang lebih efisien dan sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menekankan kepada inovasi, kreativiti supaya sebahagian daripada ciptaan dan dapatan-dapatan ini dapat menyumbang kepada memudahkan lagi proses pekerjaan, mempercepatkan tanpa mengorbankan kualiti dan lain-lainnya.

Pada masa ini, Kementerian Sumber Manusia sedang aktif mengenal pasti misalannya di dalam sektor binaan, sudah ada sistem pembinaan yang mana boleh dibuat dengan lebih cepat dan lebih efisien. Begitu juga di dalam sektor perkhidmatan, sebenarnya telah lama kita lama kita mencadangkan kepada restoran contohnya supaya mereka menggunakan automasi di dalam pemotongan, pembersihan, layan diri dan lain-lainnya dan banyak usaha seperti ini perlu dibuat secara berterusan dan hasrat supaya kita dapat mengurangkan penggantungan kepada pekerjaan asing itu akan menjadi kenyataan, *insya-Allah* melalui usaha-usaha ini. Terima kasih.

5. Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram minta Perdana Menteri menyatakan, bilangan wanita yang menjawat jawatan pembuat dasar di peringkat Kementerian, agensi Kerajaan dan juga GLC's. Apa tindakan Kementerian untuk meningkatkan bilangan ini ke kadar 30 peratus seperti yang disasarkan di bawah RMKe-10

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini di atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, jumlah pegawai kumpulan pengurusan tertinggi di dalam perkhidmatan awam persekutuan adalah seramai 1,604 orang.

Sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus penglibatan wanita di dalam jawatan pembuat keputusan telah pun dicapai di mana seramai 521 ataupun 32.48 peratus pegawai wanita kini telah menjawat jawatan di dalam kumpulan pengurusan tertinggi. Jumlah pecahan pegawai kumpulan pengurusan tertinggi adalah seperti berikut:

GED	Turus Tiga	JUSA A	KHAS A	JUSA B	KHAS B	JUSA C	KHAS C
Lelaki	31	53	24	168	75	536	200
Wanita	7	13	8	51	54	177	211

Ini menunjukkan bahawa sasaran lebih daripada 30 peratus telah pun dicapai oleh kerajaan. Mengenai pekerja wanita di dalam GLC, saya tidak ada statistik kerana ini terlibat dengan Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tahniah diucapkan kepada pihak kementerian yang telah pun mencapai kadar sasaran sebanyak 30 peratus. Pertanyaan tambahan saya, daripada bilangan yang telah dinyatakan tadi berapa ramai kah bilangan wanita dari kumpulan etnik India dan bagaimanakah kedudukan ataupun prestasi negara berbanding dengan negara-negara lain khususnya di rantau Asia Tenggara. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan tadi, pertama mengenai statistik yang terlibat dengan kaum India. Ini Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya tidak ada sebarang informasi terhadap pertanyaan tersebut tetapi

saya akan membekalkan nanti. Mengenai dengan prestasi di antara negara-negara yang berkenaan, saya rasa wanita kita di Malaysia ini memang yang handal, hebat sekiranya dibandingkan dengan negara yang lain.

Kita juga dapat melihat dengan sendiri bagaimana Gabenor Bank Negara kita adalah seorang wanita dan beliau telah pun dipuji oleh ramai negara asing yang mengatakan gabenor kita ini amat hebat. Jadi saya rasa reputasi wanita-wanita terutama tokoh-tokoh wanita di negara ini memang hebat jika dibandingkan dengan negara yang lain. Sekian terima kasih.

6. Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah penyelesaian masalah jurulatih badminton negara Misbun Sidek masih buntu. Tidakkah Kementerian sedari penglibatan beliau dalam mengasah bakat Datuk Lee Chong Wei harus diiktiraf hingga membolehkan beliau berjaya mempertahankan Kejohanan All England yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Bolehkah Kementerian, BAM dan Misbun sidek bersedia menyelesaikan kemelut ini sekali gus menumpukan kepada kejohanan Olimpik dan dunia yang bakal digalas oleh jaguh badminton negara ini.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan di atas soalan yang dikemukakan dan juga keprihatinan Yang Berhormat Datuk di atas perkembangan sukan tanah air terutama sekali sukan badminton.

Ada perkara yang telah dijelaskan berdasarkan kepada perkembangan yang terakhir iaitu setelah Datuk Misbun meletakkan jawatan di hujung tahun lepas, beliau telah pun menarik balik surat peletakan jawatan dan telah diterima oleh pihak Persatuan Badminton Malaysia pada 1 April yang lepas.

■ 1120

Sehingga sekarang, Mesyuarat Jawatankuasa Kejurulatihan dan Latihan BAM pada 16 hari bulan yang lepas telah memutuskan untuk Datuk Misbun membimbing skuad pelapis negara dan akan ditentukan siapakah nama-nama pemain dan juga atlet dan kumpulan mana yang perlu dilatih. Ia masih belum ditentukan. Ia akan ditentukan pada Mesyuarat Majlis BAM pada 28 April ini. Sehingga sekarang Datuk Misbun belum lagi menyatakan pendiriannya – apakah tawaran ini diterima oleh beliau. Kita mengharapkan bahawa kemelut ini akan berakhir dalam perundingan antara pihak BAM dan Datuk Misbun dalam menentukan apakah peranan yang dimainkannya di masa hadapan. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih. Soalan tambahan saya. Dunia mengakui kehebatan dan kebolehan Datuk Misbun Sidek sebagai melatih dan mendidik Datuk Lee Chong Wei. Namun, sebagai seorang yang berkemampuan luar biasa seperti Datuk Misbun, apakah perancangan kementerian atau BAM untuk memanfaatkan kemajuan sukan badminton negara secara menyeluruh lebih dari kejayaan seorang pemain?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih dia atas soalan tambahan yang dikemukakan. Saya percaya bahawa apa yang telah diputuskan oleh pihak BAM tentang peranan yang boleh dimainkan oleh Datuk Misbun selepas beliau menarik balik surat peletakan jawatan beliau baru-baru ini ialah bagaimana untuk membimbing skuad baru pelatih-pelatih ataupun di barisan pelapis pemain badminton kita.

Kita harapkan di suatu masa nanti kita akan dapat melahirkan lebih ramai lagi Datuk Lee Chong Wei yang menerajui skuad badminton kita, kerana kita tahu bahawa apa yang menjadi masalah kepada atlet badminton kita bukan sahaja melahirkan pemain nombor satu dunia tetapi melahirkan lebih ramai lagi pemain-pemain yang mampu untuk meneruskan dan menjadi kesinambungan kepada apa yang telah dapat dilahirkan oleh Datuk Lee Chong Wei.

Kita percaya bahawa kehebatan Datuk Misbun dalam melahirkan seorang pemain seperti Datuk Lee Chong Wei perlu dimanfaatkan untuk melahirkan lebih ramai lagi Datuk Lee Chong Wei. Oleh sebab itulah alasan yang diberikan oleh pihak BAM untuk meletakkan

beliau sebagai orang yang dipertanggungjawabkan untuk membina pelapis-pelapis baru ialah satu alasan yang dikira amat munasabah bagi masa hadapan badminton negara.

Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini kerana Yang Berhormat Menteri sendiri ada di sini. Saya seorang peminat sukan.

Saya ingin menyatakan di sini yang negara merasa bangga dan kita harus memberi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri setelah baru-baru ini melihat cerah semula sukan kita. Kita lihat skuasy, badminton, boling dan baru-baru ini bola sepak serta hoki semuanya sudah mula naik semula. Akan tetapi baru-baru ini saya melihat *Malaysian Open Golf* Yang Berhormat Menteri, saya melihat begitu ketara sekali di mana profesional-profesional sukan golf tempatan kita begitu jauh sekali daripada pemain-pemain golf internasional. Apakah pendapat Yang Berhormat Menteri berkenaan perkara ini? Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan saya menjawab soalan ini kerana soalan ini agak terkeluar dari soalan asal yang tumpuannya kepada badminton.

Tuan Yang di-Pertua: Sebagai Menteri, boleh Yang Berhormat.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih. Saya berkongsi pandangan daripada Yang Berhormat sebentar tadi bahawa kita agak kecewa. Sehingga sekarang kita belum lagi melahirkan seorang pemain golf yang handal yang mampu untuk bersaing dengan pemain-pemain golf dunia yang lain sedangkan kita menjadi penganjur yang hebat seperti *Malaysian Open* ataupun CIMB Classic yang diadakan di *The Mines* di bawah salah satu daripada sirkuit PGA yang dianggap unggul dan ulung dalam konteks negara-negara dunia golf seluruhnya. Malahan, kalau dilihat ada beberapa negara yang di sekitar kita seperti Thailand, Singapura dan yang terakhirnya ada pemain daripada Bangladesh pun sudah diletakkan di kalangan mereka yang duduk di tempat yang tinggi.

Ada beberapa perkara yang perlu dilihat di sini. Satunya ialah peranan yang boleh dimainkan oleh kerajaan dalam mencungkil bakat dan ada peranan yang boleh dimainkan oleh persatuan-persatuan serta ada peranan yang perlu dimainkan oleh individu ataupun keluarga yang berkenaan. Di sinilah kita lihat bahawa untuk melahirkan pemain-pemain yang baik, ia memerlukan *environment* ataupun satu suasana yang sebegini. Pertama, peranan yang dimainkan oleh kerajaan termasuk menaja ataupun memberikan sokongan kepada perkembangan akademi-akademi golf dalam negara kita. Kedua, peranan yang dimainkan oleh persatuan-persatuan sukan ataupun persatuan-persatuan golf. Sekarang ini kita ada persatuan yang turut mengadakan pelbagai program dan juga kejohanan-kejohanan dalaman dan membantu pemain-pemain kita untuk bermain di peringkat antarabangsa.

Apa yang lebih penting lagi kalau kita lihat keupayaan negara-negara seperti Korea Selatan misalnya, yang begitu jauh ke hadapan dalam melahirkan pemain-pemain yang hebat dalam bidang golf ini ialah kerana keupayaan individu dan keluarga mereka yang melihat bahawa untuk menjadi seorang profesional dalam bidang jurutera, doktor dan sebagainya. Mereka mungkin akan dapat menjadi seorang jutawan pada usia 30 tahun atau 40 tahun.

Akan tetapi bagaimana lahirnya orang seperti K.J. Choi, Pak Se Ri, Michelle Wie dan sebagainya benar-benar memberi inspirasi kepada bukan sahaja kepada anak-anak di sana. Akan tetapi keluarga di sana untuk memberikan bimbingan secara persendirian dan menghantar anak-anak mereka secara persendirian untuk belajar secara beramai-ramai. Ini adalah merupakan satu budaya baru yang belum ada dalam konteks negara kita.

Saya tidak boleh memberi satu jawapan yang cepat dan tepat untuk mengatakan bahawa kita boleh melahirkan – kalau pemain untuk menjadi profesional adalah ramai, tetapi profesional yang boleh setanding dengan pemain-pemain lain.

Kalau kita lihat bahawa dalam *Malaysian Open* baru-baru ini, yang menjuarai adalah seorang pemain dari Itali yang berusia 17 tahun dan pada tahun lepas pemain dari Korea yang berusia 19 tahun. Di antara tokoh seperti McIlroy, usianya ialah 21 tahun. Jadi

kalau kita dikatakan kita lihat bakat, bakat kita adalah di kalangan mereka yang berusia 20 tahun, 25 tahun, 30 tahun. Ramai yang menganggap bahawa bakat itu sudah terlalu lambat untuk kita ketengahkan kerana kita lihat bahawa bakat-bakat baru yang ada dalam dunia golf adalah terdiri daripada mereka yang berusia belasan tahun.

Oleh sebab itulah program untuk membina satu generasi yang dilihat mampu untuk menyaingi negara-negara lain perlu kita contohi. Misalnya di Amerika dan sebagainya, golf diajar di peringkat sekolah. Misalnya ada program *First Tee Program* yang melihat golf itu bukan sekadar satu permainan tetapi satu proses pendidikan. Ini kerana dalam golf, ia bercakap tentang soal integriti, permainan yang tidak ada referi ataupun empayar dan sebagainya. Dilatih diri mereka untuk yakin kepada diri mereka, dilatih untuk menghormati *environment*, melatih diri mereka untuk menghormati alam sekitar, kepada gurunya, kepada rakan-rakan dan sebagainya. Jadi, di sini dilihat golf adalah satu permainan yang membentuk keperibadian seseorang itu dan ia bukan sekadar untuk memenangi *tournament* dan sebagainya.

Jadi kalau dikatakan bahawa ia memerlukan pendekatan yang menyeluruh, ia bukan sekadar tanggungjawab satu kementerian tetapi ia melibatkan Kementerian Pelajaran, kementerian-kementerian lain dan sebagainya. Jadi inilah saya katakan bahawa untuk melahirkan pemain golf yang baik, ia memerlukan pendekatan yang menyeluruh daripada semua pihak. Terima kasih.

■ 1130

7. Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah pihak JPJ menyenarai hitam pengguna kenderaan dan tidak dibenar memperbaharui lesen serta cukai jalan bagi mereka yang tidak membayar saman polis tanpa membawa kes ke mahkamah terlebih dahulu, adakah mengikut lunas-lunas undang-undang dan nasihat dari Peguam Negara.

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Wan Hazani mohon dijawab bersekali bersama soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb soalan bernombor 61 mengikut Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini memandangkan kedua-dua soalan yang dikemukakan menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tindakan menyenaraikan kenderaan dengan menyekat urus niaga pembaharuan lesen memandu dan lesen kenderaan motor yang dilakukan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan adalah selaras dengan kuasa di bawah seksyen 17(1)(d), dan seksyen 29(1)(a) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Tindakan ini diambil terhadap pemandu atau pemilik kenderaan yang melakukan kesalahan lalu lintas.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan tindakan senarai hitam dilaksanakan berlandaskan undang-undang, JPJ tidak lagi menyekat urus niaga pembaharuan lesen memandu dan lesen kenderaan motor bagi kes-kes yang tidak dibawa ke mahkamah, hanya kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah dan kes-kes jenayah yang masih dalam siasatan Polis Diraja Malaysia atau JPJ sahaja yang akan dikenakan tindakan senarai hitam.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya, berapakah jumlah kenderaan atau tambahan tuan empunya kenderaan yang telah disenaraihitamkan dari 2009 hingga Mac 2011. Tidakkah menjadi satu permasalahan atau dengan izin, *side effect* kepada parti pemerintah dan tidak menjadi masalah kepada pegawai kerajaan yang mengambil tindakan.

Saya minta tolonglah timbang-timbangkan dengan penuh kebijaksanaan pihak-pihak pegawai yang bertindak, bererti janganlah menjadi satu beban kepada rakyat yang menimbulkan kebencian kepada parti pemerintah. Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat. Senarai hitam lesen memandu seperti berikut:

Tahun	Senarai Hitam Lesen Memandu	Senarai Hitam Lesen Kenderaan	Jumlah
2009	122,794	180,624	303,418
2010	115,370	154,663	270,033

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator tadi, kita terima dengan satu pandangan yang baik dan kita akan berusaha untuk mengurangkan bebanan kepada rakyat khususnya. Akan tetapi dalam pada masa yang sama Yang Berhormat, kita juga menjalankan tugas yang sangat bermakna oleh kerana kita hendak mengurangkan jumlah kematian ataupun *accident* di jalan raya dan detik-detik seperti yang saya sebut pada masa yang lalu, pada musim perayaan apabila orang hendak balik kampung dan balik ke bandar semula itulah masa yang kita hendak jaga.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi oleh kerana adanya penyenaian hitam lesen-lesen dan juga lesen kenderaan ini dan juga pengesanan ataupun penguatkuasaan secara lain, nampaknya berkuranglah *accident* ataupun kemalangan yang berlaku di jalan raya kita. Terima kasih.

8. Tuan Boon Som a/l Inong minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh manakah pengiktirafan taraf bumiputera dalam Perkara 160(2), Perlembagaan Persekutuan turut mengambil kira masyarakat minoriti Siam di negara ini. Ini berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin pada masa lalu dan sekarang, masyarakat bangsa Siam dianggap bumiputera.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Boon Som atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, istilah bumiputera secara spesifiknya tidak ditakrifkan dalam Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang. Istilah bumiputera merupakan istilah yang digunakan oleh kerajaan dalam menguatkuasakan dasar-dasar terutamanya yang berkaitan dengan hak dan keistimewaan yang diperuntukkan di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Fasal Perkara 153(1) Perlembagaan Persekutuan yang menjadikan asas pengiktirafan taraf bumiputera oleh kerajaan memperuntukkan seperti yang berikut:

"Menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara negeri Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum-kaum lain mengikut peruntukan perkara ini".

Kerajaan merujuk istilah "bumiputera" sebagai warganegara Malaysia yang tergolong dalam mana-mana tiga kategori yang berikut - Orang Melayu sebagaimana yang diiktiraf dan ditakrifkan menurut fasal Perkara 160(2), Perlembagaan Persekutuan; Orang Asli sebagaimana yang ditakrifkan di bawah fasal (2) Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama dengan seksyen 3, Akta Orang Asli 1954, Akta 134 dan Anak Negeri, sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Perkara 161A, Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama dengan *Interpretation (Definition of Native) Ordinance, chapter 64*.

Takrif “Orang Melayu, Orang Asli”; dan anak negeri bagi negeri Sabah dan Sarawak yang dirujuk sebagai bumiputera bagi tujuan pelaksanaan dasar-dasar menurut Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Persekutuan tidak menyebut mengenai masyarakat bangsa Siam sebagai bumiputera.

Untuk makluman Dewan, seseorang itu dianggap atau dikategorikan sebagai seorang “bumiputera” apabila dia menemui semua syarat sama ada sebagai orang Melayu di bawah fasal (2), Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan, Orang Asli sebagai yang ditakrifkan di bawah fasal (2), Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan, yang dibaca bersama dengan seksyen 3, Akta 134 yang saya sebutkan tadi dan juga anak negeri sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Perkara 161A, Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama dengan *Interpretation (Definition of Native) Ordinance Sabah*.

Dalam hal ini, beban pembuktian ataupun dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *burden of prove* bagi menunjukkan bahawa mereka telah menemui syarat-syarat sebagai orang Melayu, Orang Asli ataupun anak negeri, negeri Sabah dan Sarawak menurut peruntukan undang-undang di atas adalah terletak kepada orang yang menuntut itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Boon Som a/l Inong: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir jawapannya saya tidak boleh terima sebagai untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri masyarakat Siam sejak Tunku Abdul Rahman lagi menjadi Ahli UMNO dan pada 1999 ketika Tun Dr. Mahathir dalam pertemuan dengan masyarakat Siam di Kubang Pasu menyatakan bahawa orang Siam adalah berstatus bumiputera. Begitu juga tahun 2005, di mana Perdana Menteri ketika itu Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dalam pertemuan dengan Raja Thailand juga menyatakan bahawa Siam diberi status bumiputera.

Selepas itu pada 2010, ketika kepimpinan UMNO Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak juga menyatakan bahawa orang Siam serumpun dengan Melayu. Begitu juga ucapan beberapa Menteri termasuk Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz yang menyatakan bahawa orang Siam juga bumiputera. Seramai 90 peratus mereka adalah terdiri daripada Ahli UMNO. Boleh memiliki ASB malah jawapan daripada Kementerian Kewangan pun menyatakan bahawa masyarakat Siam berstatus bumiputera.

■ 1140

Jadi saya mohon supaya jawapan itu haruslah diteliti kerana ia memberi implikasi politik yang mendalam. Sebab apa, masyarakat Siam ini penyokong setia Barisan Nasional sejak zaman dahulu lagi - sejak merdeka dahulu. Jadi saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri kembali kepada meja perundingan supaya dapat memberi jawapan yang lebih bernas. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat kena faham apa yang saya telah jelaskan tadi adalah dari segi perundangan yang tertakluk di Perlembagaan Persekutuan. Itu adalah undang-undang yang telah pun ternyata di situ. Akan tetapi walau bagaimanapun, kedudukan warga Malaysia yang bukan bumiputera memang terjamin di bawah Perlembagaan. Hanya pengiktirafan yang diminta oleh Yang Berhormat tadi mengenai masyarakat Siam ini tidak ternyata dalam Perlembagaan.

Akan tetapi saya di sini ingin memberi satu isu di mana ternyata dalam Perkara 153, Fasal 1 di mana golongan dalam termasuk dalam masyarakat Siam ini terjamin Perlembagaan di mana menyatakan bahawa:

“It shall be the responsibility of the Yang di-Pertuan Agong to safeguard the special position of the Malays and natives of any of the States of Sabah and Sarawak...”

The most important policy, dengan izin Tuan Yang di-Pertua ialah, “...*the legitimate interests of other communities...*” Ini termasuk kepada masyarakat siam yang telah pun tinggal di negara ini beratus-ratus tahun. Ini adalah mengikut Perlembagaan dan ini adalah terjamin dalam Perlembagaan.

Jadi sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, walaupun seorang bangsa Siam bukan dikategorikan sebagai bumiputera - kecuali telah pun menemui syarat-syarat yang ternyata tadi. Akan tetapi terdapat pula akta-akta di negeri seperti di Perlis dan Kedah di bawah *Perlis Malay Reservation Enactment Act No. 7/1353* dan juga *Kedah Malay Reservation Enactment Act No. 63* yang membenarkan pemilikan tanah rizab Melayu diberikan kepada bangsa Siam. Ini menunjukkan pengiktirafan mereka memang terjamin dalam akta-akta yang saya nyatakan tadi. Jadi jangan khuatir kerana Perlembagaan telah pun menjamin *special provisions given to the Thai communities that have been living in our country for centuries*, dengan izin. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

9. Dato' Zaitun binti Mat minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyatakan, langkah-langkah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyediakan tempat makan awam yang lebih bersih, teratur dan mempunyai prasarana yang menarik dan indah serta mempunyai kemudahan yang memuaskan kepada pengguna khususnya tempat makan awam di Tanglin, Bukit Aman dan berhampiran Jabatan Perangkaan.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin]: Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pusat penjaja Tanglin dan Bukit Aman adalah di bawah seliaan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen kepada penjaja-penjaja bagi menjalankan perniagaan di situ.

Bagi kerja-kerja pembersihan pusat penjaja Tanglin dan Bukit Aman dikendalikan oleh syarikat yang telah dilantik oleh Kementerian Kesihatan. Selain itu, DBKL juga sentiasa membuat pemantauan di kawasan tersebut dari semasa ke semasa bagi memastikan kerja-kerja pembersihan dilakukan oleh kontraktor pembersihan yang telah dilantik. Sementara itu bagi pusat penjaja Jalan Cenderawasih iaitu Jabatan Perangkaan, kerja-kerja pembersihan pusat penjaja dikendalikan oleh Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. Pemantauan dan tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja yang tidak mematuhi syarat-syarat lesen seperti yang ditetapkan turut dilaksanakan dari semasa ke semasa. Sepanjang tahun 2011, pihak DBKL telah merancang sebanyak 115 program gotong-royong di pasar pembangunan dan pusat penjaja yang dikenal pasti di seluruh sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sepanjang bulan Januari hingga Mac 2011, sebanyak 25 program gotong-royong telah dilaksanakan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta 304 notis kompaun telah dikeluarkan kepada penjaja-penjaja yang tidak mematuhi syarat-syarat dalam aspek kebersihan. Bagi aspek pembersihan juga, pihak DBKL akan melaksanakan program gotong-royong yang telah dijadualkan pada awal bulan Mei 2011, bersekali dengan tempat makan awam yang berhampiran dengan Jabatan Perangkaan.

Dari segi penguatkuasaan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2011, DBKL telah mengambil tindakan mengeluarkan sebanyak 15 notis kompaun ke atas pemegang lesen di gerai-gerai tersebut. Notis kompaun adalah berdasarkan kepada pelbagai jenis kesalahan seperti gerai yang kotor, pekerja-pekerja yang tidak memakai apron dan penutup kepala, membuang bahan atau air buangan di tempat awam, serta menghalang laluan awam.

Dato' Zaitun binti Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Saya timbulkan tentang tiga tempat makan awam ini kerana ia menjadi tumpuan penjawat awam, khususnya golongan sokongan dan juga pelancong. Ramai yang melahirkan kekecewaan kerana tempat makan ini tidak di senggara dengan baik, umpamanya tempat makan di Tanglin yang mempunyai enam unit Yang Berhormat Menteri, Bukit Aman empat unit, dan Pejabat Statistik terdapat sebuah warung.

Soalan tambahan saya, apakah tindakan kerajaan khususnya Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar bagi memastikan senggaraan bagi tempat awam khususnya yang saya nyatakan tadi dilakukan secara berkala termasuklah membaiki lantai, menyediakan kemudahan singki, kerusi meja yang sesuai dan tandas awam yang bersih?

Kedua, apakah langkah kementerian bagi memastikan semua pengusaha dan pekerja tempat makan awam ini mendapat suntikan bagi mengelak jangkitan *Hepatitis B* dan *Adenovirus* dan sebagainya, serta tindakan ke atas sambungan haram yang mencacatkan pandangan.

Ketiganya, apakah kementerian bercadang - apabila baru ini saya pergi ke kantin ibu Pejabat JKR Kuala Lumpur, mencadangkan untuk menjadikan kantin JKR itu pejabat ini sebagai model tempat makan awam. Ini memandangkan kantin ini bersih, menyediakan makanan yang sedap dan harganya amat berpatutan kepada kumpulan sokongan, penjawat awam serta menyediakan kemudahan awam seperti kerusi dan meja yang menarik dan tandas yang bersih dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan langkah-langkah untuk memastikan kebersihan dan juga di kawasan-kawasan Tanglin dan Jabatan Perangkaan, saya rasa saya telah jawab beberapa langkah yang telah kita ambil khususnya dari segi penguatkuasaan. Dari segi kemudahan saya rasa kemudahan telah disediakan supaya pelanggan-pelanggan di sana baik dari segi penjawat awam ataupun daripada pelawat dan pelancong dapat disajikan dengan keadaan yang selesa dan bersih. Akan tetapi lebih penting adalah mereka yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan perniagaan di situ.

■ 1150

Jadi ini adalah soal sikap yang pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa cuba bukan hanya menguatkuasakan tetapi melatih mereka ini ke arah suasana yang lebih bersih apabila menjual makanan khususnya. Ianya juga terlibat dengan pelanggan. Apabila pelanggan-pelanggan bertoleransi kepada keadaan yang seperti itu, akhirnya pihak penjaja yang terlibat pun tidak mengambil langkah-langkah untuk membersihkan kawasan. Jadi bermakna yang paling sesuai ialah pelanggan sendiri, janganlah datang di tempat-tempat yang tidak bersih. Umpamanya tadi Yang Berhormat sebut mengenai tandas, kebanyakan tandas yang diuruskan oleh DBKL, bukan hanya di Tanglin ini, di mana-mana pun, kekotoran itu dibuat oleh mereka yang lawat ataupun menggunakan tandas-tandas ini.

Akan tetapi kalau kita ada sikap seperti di sesetengah negara yang lain, pengguna-pengguna ada sikap yang positif dari segi penggunaan tandas. Saya rasa tidak payah orang kuat kuasa pun, kuat kuasa secara sendiri ataupun dengan izin *self enforcement*, adalah yang paling sesuai dalam kemudahan-kemudahan awam seperti itu. Selain daripada itu, kita sudah dari segi kebersihan di kawasan itu seperti saya sebut tadi, Alam Flora juga terlibat dalam kerja-kerja pembersihan. Jadi pihak kerajaan sedang memantau prestasi Alam Flora ini supaya mereka dapat mempertingkatkan lagi perkhidmatan mereka kepada kawasan-kawasan awam seperti ini.

10. Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, jumlah peruntukan tahunan yang disediakan untuk pengendalian tadika Kemas, kriteria guru pendidik dan bentuk latihan kemahiran yang diberikan, serta modul pengajaran yang diamalkan dalam rangka mendidik keperibadian generasi pewaris masa depan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kepada yang bertanya sahabat saya. Sukacita saya maklumkan bahawa jumlah peruntukan tahunan yang disediakan bagi pengendalian sebanyak 8,816 buah kelas Tabika Kemas pada tahun ini iaitu tahun 2011 adalah sebanyak RM44,793,500 melalui Bajet Pembangunan 004000 yang meliputi perkara; bina baru bangunan tabika, peruntukannya ialah RM15,652,168; peralatan tabika, RM16,380,385; baik pulih bangunan tabika, RM9,760,947; kurikulum, RM3,000,000 dan jumlahnya ialah sebanyak sebagaimana saya sebutkan tadi RM44,793,500. Ini bajet pembangunan.

Melalui Bajet Mengurus pula iaitu 20700, jumlah peruntukan adalah seperti berikut; pengurusan utiliti untuk bayar api, air dan sebagainya, peruntukan RM1,500,000. Sewaan bangunan pula ialah RM422,000. Jadi soalan yang lain ialah berkenaan dengan kriteria guru pendidik. Untuk kriteria guru pendidik adalah seperti berikut; pertamanya dia mesti warganegara Malaysia.

Keduanya memiliki kelayakan akademik sama ada diploma yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan ataupun yang diiktiraf setaraf dengannya. Ataupun dia mendapat, selain daripada diploma, dia mesti mendapat lima kepujian termasuk Bahasa Melayu dan lulus ujian lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia ataupun kelulusan yang diiktiraf dan setaraf dengannya oleh kerajaan.

Bagi latihan pula yang diberikan kepada guru Tabika Kemas adalah berdasarkan kepada kokurikulum standard prasekolah kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Melalui program peningkatan profesionalisme guru-guru Tabika Kemas, di antara program yang dilaksanakan adalah:

- (i) kursus Diploma Perguruan Malaysia sepenuh masa selama tiga tahun;
- (ii) kursus Diploma Perguruan Malaysia, kursus dalam cuti selama tiga tahun sembilan bulan;
- (iii) Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak kursus dalam cuti selama tiga tahun enam bulan; atau
- (iv) Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak sepenuh masa selama tiga tahun.

Manakala di antara kerana ditanya soal modul pula, di antara modul pengajaran kursus asas Sijil Pendidikan Awal Kanak-kanak (SPAK) selama tiga bulan adalah seperti berikut; bidang teras merangkumi Pendidikan Islam dan Moral diajar 12 jam, Bahasa Inggeris enam jam, Bahasa Melayu enam jam, ini terasnya. Selain daripada itu bidang-bidang pengkhususan, kita juga ada modul yang dirangkumi antaranya:

- (a) Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) - 78 jam;
- (b) pendekatan teknik pengajaran dan pembelajaran - 14 jam;
- (c) rancangan aktiviti harian - 14 jam;
- (d) alat bahan pengajar - 4 jam;
- (e) pemakanan - 16 jam;
- (f) penilaian kanak-kanak - 4 jam;
- (g) etika, tugas dan tanggungjawab pemaju masyarakat (Perdana Menteri) - 4 jam;
- (h) pengurusan ruang - 6 jam;
- (i) pengurusan kanak-kanak - 18 jam;
- (j) pentadbiran - 10 jam;
- (k) kewangan - 8 jam;
- (l) kokurikulum - 16 jam; dan
- (m) gerak kerja sosial - 4 jam.

Bahagian latihan amali pula, aktiviti riadah yang berasaskan aktiviti Hari Potensi Kanak-kanak sama ada melalui bakat ataupun sukan. Modul yang keempat ialah penilaian.

Jadi Yang Berhormat, berdasarkan penjelasan yang saya sebutkan tadi dengan penyediaan peruntukan yang besar, pemilihan kriteria guru yang berkelayakan dan berkualiti, latihan dan modul yang diiktiraf, maka adalah menjadi harapan kerajaan semua ini akhirnya akan melahirkan generasi pewaris masa depan yang berilmu, berbudi pekerti mulia dan cemerlang. Terima kasih.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada jawapan yang diberikan tadi dengan kita melihat peruntukan dan juga skim guru dan juga latihan diberikan lagi supaya tidak adalah selepas ini orang menganggap menghantar anak ke Tadika Kemas ini lebih kepada untuk menyanyi.

Jadi persoalan saya ialah Tuan Yang di-Pertua dalam hal ini, melihat kepada pentingnya pembelajaran peringkat awal ini empat hingga enam tahun yang diberi ruang di Tabika Kemas, dipanggil tabika sekarang Taman Bimbingan Kanak-Kanak Kemas ini, umur empat hingga enam tahun. Walaupun datang pengajian secara non formal, lebih kepada bermain dan menyanyi tetapi menjuruskan kepada untuk menguasai permulaan kepada 3M, membaca, menulis dan mengira.

Jadi saya hendak tanya kepada pihak kementerian, dalam peruntukan yang begitu banyak ini, kenapa masih ada ataupun masih membebankan ibubapa di luar bandar dengan ada beberapa caj yang dikenakan oleh Tabika Kemas yang ditaja sepenuhnya oleh KEMAS ini yang peruntukan yang saya anggap cukup untuk mengendalikannya. Kenapa masih ada beberapa caj yang pada permulaan tahun sehinggakan ada yang sekitar hampir RM200 pada permulaan yang saya anggap kepada ibubapa di luar bandar itu agak membebankan.

■ 1200

Keduanya ialah tentang apakah galakan ataupun promosi yang diteruskan lagi oleh pihak KEMAS ini supaya tidak ada kanak-kanak yang pada tahap ini tertinggal daripada sistem pembelajaran awal. Kalau dia tidak pergi tadika lain, tadika KEMAS lah sebagai tempat yang ditaja sepenuhnya oleh kerajaan ini harus mengambil peluang untuk memberikan didikan awal kepada kanak-kanak ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Terima kasihlah, satu soalan yang kemas berkenaan dengan KEMAS. Jadi, pertamanya saya mahu mengelakkan daripada tanggapan Yang Berhormat sebentar tadi seolah-olah KEMAS ini ia menyanyi sahaja. Ini adalah sebahagian daripada apa yang diajar oleh guru. Saya telah sebutkan tadi, kita ajar bermacam-macam. Baik daripada datang ke sekolah, hormat kepada guru, budi bahasa, menghormati ibu bapa, mengajar al-Quran, mengaji dan sebagainya. Jadi, itu Yang Berhormat nampak yang ini sahaja.

Jadi, pada saya ia merangkumi semua. Soal peribadi, soal kebersihan diri, ini semua dibuat tetapi Yang Berhormat pandang yang negatif sahaja. Akan tetapi inilah dia hakikat yang sebenar, kalau pergi ke kampung-kampung, inilah harapan ibu bapa selain daripada pendidikan di rumah, yang di KEMAS inilah yang menjadi harapan mereka. Apa yang kita latih dia yang elok-eloklah dan yang berjaya inilah hari ini tuan-tuan dan puan-puan serta Yang Berhormat sendiri lihat bahawa ramai yang telah berjaya kerana didikan asas yang sebegini rupa.

Oleh sebab itu, pertamanya saya mahu beritahu salah pandangan Yang Berhormat sebentar tadi. Ia bukan nyanyian sahaja. Cuma, kadangkala di peringkat akhir ada majlis konvokasi. Ada majlis kita mahu beri anak-anak ini tadi pengiktirafan dan beri dia pakai ijazah dan sebagainya sebagai semangat kepada mereka ini. Jadi, pada waktu itu, kita dilihat bahawa memerlukan belanja yang kita kementerian ini beri yang sebagai asas seperti yang saya telah sebutkan sebentar tadi sewa, bangunan dan sebagainya. Kita beri yang ini. Akan tetapi yang lain-lain ini, kita tidak mahu hari ini semuanya diberi percuma dan tidak ada rasa komitmen daripada ibu bapa. Oleh sebab itu kita kenakan. Saya fikir di luar bandar mengikut rekod kita, kita beri RM10 atau RM20 sebulan Yang Berhormat ya. Akan tetapi ada di tempat-tempat lain itu yang berkemampuan ada. Saya hairan ada cakup RM200 itu sebentar tadi tidak ada dalam laporan sayalah.

Jikalau ada Yang Berhormat, beri *detail* dan saya akan siasat semula sebab kita tidak mahu tuduh-tuduh yang begitu sahaja. Ini kerana yang kita buat ini, buat yang baik. RM10 ini pun kadangkala bila ada majlis konvokasi itu tadi, kita perlu beli pakaian ijazah mereka dan sebagainya. Kita turun ke bawah dan kita lihat daripada hasil yang telah diajar oleh guru-guru tabika tersebut. Jadi, oleh sebab itu tidak adalah tanggapan yang mengatakan ada bayaran RM200 itu. Jikalau ada, beritahu sayalah Yang Berhormat ya. Promosi kita buat melalui- sebenarnya tidak perlu ada promosi pun.

Kalau di kawasan luar bandar, pada mereka inilah KEMAS yang ada. Ini kerana ada juga kelas-kelas yang bersifat swasta. Swasta ini bayarannya tinggi ataupun kalau di bandar itu banyaklah.

Akan tetapi yang saya maksudkan tadi, KEMAS ini pun kita berikan kepada kawasan-kawasan di luar bandar termasuk di rumah panjang, di Sabah dan Sarawak yang mana murid-muridnya pun adalah mereka yang berbilang kaum. Jikalau misalnya, di Sarawak tadi yang beragama Kristian pun duduk belajar di KEMAS yang telah dianjurkan oleh kerajaan ini. Jadi, dalam pendek kata, hasrat Yang Berhormat sebentar tadi mahu sebutkan untuk melahirkan generasi pewaris masa depan, ini yang kita mahu bina. *Insyallah* KEMAS ini telah terbukti telah menjalankan tanggungjawabnya dengan baik dan berkesan. Kita harapkan ini akan diteruskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kedua Belas.” **[21 April 2011]**

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini Isnin 25 April 2011, adalah hari pertama giliran Yang Berhormat Menteri-menteri untuk menjawab. Dua hari di peruntukkan bagi kementerian menjawab iaitu pada hari Isnin, 25 April 2011 dan hari Selasa, 26 April 2011. Dengan itu diminta Yang Berhormat Menteri Kewangan menjawab.

12.05 tgh

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato’ Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian serta memberikan cadangan dan pandangan terhadap beberapa perkara yang diutarakan dalam perbincangan Titah Ucapan Diraja. Izinkan untuk memberi penjelasan ke atas isu-isu yang telah dibangkitkan dalam perbincangan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Syed Husin bin Ali membangkitkan isu mengenai perangkap pendapatan pertengahan atau *middle income trap*, dengan izin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Modal Baru Ekonomi (NEM) menjadi pemangkin untuk membebaskan potensi pertumbuhan Malaysia dan keluar daripada *middle income trap*. NEM dirangka untuk menggerakkan Malaysia ke hadapan ke arah ekonomi berpendapatan tinggi dengan ciri keterangkuman dan kemampuan.

NEM bukan sekadar merangsang pertumbuhan ekonomi dan menarik pelaburan swasta malahan ambil pendekatan holistik dengan memberikan tumpuan kepada aspek pembangunan manusia dan turut memberi perhatian untuk merapatkan jurang perbezaan ekonomi antara rakyat. Melalui NEM kerajaan mensasarkan menjadikan Malaysia lebih kompetitif pada peringkat serantau dan global untuk manfaat rakyat dengan pendapatan berkapital meningkat kepada USD17,700 menjelang tahun 2020 berbanding dengan USD8,300 pada tahun 2010.

Pelbagai telah dan akan terus dilaksanakan oleh kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat. Fokus utama kerajaan adalah pada golongan isi rumah dalam kumpulan 40 peratus terendah. Ini dilaksanakan melalui program bantuan sosial seperti bantuan kewangan, subsidi dan insentif. Kerajaan juga turut memberikan penekanan dalam peningkatan modal insan yang berbakat dan berkualiti di mana melalui peningkatan produktiviti, golongan pekerja akan mendapat upah atau ganjaran yang lebih tinggi.

Yang Berhormat Senator Mustafa Kamal Mohd Yusof menyentuh isu mengenai kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat menyebabkan kedudukan hutang isi rumah yang pada masa ini mencecah RM557 bilion. Beliau juga membangkitkan mengenai isu penjawat awam yang diisytiharkan mufliis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan kewangan serta isi rumah tetap kukuh pada tahun 2010 disokong oleh peningkatan pendapatan dan pasaran guna tenaga yang menggerakkan nisbah hutang isi rumah kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) kekal stabil pada 75.9 peratus pada tahun 2010 dibandingkan dengan tahun 2009 iaitu 76 peratus.

Pada masa yang sama, tahap keupayaan bayar semula hutang sektor isi rumah tetap kukuh memandangkan paras hutang disokong oleh paras deposit dan tabungan lain yang tinggi. Keberhutangan isi rumah yang meningkat telah dikurangkan oleh penampungan aset kewangan yang lebih dua kali ganda daripada hutang isi rumah. Penampungan yang kukuh ini membolehkan isi rumah menyesuaikan diri dengan kos sara hidup yang meningkatkan kos peminjaman.

Pada akhir tahun 2010, nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) sektor isi rumah dengan sistem perbankan kekal rendah pada RM11.2 bilion atau 2.3 peratus untuk tahun 2009 adalah RM13.3 bilion atau 3.1 peratus mencerminkan kualiti hutang isi rumah sepanjang tahun 2010 yang semakin baik. Pelbagai inisiatif telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan sektor isi rumah kekal berdaya tahan. Ia termasuk pengenalan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER) pada 19 Januari 2011.

■ 1210

Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan isi rumah dan menggalakkan pengurusan kewangan serta tahap keberhutangan yang berhemah. Selain itu, sistem maklumat menunjukkan kredit pusat atau *Central Credit Reference Information System* (CCRIS) memberikan maklumat kredit yang kritikal kepada institusi-institusi perbankan untuk menilai keupayaan dan kapasiti isi rumah untuk membayar balik hutang sebelum sesuatu pinjaman diluluskan termasuk bagi penjawat awam.

Bank Negara Malaysia juga telah mengumumkan pelaksanaan nisbah maksimum loan-to-value (LTV) sebanyak 70 peratus bagi kemudahan pembiayaan rumah. Ketiga, pada 3 November 2010 untuk menyokong pasaran harta tanah supaya terus stabil dan mapan. Langkah ini turut memastikan rakyat terus mampu untuk membeli rumah di negara ini. Pelaksanaan nisbah LTV ini dijangka dapat mengurangkan aktiviti pelaburan yang berlebihan serta kegiatan spekulatif dalam pasaran harta kediaman.

Mengenai isu penjawat awam yang diisytiharkan mufliis, Jabatan Insolvensi Malaysia merekodkan seramai 277 orang penjawat awam yang diisytiharkan mufliis. Jumlah ini hanya 0.02 peratus daripada jumlah penjawat awam dalam tempoh tahun 2010, untuk tahun 2009 adalah 254 orang. Bagi mengelakkan penjawat awam menghadapi masalah keberhutangan kewangan yang serius, kerajaan telah menetapkan syarat potongan gaji bayaran ansuran bulanan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan.

Langkah ini juga dapat membantu pendapatan bersih pegawai awam supaya ada sekurang-kurangnya pada paras minimum 40 peratus daripada emolumen bulanan.

Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat telah membangkitkan isu yang berkaitan kad kredit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemegang kad yang berpendapatan RM30,000 setahun atau kurang hanya boleh memegang kad kredit daripada dua pengeluar sahaja. Selain itu, had maksimum kredit tidak boleh melebihi dua kali ganda pendapatan bulanan bagi setiap pengeluar. Setakat akhir Februari 2011, jumlah keseluruhan kad kredit yang dikeluarkan adalah sebanyak 8.4 juta jumlah pemegang kad kredit pertama ialah sebanyak 3.2 juta orang.

Daripada jumlah pemegang kad kredit utama tersebut 28.7 mempunyai kad kredit lebih daripada dua pengeluar. Jumlah baki terkumpul kad kredit atau *outstanding balance* pada akhir Februari 2011 ialah sebanyak RM30.8 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM28 bilion ialah baki semasa atau *current balance* dan 2.8 bilion atau 9 peratus daripada jumlah baki terkumpul ialah baki melebihi tempoh tarikh akhir pembayaran balik atau *overdue balance*. Baki tertunggak atau *overdue* tidak melebihi tiga bulan ialah sebanyak RM2.2 bilion atau 7.3 peratus daripada jumlah baki terkumpul. Manakala baki tertunggak melebihi tiga bulan *Non-Performing Loan (NPL)* ialah sebanyak RM0.5 bilion atau 1.8 peratus daripada jumlah baki terkumpul.

Bank Negara Malaysia sentiasa memantau tahap keselamatan pengguna kad kredit bagi mengekalkan keyakinan orang ramai untuk menggunakan kad kredit sebagai instrumen pembayaran yang selamat. Garis panduan kad kredit dikeluarkan pada Mac 2011 merupakan langkah yang berterusan untuk memupuk penggunaan kad kredit secara berhemah. Antara langkah di dalam garis panduan tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) kelayakan pendapatan minimum untuk pemegang kad kredit dinaikkan daripada RM18,000 setahun kepada RM24,000 setahun;
- (ii) pemegang yang berpendapatan RM30,000 setahun atau kurang hanya boleh memiliki kad kredit daripada dua pengeluar kad sahaja serta mempunyai had maksimum kredit tidak melebihi dua kali ganda pendapatan bulanan pemegang kad bagi setiap pengeluar; dan
- (iii) berkuat kuasa 1 Januari 2012, pemberitahuan transaksi melalui sistem pesanan ringkas atau SMS akan dilaksanakan oleh pengeluar kad kepada pemegang kad mereka bagi beberapa jenis transaksi yang melebihi had transaksi pilihan pemegang kad atau yang telah ditetapkan oleh pengeluar kad. Langkah ini akan disusuli dengan pelaksanaan pengesahan nombor pengenalan peribadi atau Personal Identification Number (*PIN*) untuk transaksi kad kredit mulai 1 Januari 2015.

Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah telah membangkitkan isu mengenai hala tuju perbankan di Malaysia memandangkan pada masa ini terdapat banyak bank tempatan dan asing beroperasi di Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hala tuju perancangan sistem perbankan negara adalah untuk meningkatkan peranan sektor kewangan sebagai pendorong dan pemangkin untuk pertumbuhan ekonomi negara selaras dengan dasar kerajaan untuk mencapai status ekonomi bernilai tambah dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sehubungan dengan ini adalah penting bagi sektor perbankan untuk mempunyai institusi-institusi perbankan yang lebih pelbagai yang berupaya dalam memainkan peranan yang efektif untuk menyokong peralihan negara ke aras ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi.

Penyertaan bank-bank perdagangan asing dalam sistem kewangan negara membantu dalam merealisasikan objektif di atas melalui:

- (i) penyumbang ke arah pembangunan keseluruhan sektor kewangan yang lebih pelbagai di Malaysia dengan menyediakan perkhidmatan kewangan kepada sektor pertumbuhan baru dan ekonomi sasaran;

- (ii) membawa masuk kepakaran khususnya pengetahuan dan teknologi bagi menyumbang kepada pembangunan produk-produk baru dan berinovatif; dan
- (iii) memperkukuhkan dan mempertingkatkan kesalinghubungan ekonomi dan kewangan Malaysia dengan negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, hasil dari pembaharuan kewangan dan usaha bina upaya yang dilaksanakan sejak beberapa tahun yang lalu di bawah pelan induk sektor kewangan institusi perbankan domestik kini berada di kedudukan yang lebih kukuh untuk menyokong objektif di atas. Dengan tahap kematangan yang telah dicapai sejak beberapa tahun yang lalu, institusi perbankan domestik kini berada di kedudukan yang lebih baik dan bersedia dalam membuat penilaian mengenai langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi memainkan peranan yang lebih efektif dalam persekitaran yang lebih liberal dan komprehensif.

Sehubungan itu, pertimbangan sama ada langkah penggabungan institusi perlu dilaksanakan merupakan keputusan komersial yang perlu ditentukan oleh para pemegang syer institusi-institusi perbankan. Langkah sedemikian adalah didorong dan dipacu oleh kuasa pasaran. Bank Negara Malaysia terus menyokong dan membantu langkah penggabungan institusi perbankan untuk menghasilkan institusi yang lebih kukuh dan berusaha untuk memenuhi keperluan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn dan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī telah membangkitkan isu Skim Rumah Pertamaku. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Skim Rumah Pertamaku adalah bertujuan untuk membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM3,000 sebulan. Skim ini membolehkan golongan muda untuk mendapat pembiayaan sehingga 100 peratus daripada bank-bank terlibat. Di bawah skim ini kerajaan akan memberikan jaminan sehingga 10 peratus kepada setiap peminjam pembiayaan perumahan yang berjumlah sehingga RM220,000.

■ 1220

Skim ini terbuka kepada semua rakyat yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dan bebas untuk memilih mana-mana kediaman yang bersesuaian di seluruh negara. Pada masa ini sejumlah 25 buah bank perdagangan termasuk perbankan Islam telah menyertai skim ini. Melalui skim ini bank tersebut akan memberikan pembiayaan sehingga 100 peratus kepada pemohon yang layak untuk menyertai skim ini.

Walau bagaimanapun, pemohon pinjaman perumahan di bawah skim ini masih tertakluk kepada pembiayaan yang bergantung kepada kemampuan peminjam. Dengan pemberian pinjaman sehingga 100 peratus pembeli boleh dikecualikan daripada membayar pendahuluan sebanyak 10 peratus yang selalunya dikenakan oleh pihak pemaju. Ini akan dapat meringankan beban pembeli rumah buat kali pertama.

Sementara itu bagi mereka yang bekerja sendiri kerajaan telah mewujudkan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP), skim ini membolehkan jaminan ke atas pinjaman perumahan untuk pembelian rumah kos rendah dan sederhana sahaja. Sehingga 15 April 2011 sebanyak 2,587 peminjam dengan jumlah nilai jaminan sebanyak RM120.1 juta telah diberikan oleh SJKP. Selain itu bagi memastikan rumah berharga sehingga RM220,000 mencukupi terutamanya rumah-rumah di kawasan-kawasan bandar, kerajaan menerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sedang mengenal pasti tapak-tapak untuk membina lebih banyak rumah di Lembah Klang. Kerajaan juga melalui syarikat berkaitan kerajaan akan membina lebih banyak rumah kediaman yang bernilai antara RM100,000 ke RM200,000 di kawasan bandar.

Yang Berhormat Senator Ahmad bin Hussin telah membangkitkan...

Puan Hajah Mumtaz bin Md. Nawī: Saya pohon laluan?

Dato' Donald Lim Siang Chai: ...Mengenai...

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz bin Md. Nawī: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin pohon penjelasan berkenaan dengan rumah pertamaku tadi.

Pertama berkenaan dengan kerajaan akan menjamin untuk 10 peratus sehingga menyebabkan peminjam-peminjam muda ini tidak payah bayar 10 peratus itu. Saya hendak tanya, bagaimana tentang *cooling-off period*. Adakah mereka ini akan mempunyai tempoh bertenang sekiranya mereka pada peringkat awal bercadang untuk membeli, akan tetapi dalam masa tiga bulan kemudian boleh membatalkan perjanjian untuk membeli rumah tersebut. Adakah pihak kerajaan terpaksa menanggung rugi ataupun bagaimana pula pihak bank ini boleh memastikan mereka tidak akan kerugian. Itu yang pertama.

Kedua, bila kata kita memberikan pinjaman sehingga RM220,000 dengan pendapatan mereka sebanyak RM3,000 sebulan dicampur suami isteri, kemungkinan dalam kes ini. Saya hendak tanya adakah pihak kerajaan juga akan menjamin dari segi kadar *ujrah* ataupun kadar *service charge* yang dikenakan kepada bank-bank tersebut kepada peminjam-peminjam.

Sebagai contohnya macam PTPTN, kita berikan *ujrah* 1 peratus sahaja kepada peminjam. Dalam konteks untuk peminjam muda untuk kes rumah pertamaku ini, adakah kerajaan juga akan kontrol servis caj tadi kepada bank yang telah pun membuat tawaran untuk memberikan pinjaman kepada peminjam-peminjam muda itu tadi. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Mengenai *cooling-off period* yang, Yang Berhormat katakan tadi memang semua bank akan memberi tempoh supaya pemohon atau peminjam buat keputusan yang akhir. Ini adalah disebabkan mereka mesti memohon dan mereka mesti ada peguam untuk membuat perjanjian. Memang masa itu cukuplah untuk mereka timbang dan timbang lagi. Kita akan timbanglah kalau masalah itu ada berbangkit.

Mengenai kadar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat misalnya PTPTN, itu memang kita tidak boleh janjilah pada masa ini sebab bank-bank pun adalah institusi. Ada *shareholders*. Mereka pun mesti dapat keuntungan. Mereka ini memang dia – mesti membayar *depositor* yang ada *interest*. Ini kita hendak jagalah dengan baik-baik. Kadarnya kita memang akan kontrol dari Bank Negara Malaysia. Kita memang hendak tengok keadaan yang di Malaysia, kalau ekonomi yang lebih baik kita tidak ada masalah. Memang *interest* adalah kurang. Kita haraplah dengan kerjasama semua pihak kita boleh ada satu kadar yang sesuai untuk semua orang.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Ahmad bin Husin telah membangkitkan mengenai dasar Bank Negara Malaysia memberi kebebasan kepada syarikat-syarikat insurans mengenai kadar premium tambahan sehingga 190 peratus dari caruman premium biasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Malaysia kadar premium insurans motor ditentukan oleh tarif motor yang tidak pernah dikaji semula semenjak lebih daripada tiga *decade* yang lalu bagi mencerminkan perubahan dalam risiko kenderaan dan kos penilaian yang semakin meningkat.

Misalnya pada tahun 1978 premium polisi pihak ketiga bagi kenderaan 1300cc adalah RM81. Jika diskaun tanpa tuntutan atau NCD maksimum sebanyak 55 peratus diberikan. Premiumnya hanya RM37. Kadar ini masih terpakai sehingga sekarang selepas lebih daripada 30 tahun sedangkan profil kenderaan telah berubah dengan ketara dan kadar kemalangan jalan raya telah berlipat ganda. Ini menyebabkan pembayaran pampasan insurans melambung tinggi.

Pada tahun 1996, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan mengenai berkenaan premium tambahan atau *loading* dan eksais bagi memberi fleksibiliti kepada penanggung insurans mengenakan premium tambahan yang terhad untuk mengimbangi kos tuntutan yang semakin meningkat. Walaupun dengan pengenaan premium tambahan ini pada tahun 2010, bagi tiap-tiap RM1 premium yang dikutip pampasan yang dibayar untuk kenderaan anggota dan kematian pihak ketiga sahaja adalah RM2.88 sen.

Dari segi insurans dan penetapan harga premium adalah berdasarkan risiko. Jika tahap risiko adalah tinggi, premium yang dicaj seharusnya tinggi dan sebaliknya. Pengenalan rangka kerja motor yang baru akan dapat meringankan beban rakyat khususnya yang mempunyai kenderaan lama dan enjin yang digunakan oleh rakyat berpendapatan rendah. Di bawah rangka kerja motor baru yang akan dilaksanakan pada tahun 2012, premium insurans motor akan diselaraskan pada jumlah yang kecil secara beransur-ansur agar lebih mencerminkan risiko yang di *underwrite*.

Di samping itu pemilik kenderaan persendirian yang tidak berisiko tinggi yang mendapatkan perlindungan daripada *Malaysia Motor Insurance Pool* (MMIP) akan menikmati manfaat premium yang lebih rendah. Pada masa ini kenderaan tersebut tidak dibezakan daripada kenderaan yang dikategorikan berisiko tinggi. Oleh itu kenderaan tersebut dikenakan kadar premium tambahan yang sama. Bukti-bukti pelaksanaan sedang diperhalusi dan akan diumumkan tidak lama lagi.

Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar telah mencadangkan agar diwujudkan Skim Rumah Orang Asli mampu milik bagi memberikan keselesaan dan meningkatkan taraf hidup mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Perumahan Negara Berhad atau SPNB bertanggungjawab dalam menyediakan rumah mampu milik yang berkualiti kepada setiap keluarga di Malaysia.

■ 1230

Langkah ini sejajar dengan objektif Dasar Perumahan Negara. Skim Perumahan yang dilaksanakan oleh SPNB adalah seperti berikut:

- (i) Skim Rumah Mampu Milik;
- (ii) Skim Rumah Mesra Rakyat; dan
- (iii) Skim Rumah Terbengkalai.

Sehubungan itu golongan Orang Asli mempunyai peluang yang sama seperti mana rakyat Malaysia lain untuk menikmati Skim Perumahan yang disediakan oleh SPNB.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Berdasarkan rekod SPNB terdapat 14 pemohon...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada Ahli Yang Berhormat mohon mencelah.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Boleh saya tanya sedikit? Sejauh ini, berapakah buah rumah yang dibuat oleh syarikat ini untuk masyarakat Orang Asli? *Thank you.*

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berdasarkan rekod SPNB terdapat 14 permohonan yang diterima daripada masyarakat Orang Asli bagi Skim Rumah Mesra Rakyat. Kelulusannya saya tidak tahu, saya akan memberitahu Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin telah mencadangkan agar lebih banyak ladang getah dan kelapa sawit dibuka di kawasan luar bandar oleh syarikat-syarikat GLC seperti Guthrie, FELDA dan Sime Darby bagi menghargai sokongan rakyat di luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini jumlah kawasan tanaman Sime Darby untuk kelapa sawit dan getah di Malaysia adalah 314,000 hektar mengikut pecahan negeri seperti berikut:

Negeri	Jumlah kawasan (hektar)
Kedah	34,000
Perak	25,000
Pahang	19,000
Selangor	35,000
Melaka	19,000
Negeri Sembilan	34,000
Johor	60,000
Sabah	47,000
Sarawak	41,000

Syarikat Sime Darby sentiasa terbuka kepada sebarang peluang pelaburan baru dan pembelian kawasan perladangan yang telah sedia dibangunkan daripada syarikat-syarikat perladangan lain. Keputusan untuk pembelian kawasan tersebut tertakluk kepada faktor agronomi, topografi dan profil tanah yang bersesuaian untuk membolehkan dibangunkan secara komersial.

Yang Berhormat Hajah Mumtaz...

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Mohon sedikit penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam pertanyaan itu memang kita menggalakkan supaya syarikat besar ini membuka ladang seperti mana yang telah dibentangkan tadi 41,000 hektar di Sarawak dan 47,000 hektar di Sabah. Apa yang saya minta penjelasan itu ialah selepas pihak kementerian berikan penggalakan membuka ladang yang besar ini seperti 41,000 hektar di Sarawak itu ia melibatkan kawasan perkampungan asal orang-orang bumiputera.

Jadi apa yang kita minta ialah pendekatan kerajaan juga supaya memastikan penduduk tempatan itu dapat peluang pekerjaan dengan kadar gaji yang berpatutan, tidak terlalu rendah yang menyebabkan mereka tidak bekerja di situ, akhirnya ladang yang dibuka tidak bermanfaat kepada orang tempatan. Itu yang kita minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya bersetujulah dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator sebab selalunya syarikat besar seperti Sime Darby dan lain-lain syarikat, mereka hanya mengisikan kekosongan jawatan dari pelabur asing. Itu memang satu perkara yang kurang baik untuk kitalah sebab mereka itu *wages* rendah. Kita hendak syarikat GLC dan syarikat besar di industri ini supaya mereka mesti *employed local's staff* dengan *wages* yang tinggilah. Kita akan bincangkan isu ini dan kita harap mereka boleh memberi lebih peluang kepada orang tempatan seperti di Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Hajah Mumtaz binti Md. Nawi membangkitkan isu mengenai elaun modal bagi aset perniagaan yang diberikan dalam bentuk pengecualian cukai pendapatan terutama memiliki loji menara telekomunikasi. Untuk makluman Yang Berhormat, elaun modal dibenarkan ke atas perbelanjaan modal yang layak di atas loji dan jentera. Peruntukan berkaitan elaun modal dan elaun bangunan industri ini dinyatakan di dalam Jadual III, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Memandangkan tiada definisi bagi loji dan jentera dalam Jadual III tersebut, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri akan merujuk kepada kes undang-undang untuk menentukan sama ada sesuatu aset seperti loji dan jentera adalah layak untuk tuntutan elaun modal. Berdasarkan kes undang-undang menara telekomunikasi adalah tempat atau premis di mana perniagaan di jalankan. Ini adalah kerana menara tersebut tidak menjalankan sebarang fungsi, sebaliknya dia hanya merupakan tempat untuk meletak peralatan lain seperti *piling* penerima gelombang elektrik dan lain-lain bagi memastikan gelombang elektrik dapat disalurkan. Oleh yang demikian menara telekomunikasi tidak diterima sebagai loji dan tidak layak menerima elaun modal.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Sekali lagi mohon pencelahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya faham daripada perkara ini bila ada bajet, pihak kerajaan akan membentangkan pindaan-pindaan kepada Akta Kewangan. Akan tetapi jarang kita lihat pihak kementerian ataupun pihak kerajaan membentangkan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan.

Walau bagaimanapun, dalam semua pembentangan bajet memang ada kebanyakannya diberitahu tentang pengecualian elaun modal. Jadi sekiranya ini jawapan yang diberi oleh pihak kementerian, adakah ini bererti apabila bajet dibentangkan untuk mana-mana pengecualian elaun modal kepada mana-mana perniagaan, ertinya dengan sendirinya pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 perlu dibuat. Jadi kalau tidak ada pindaan ini ertinya elaun modal itu hanya dibentangkan sahaja tetapi tidak ada *effect* dari segi pembayaran *tax* kepada pihak kerajaan? Saya mohon penjelasan.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Memang Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa kita akan pinda Akta Cukai Pendapatan 1967. Walau bagaimanapun, yang mustahak sebab kita tahu di bawah kerajaan ada begitu banyak kementerian, kita harap kementerian yang berkenaan boleh bangkitkan isu-isu sebab kita hendak akta-akta kita setanding dengan negara yang lain. Oleh itu kita akan bincang isu ini dengan kementerian berkenaan. Jikalau perlu kita akan buat pindaan yang sesuai.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad membangkitkan isu mengenai penilaian semula cukai import motosikal berkuasa tinggi iaitu 1,000 cc. Untuk makluman Yang Berhormat bagi motosikal berkuasa tinggi iaitu 1,000 cc dan ke atas, faktor cukai ke atas motosikal tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Duti Import 30 peratus;
- (ii) Duti Eksais 30 peratus; dan
- (iii) Cukai Jualan 10 peratus.

Manakala bagi motosikal diimport daripada negara ASEAN dia tidak lagi dikenakan duti import berdasarkan *ASEAN Trade in Goods Agreement* (ATIGA). Bagi menggalakkan sukan permotoran negara, kerajaan telah memberikan pengecualian duti import, duti eksais dan cukai jualan ke atas kenderaan termasuk motosikal, go-kart, *mini bike*, *speed way bike*, *tire*, alat ganti dan *safety apparel* yang diperlukan bagi sukan bermotor. Sehubungan dengan itu kerajaan tidak bercadang untuk menilai semula struktur cukai bagi motosikal.

Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung telah membangkitkan isu mengenai perjanaan tenaga elektrik Bakun yang akan mula beroperasi tidak lama lagi. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini perjanaan tenaga elektrik Bakun adalah untuk kegunaan *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE).

■ 1240

Jumlah perbelanjaan projek Bakun belum dapat dimuktamadkan kerana terdapat kerja-kerja di peringkat akhir yang masih berjalan. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan masih lagi berunding dengan Kerajaan Negeri Sarawak mengenai kadar tarif. Oleh itu, tempoh masa untuk mendapatkan bayaran balik kos projek Bakun belum dapat ditentukan.

Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad telah membangkitkan mengenai isu berhubung elaun perbatuan kakitangan awam. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sentiasa prihatin dan mengambil perhatian ke atas kebajikan pegawai-pegawai kerajaan yang menjalankan tugas rasmi di luar pejabat dan sentiasa menyemak semula kadar tuntutan dari semasa ke semasa.

Pada tahun 2010, kementerian telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8, Tahun 2010, atau SPPB/2010 bertujuan menyemak semula kadar bagi tuntutan bayaran sewa hotel dan elaun loging bagi Kumpulan Sokongan di samping mewujudkan elaun motosikal pada kadar RM120 sebulan mengikut syarat yang ditetapkan.

Beberapa jenis tuntutan lain seperti tuntutan bagi penempatan selepas lantikan pertama, tuntutan perjalanan selepas waktu bekerja dan hari cuti serta tuntutan perjalanan bagi menghadiri acara rasmi kerajaan telah dikaji dan diperkemas bagi menjaga kebajikan pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta laluan.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Isu-isu yang saya tidak dapat jawab pada masa ini saya akan jawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga ada satu soalan di mana Kementerian Kewangan telah mengarah Kementerian Pelancongan mengenai proses tender di mana Menteri Pelancongan memberitahu di Dewan Rakyat bahawa Kementerian Kewangan memberi izin kepada mereka untuk mengecualikan proses pembentangan tender iklan. Saya ada minta soalan itu iaitu adakah Kementerian Kewangan memberi arahan itu? Ini adalah satu *best practice*. Mengapa Kementerian Kewangan memberi arahan itu? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Isu ini saya akan jawab kepada Yang Berhormat secara bertulis. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri dengan ucapan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta Kementerian Pelajaran untuk menjawab.

12.43 tgh.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: *Assalamualaikum warahmatullazhi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, pada perbahasan kali ini seramai 27 orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan pelbagai perkara berkaitan pendidikan.

Menyentuh tentang beban tugas guru seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menubuhkan jawatankuasa khas menangani isu beban tugas guru pada tahun 2010. Jawatankuasa ini telah mengenal pasti 14 faktor dan telah mencadangkan 28 perakuan untuk menangani beban tugas guru ini. Daripada 28 perakuan tersebut, pelbagai langkah jangka pendek dan jangka panjang telah dan akan dilakukan. Satu jawatankuasa kerja pelaksana telah ditubuhkan untuk memastikan perakuan-perakuan tersebut dilaksanakan. Antara perakuan yang telah mencapai status pelaksanaan 100 peratus adalah seperti berikut:

- (i) perancangan dan pelaksanaan aktiviti pada hari Sabtu hendaklah diadakan secara berjadual serta tidak boleh melebihi dua kali sebulan;
- (ii) pengendalian ujian atau peperiksaan di peringkat sekolah oleh jabatan pelajaran daerah (PPD) ataupun jabatan pelajaran negeri (JPN) atau bahagian dihadkan kepada dua kali setahun sahaja; dan
- (iii) penglibatan jurulatih luar ko-kurikulum atau sukan bertauliah bagi sekolah yang berkemampuan.

Selain daripada itu, faktor lain yang membebankan guru-guru adalah berkaitan dengan tugas perkeranian.

Satu kajian eksperimental sedang dijalankan mulai Januari sehingga Disember 2011 bagi melihat keberkesanan penambahan jawatan pembantu tadbir ataupun perkeranian operasi dalam mengurangkan beban tugas guru. Bagi tujuan kajian eksperimental tersebut, mulai Januari 2011, KPM telah membuat pengisian 100 jawatan tambahan pembantu tadbir di 50 buah sekolah gred 'A' yang mempunyai *involvement* murid melebihi 1,500 orang. Dapatan kajian ini akan membantu KPM dalam menangani isu beban tugas guru dari segi tugas-tugas perkeranian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai guru ganti seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mustapha Kamal bin Mohd. Yusof, urusan tersebut boleh dilakukan terus di bawah jabatan pelajaran negeri (JPN) masing-masing. Walau bagaimanapun, pelaksanaan bergantung kepada kemampuan kewangan di JPN masing-masing.

Seperti cadangan Yang Berhormat Senator Lee Cheam Choon, KPM sememangnya memperoleh sumber guru bagi khidmat guru ganti ini daripada bekalan Kumpulan Guru Simpanan Kebangsaan (KGSK). Berhubungan dengan lebih guru opsyen Matematik dan Sains seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mustapha Kamal bin Mohd. Yusof pula, KPM melalui JPN dan PPD sedang melaksanakan *redeployment* di negeri-negeri yang terlibat.

Yang Berhormat Senator Dato' Mustapha Kamal bin Mohd. Yusof juga mendakwa terdapat ramai graduan pendidikan yang masih menganggur. Untuk makluman, pengambilan graduan pendidikan daripada IPT termasuk UPSI untuk berkhidmat di bawah KPM adalah tertakluk kepada proses pengambilan seperti skim-skim perkhidmatan yang lain. Mereka perlu memohon secara *online* melalui aplikasi e-GST di laman web KPM dan calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menduduki Ujian Inventori Sahiah Keguruan (INSAK) dan sesi temu duga juga. Langkah ini adalah bertujuan untuk memastikan guru-guru yang bakal dilantik benar-benar berkualiti seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat, pelaksanaan penempatan dan pertukaran guru akan mengambil kira semua aspek terutama merujuk kepada kepentingan perkhidmatan, kekosongan jawatan dan keperluan opsyen. Berhubung dengan penempatan guru ke Sabah seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat Senator Datuk Majjol Mahap, penempatan guru dari Semenanjung masih dilaksanakan bagi opsyen yang tidak mempunyai bekalan guru tempatan. Walau bagaimanapun, bagi penempatan ke Sabah dan Sarawak, keutamaan akan diberikan kepada anak tempatan untuk berkhidmat di negeri tersebut.

Selain daripada itu, dalam usaha menggalakkan pengambilan calon-calon guru dari Sabah dan Sarawak, KPM telah melaksanakan *walk-in interview* di Sabah dan Sarawak bagi program KPLSPMambilan Jun 2010 dan pada tahun ini kita juga telah melaksanakannya di Sarawak dan akan diadakan di Sabah pada 7 dan 9 Mei ini. Seramai 43 orang calon dari Sarawak dan 116 orang calon dari Sabah telah terpilih mengikuti kursus perguruan tersebut. Manakala bagi tahun 2011, seperti yang saya sebutkan tadi, sebagai contohnya, temuduga yang dilaksanakan di beberapa tempat di Sarawak baru-baru ini telah menarik kehadiran yang sebegitu ramai. Jika saya ambil contoh di SMK Sebuyau, kita jangkakan 100 orang tetapi yang hadir 300 orang. Kemudian di Julau kita jangkakan 100 orang yang hadir tetapi yang hadir 400 orang.

■ 1250

Mengenai perkhidmatan GSTT seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Datuk Majjol Mahap dan Yang Berhormat Senator Tuan Lee Cheam Choon, KPM memang telah merangka tindakan sebagai mana yang telah diumumkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri Pelajaran baru-baru ini. GSTT yang telah pun berada dalam sistem pendidikan pada masa ini akan diberi perhatian dan pertimbangan untuk dilantik. Setelah perbincangan secara terperinci antara KPM dan agensi pusat dilakukan.

Justeru, GSTT tersebut akan diberi pertimbangan yang sewajarnya dengan syarat mereka memenuhi syarat-syarat pelantikan anggota perkhidmatan awam, berkhidmat sebagai GSTT selama dua tahun ke atas dan berumur tidak lebih daripada 35 tahun. Mereka ini akan diberi latihan ikhtisas yang bersesuaian dan akan di tempatkan di sekolah-sekolah yang memerlukan di seluruh negara. Namun dalam melaksanakan dasar ini kementerian juga akur dengan keperluan dan kekosongan perjawatan sedia ada termasuk persetujuan daripada agensi pusat. Ingin juga ditegaskan sekali lagi di Dewan yang mulia ini bahawa kementerian telah memutuskan bahawa mulai tahun ini tiada lagi GSTT akan dilantik di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat menyentuh tentang usaha meningkatkan akademik guru. KPM sedang menjalankan Program Pensiswazahan Guru (PPG) secara pendidikan jarak jauh bertujuan meningkatkan kualiti bidang perguruan untuk mencapai sasaran 60,000 guru sekolah rendah dan menengah memiliki ijazah menjelang tahun 2015. Pengambilan PPG diadakan dalam dua ambilan iaitu pada tahun 2011 seramai 30,000 orang guru dan akan tamat pada tahun 2014 dan bagi ambilan kedua ialah pada tahun 2012, dijangka seramai 30,000 lagi calon yang akan terlibat bagi mengikuti pengajian ini dan akan tamat pengajian pada tahun 2015.

Berhubung dengan perjawatan Pengetua Cemerlang DG52, KPM telah mengemukakan perakuan kepada JPA, bagi pengisian kuota Pengetua Cemerlang gred DG52 bagi tahun 2009 dan 2010. KPM telah menerima keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) dari JPA. Surat Arahan Penempatan Pemangku kepada calon melalui ketua jabatan masing-masing telah dikeluarkan untuk kuota Pengetua Cemerlang DG52 tahun 2009 pada 25 Jun 2010. Manakala bagi kuota Pengetua Cemerlang DG52 tahun 2010 pada 18 April 2011.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat juga menyentuh tentang pemberian tawaran baru ataupun *new deal* di bawah NKRA pendidikan. Untuk makluman, geran pembayaran insentif kepada guru besar, guru-guru dan staf telah diturunkan di peringkat pejabat pelajaran daerah.

Urusan pembayaran sedang dijalankan tetapi dijangka mengambil sedikit masa memandangkan pemberian ini melibatkan 586 guru besar, 14,826 guru dan 2,860 orang kakitangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini merupakan tahun pertama pelaksanaan dasar tersebut. Justeru banyak perkara perlu diperkemaskan termasuk menerima cadangan-cadangan yang dapat membantu kementerian supaya program ini akan terus mengekalkan kredibiliti yang tinggi dalam proses pemilihan dan pelaksanaannya.

Menyentuh tentang pembayaran elaun perjalanan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat saya ingin menjelaskan di sini bahawa KPM akan membuat bayaran tuntutan perjalanan tersebut sekiranya semua prosedur tuntutan berkenaan mematuhi syarat-syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Namun, sekiranya benar masih terdapat guru yang belum menerima pembayaran tuntutan tersebut, mereka boleh merujuk kepada JPN masing-masing untuk mengetahui masalah yang dihadapi terhadap tuntutan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan sebagai satu usaha menyusun semula dan menambah baik kurikulum sedia ada KBSR untuk memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan untuk memenuhi keperluan semasa serta menghadapi cabaran abad ke 21.

KSSR dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan murid tahun satu 2011. KPM melaksanakan penyebaran maklumat berkaitan transformasi ini kepada semua pihak melalui pelbagai cara seperti interaksi bersemuka, media cetak dan elektronik, teknologi maklumat, penerbitan bahan penerangan, kursus pendedahan kepada guru dan semua pihak berkepentingan. Selaras dengan pelaksanaan KSSR ini juga, untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat mulai tahun 2011 sistem pentafsiran juga akan menggunakan kaedah Pentafsiran Berasaskan Sekolah iaitu PBS.

Berkaitan penggunaan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat oleh Senator Tuan Ng Fook Heng, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah dan Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah, saya yakin jawapan Yang Amat Berhormat Menteri pada sesi pagi tadi adalah jelas dan komprehensif dan tidak perlu saya ulang sekali lagi.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Memang Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawab perkara ini dan satu perkara yang saya nampak dalam jawapan dia ialah bahawa murid-murid luar bandar tidak boleh ikut program PPSMI manakala murid-murid di bandar boleh. Jadi ada perbezaan. Oleh sebab murid-murid luar bandar tidak boleh ikut, mahukah kita sekat *progress* dengan izin, murid-murid di bandar? Mengapa kita tidak ada satu sistem di mana dua-dua pun boleh ikut. Jadi kita ada dua saluran untuk dua-dua keadaan juga. Apa pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin jelaskan bahawa selain daripada Menteri, saya juga banyak berjalan di sekolah-sekolah di bandar dan kebanyakan sekolah di bandar pun ada yang mengajar Sains, Matematik dalam bahasa Malaysia sepenuhnya selain ia bercampur-campur. Pada saya apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu pun tidak menyeluruh. Oleh kerana itu kita harus ada ketegasan kerana keputusan dibuat berasaskan kepada laporan dan kajian yang dibuat termasuklah Program Meja Bulat.

Oleh kerana itu kita yakin bahawa pendekatan kita iaitu *soft landing* adalah memenuhi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bahawa kononnya ada sekolah di bandar, dia lebih sesuai dengan PPSMI. Apa yang penting bagi kita ialah matlamat kita bahawa dalam soal ini berasaskan kepada kajian tersebut, ternyata bahawa PPSMI tidak dilaksanakan sepenuhnya dan yang kedua, membawa kesan juga kepada pelajar dari segi pencapaian, baik dari segi bahasa, baik dari segi ilmu yang hendak diperolehi. Oleh sebab itulah kita gantikan dengan satu lagi pendekatan iaitu MBMMBI yang tetap sebenarnya mengutamakan kepentingan bahasa Inggeris sebab kita yakin penguasaan bahasa Inggeris tidak boleh dicapai dengan mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Saya hendak perjelaskan juga bahawa, sebab itulah kita tidak boleh *double standard* dahulu bila PPSMI diperkenalkan semua membantah, tidak bersetuju termasuklah di sekolah-sekolah SJK(C), SJK(T) yang menuntut supaya dikekalkan penggunaan bahasa ibunda masing-masing dan sanggup berdemonstrasi sampai ke Istana membantah, sehingga menyusahkan rakyat, trafik jam dan sebagainya. Akan tetapi bila kita buat keputusan tidak setuju juga, hendak balik pula semula kepada PPSMI.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Ahamad bin Yusop...

Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop: [Bangun]

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta laluan Yang Berhormat Menteri, satu lagi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun – *to the same point* iaitu dahulu pun ada bantahan dan sekarang pun ada bantahan, ertinya ada dua *group of people*, dengan izin.

Jadi, tidak payah kita ada satu sistem sahaja, jadi semua ikut satu sistem sahaja kita mesti *cater* kehendak pelbagai. Kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah apa akan terjadi kepada murid-murid yang sedang ataupun yang telah lalui PPSMI yang separuh jalan, adakah program ini di lanjut hingga *batch* ini habiskan dan program yang baru mula dengan *batch* yang baru? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana masa cukup Yang Berhormat boleh menyambung jawapan pada petang nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Boleh agaknya Yang Berhormat daripada kementerian mulakan menyambung... [Disampuk] Saya mohon maaf kerana ada satu usul yang hendak dikemukakan pada Dewan yang mulia ini. Dipersilakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 26 April 2011.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sokong?

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang kita sambung semula penggulungan ataupun jawapan daripada... [Disampuk] Minta maaf. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita sambung semula daripada Kementerian Pelajaran. Silakan Yang Berhormat.

2.34 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan pertanyaan yang dibangkitkan mengenai dengan kebenaran untuk menggunakan dwibahasa untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik. Sebenarnya Yang Berhormat, perkara ini sudah dijelaskan begitu panjang lebar oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran pagi tadi iaitu bahawa kita membenarkan *soft-landing*. *Soft-landing* ini ialah mereka boleh menggunakan dwibahasa sama ada daripada segi P&P dan juga untuk menjawab soalan sehinggalah *cohort* terakhir pada tahun 2015. Jadi, tidak timbul masalah sebab untuk pelajar Tahun 1 mulai tahun ini, kita sudah pun memulakan sepenuhnya dalam bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Amat Berhormat... Yang Berhormat Tuan Ahamat, bukan Yang Amat Berhormat. Untuk makluman... [Ketawa]

Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop, mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan (PSK) diperkenalkan untuk memberikan kesedaran kepada murid tentang peranan hak dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara Malaysia, di samping memperkukuhkan usaha pembentukan akhlak mulia. PSK juga bertujuan melahirkan anggota masyarakat dan warganegara yang bersatu-padu, berupaya mengapresiasi kepelbagaian budaya Malaysia dan patriotik. PSK digubal secara sistematik yang menekankan penguasaan pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik dan kewarganegaraan.

Berhubung dengan cadangan penekanan terhadap pemahaman dalam proses P&P bukan kemahiran hafalan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengorak langkah sejak tahun 1990-an dengan memperkenalkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, iaitu KBKK secara merentas kurikulum. Manakala pengajaran guru pula hendaklah menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dipelbagaikan dengan memberikan penekanan pada *hands-on learning* dan menyediakan murid dengan peluang pembelajaran yang tidak terhad dan menyeronokkan, iaitu *education for fun*.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan sesi...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam amalan sehingga sekarang apa yang berlaku ialah pelajar dikehendaki menjawab dengan sama juga, perkataan pun sama juga. Kalau perkataan lain, di tanda salah. Itu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, agaknya ini kita soalan dasar Yang Berhormat. Oleh itu spesifik sedikit.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ya. Itu berkaitan dengan apa yang...

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang ini saya fikir agaknya sudah jelas kalau kita hendak menolak pun masa ini kita ada dua hari sahaja. Kita ada 28 buah kementerian hendak menjawab. Saya mohon kerjasama kepada semua Ahli Yang Berhormat, cuba bertanya apa Yang Berhormat bangkitkan semasa perbincangan itu dan minta jawapan. Perkara-perkara baru jangan dibangkitkan dan juga kementerian hanya menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan hendaklah tepat, padat dan bijak. Sekian, terima kasih. Saya mohon kerjasama. Silakan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan sesi pembelajaran j-QAF dan KAFA seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi. j-QAF bukan mata pelajaran tetapi satu program yang dilaksanakan oleh KPM bagi memperkukuhkan, memantapkan dan memperkasakan pendidikan Islam melalui penekanan khusus dalam pengajaran jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardu ain. Manakala KAFA pula adalah satu program yang dilaksanakan oleh JAKIM berkonsepkan pendidikan agama dengan penekanan dan tumpuan pada amali agama dan kemahiran membaca al-Quran mengikut tajwid. Oleh yang demikian, dua buah program ini tidak di sekalikan pelaksanaannya kerana KAFA dilaksanakan di luar sistem pendidikan kebangsaan.

Menyentuh tentang cadangan Yang Berhormat oleh penggunaan jalur lebar dalam pentadbiran pengurusan murid di sekolah. Untuk makluman, aplikasi sistem maklumat murid telah diperkenalkan pada awal tahun 2000 bagi memudahkan pengurusan maklumat murid bagi memudahkan pemantauan akses oleh ibu bapa. Terdapat sekolah-sekolah yang menggunakan inisiatif sendiri dengan melaksanakan portal seperti SMS Sekolah, *learning management system* dan pelbagai lagi kaedah dilaksanakan. Langkah terbaru Kementerian Pelajaran Malaysia adalah dengan membangunkan Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) yang merupakan aplikasi ICT secara *online* dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Peluasan aplikasi SPS ini dilakukan secara berperingkat-peringkat. Untuk makluman, semua sekolah bestari telah menggunakan sistem ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan peluang murid dalam pendidikan VOKTEK (Vokasional, Teknik dan Kemahiran). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah menyediakan tempat yang secukupnya untuk murid belajar dalam bidang VOKTEK.

Kementerian juga menggalakkan penyertaan murid dalam bidang ini kerana peluang pekerjaan terbuka luas untuk lepasan pendidikan VOKTEK serta mempunyai permintaan yang tinggi dalam sektor pengisian negara. Untuk makluman bahawa transformasi VOKTEK akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Mengenai isu novel *Interlok* seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin dan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil langkah yang amat teliti dalam menangani isu ini supaya sebarang keputusan yang dibuat adalah rasional, munasabah dan dapat diterima oleh semua pihak. Seperti mana yang telah diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran pada 24 Mac yang lalu di Dewan Rakyat, bahawa novel *Interlok* tersebut kekal digunakan sebagai teks komponen sastera ataupun KOMSAS dalam pelajaran Bahasa Malaysia Tingkatan 5. Walau bagaimanapun, seperti yang telah dipersetujui, suntingan akan dilakukan terhadap perkara-perkara yang menimbulkan sensitiviti kaum-kaum tertentu.

■ 1440

Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn bertanyakan mengenai pelaksanaan Program PERMATA di bawah KPM. Untuk makluman, KPM akan mengambil alih Program Anak PERMATA Negara (PAPN) mulai tahun 2012. Sebuah jawatankuasa khusus telah ditubuhkan bagi mengendalikan pengambilalihan ini. Kementerian sekarang dalam peringkat akhir penelitian terhadap penyediaan Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2011 berkaitan pendidikan Anak Permata Negara untuk dibentangkan di Parlimen pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang obesiti dan diabetes di kalangan murid seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, sebenarnya Kementerian Pelajaran telah menyediakan buku panduan pengurusan kantin untuk diguna pakai dan dipatuhi oleh semua pengusaha kantin khususnya berkaitan penyediaan makanan. Malahan pihak sekolah melalui jawatankuasa kantin sekolah akan membuat pemantauan berkaitan pengoperasian kantin termasuklah pemantauan terhadap kebersihan, penjualan jenis makanan, harga dan kesihatan pekerja kantin berkenaan. Tindakan tegas akan dikenakan terhadap pengusaha yang ingkar dengan peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah berdasarkan syarat-syarat yang digariskan oleh kementerian. Saya juga ingin menjelaskan bahawa faktor obesiti dan diabetes ini bukan hanya berpunca daripada penjualan makanan di kantin sekolah sebaliknya banyak punca lain termasuklah gaya hidup keluarga murid-murid itu sendiri.

Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Olian bin Abdullah membangkitkan tentang kualiti P&P pusat tuisyen. KPM memang membuat pemantauan secara berkala terhadap pusat-pusat tuisyen di seluruh negara untuk memastikan pengurusan pusat berkenaan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh kementerian. Dalam hal ini saya amat mengharapkan kerjasama daripada semua Ahli Yang Berhormat, jika terdapat mana-mana pusat tuisyen yang tidak mematuhi peraturan dalam pelaksanaannya, teruslah menghubungi kementerian supaya siasatan boleh dijalankan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Boon Som a/l Inong, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat dan Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff, hasil penilaian audit yang telah dilakukan, kementerian ini telah mengenal pasti status fizikal sekolah usang yang perlu diperbaiki. Kerosakan fizikal yang dikenal pasti melibatkan kerosakan struktur dan bukan struktur termasuklah pendawaian. Lawatan pemeriksaan fizikal terhadap bangunan rosak teruk telah pun dimulakan pada awal tahun 2011 melibatkan blok sekolah asrama, rumah guru dan kawasan sekolah. *Insya-Allah* pada akhir bulan ini, semua pemantauan itu akan disiapkan untuk diteliti, untuk kita menaik taraf bangunan-bangunan yang dianggap rosak teruk ini.

Berhubung dengan cadangan mewujudkan sekolah menengah di Kampung Marak Parak, Kota Marudu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap, KPM masih mengenal pasti tapak yang sesuai untuk cadangan pembinaan sekolah tersebut. Namun sebagai alternatif, sekolah yang berhampiran boleh menampung murid-murid setempat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang mengenai tawaran baru ataupun *new deal* bagi sekolah kurang murid (SKM), kementerian telah mempunyai satu mekanisme dalam membuat pemilihan sekolah-sekolah berkenaan. Penilaian bukan sahaja dibuat kepada tahun semasa peperiksaan, tetapi juga kepada keputusan tahun sebelumnya. Ini bertujuan untuk memastikan prestasi sekolah sentiasa cemerlang dan tidak hanya pada tahun tertentu sahaja. Selain itu, gred purata prestasi persekitaran sekolah juga diambil kira melalui Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Dengan itu, pemberian tawaran baru tidak hanya bergantung kepada pencapaian prestasi akademik semata-mata, tetapi juga bergantung kepada aspek-aspek yang lain seperti kepimpinan dan pengurusan sekolah. Sebagai makluman, daripada 586 sekolah yang berjaya dengan *new deal* ini, sejumlah 289 sekolah kurang murid (SKM) telah mendapat ganjaran tawaran baru.

Berhubung pelaksanaan sekolah satu sesi seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar, buat masa ini 89.4 peratus ataupun 6,888 sekolah rendah dan 65.3 peratus iaitu 1,484 sekolah menengah telah beroperasi dalam sekolah satu sesi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan sekolah yang beroperasi dua sesi ini adalah di kawasan kepadatan tinggi seperti di kawasan bandar. Antara kekangan utama kementerian untuk melaksanakan dasar sekolah satu sesi adalah peruntukan yang besar untuk menyediakan kemudahan pembelajaran di samping masalah kawasan tapak yang terhad dan sangat kritikal bagi pembinaan bangunan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai perkara yang dibangkitkan Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang mengenai persepsi segelintir masyarakat tentang peruntukan kerajaan tidak mencukupi untuk membayar gaji guru di SJK(C) sehinggakan PIBG dan Lembaga Pengelola Sekolah perlu memungut derma. Perkara sebegini perlu diperbetulkan kerana ini merupakan tanggapan yang salah. Perlu ditegaskan bahawa dalam apa juga keadaan kewangan negara, kerajaan memberi jaminan pembayaran gaji kepada semua kakitangan awam tidak akan terganggu, malahan tidak sama sekali menggunakan duit ibu bapa untuk membayar gaji guru. Untuk makluman Yang Berhormat, setiap tahun kementerian membelanjakan RM1.8 bilion sebenarnya untuk membayar gaji guru-guru sekolah bantuan modal ini.

Tuan Khoo Soo Seang: Minta mencelah. Sebenarnya saya sebagai seorang bekas pendidik, saya memang faham sepenuhnya apakah situasi yang sebenar. Akan tetapi di dalam ucapan saya, saya tegaskan bahawa kementerian perlu mengikis pandangan yang negatif itu. Kita perlu membuat sesuatu kerana rata-rata ramai masyarakat Cina yang mempunyai imej yang salah. Misalnya di *facebook* dan sebagainya, sebenarnya perbincangan saya, banyak perkara yang saya bangkitkan ini bukan pandangan saya. Bahkan pandangan rakan-rakan di *facebook* yang saya sengaja bangkitkan di sini supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri ada peluang untuk jawab dan selepas itu saya akan letakkan jawapan itu di dalam *facebook* supaya semua tahu. Sekian.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya pun belum habis baca ayat itu. Sebenarnya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini. Memanglah Yang Berhormat, masalah kita ialah sekarang ini ada pihak dia pandai untuk spin. Dalam bab *spin* fakta, dia memang hebat, yang negatif jadi positif, yang positif boleh jadi negatif. Lima sen boleh dianggap besar macam hendak meletup dunia ini, yang kita belanja RM1.8 bilion ini sudah tidak jadi apa sudah. Ini masalah politik persepsi yang sedang kita hadapi yang kadangkadangkalah boleh mengelirukan rakyat. Jadi, oleh sebab itulah kita berharap bahawa semua kita ini berperanan. Yang penting ialah matlamat kita untuk mencapai kepada matlamat NKRA pendidikan iaitu akses kepada pendidikan yang berkualiti ini adalah tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja yang saya dapat jelaskan mengenai...

Datuk Akbar bin Ali: Ingin mencelah Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Perkara-perkara yang tidak sempat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Akbar ada apa hendak tanya itu.

Datuk Akbar bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ada tiga soalan hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu, setelah mendengar segala penjelasan, huraian...

■ 1450

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat sebelum ini. Yang Berhormat dalam ucapan hari itu ada bangkitkan hal ini?

Datuk Akbar bin Ali: Ini rasa saya tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada rasanya kita apa dahulu Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta kepada semua Ahli Yang Berhormat, apa *point-point* Yang Berhormat bangkitkan semasa dalam perbahasan minta kementerian jawab dan tentukan Ahli Yang Berhormat semua ikuti jawapan. Kalau sekiranya ada perkara-perkara yang tidak dijawab daripada kementerian, bangun, saya persila benarkan. Kalau lain-lain tajuk itu, kita kena *control* dahulu Yang Berhormat ya.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya bentangkan dalam sesi penggulungan Kementerian Pelajaran Malaysia. Saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang memberikan pandangan, teguran dan sebagainya. Saya memberi jaminan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia cukup komited untuk melaksanakan objektif akses kepada pendidikan berkualiti. Kita yakin bahawa keadilan boleh diberi jika sekiranya akses kepada pendidikan berkualiti ini dicapai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya harap semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini ambil ingatan perhatian yang serius. Catatan Yang Berhormat dalam ucapan dasar itu, dalam perbahasan itu hendak ditentukan setuju kepada kementerian, kementerian tentukan semuanya itu dijawab oleh kementerian. Saya bagi peluang kalau sekiranya ada perkara-perkara yang tertinggal dan sebagainya. Itu sebabnya wakil-wakil kementerian, menteri, timbalan menteri, mesti sentiasa prihatin perkara ini, kalau tidak ada lagi, kita pergi tajuk kementerian yang lain. Silakan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, dipersilakan.

2.51 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II [Dato' G. Palanivel]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar; Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat; Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu; dan Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung berhubung dengan cadangan perluasan kawasan tanaman sawit dan getah terutamanya di kawasan luar bandar. Ingin dimaklumkan bahawa pembukaan kawasan-kawasan baru secara besar-besaran adalah terhad memandangkan kepada kesesuaian tanah. Dalam hal ini kerajaan memberi keutamaan kepada pekebun kecil untuk mengusahakan tanaman sawit dan getah. Langkah ini juga sekali gus akan dapat meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu pekebun kecil sawit, peruntukan sebanyak RM297 juta disediakan bagi tahun 2011 untuk membiayai dua skim khas iaitu Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil - TSSPK, adalah bertujuan untuk membantu pekebun kecil menanam semula pokok sawit mereka yang melebihi 25 tahun atau tidak produktif dengan bantuan RM7,000 sehektar. Bagi Skim TBSPK pula bantuan sebanyak RM7,000 disediakan kepada pekebun kecil yang mempunyai keluasan kurang dari lima hektar untuk tanaman baru sawit.

Bantuan yang disediakan adalah dalam bentuk input pertanian seperti anak benih sawit berkualiti, baja dan racun rumpai. Sehingga kini, sebanyak 422 permohonan yang melibatkan kawasan seluas 1,411 hektar telah diluluskan di bawah TSSPK dan 1,315 permohonan yang melibatkan keluasan tanaman sawit seluas 5,032 hektar telah diluluskan di bawah TBSPK.

Bagi sektor getah pula, kerajaan menyediakan bantuan kepada pekebun kecil di bawah Skim Tanaman Semula Getah. Di bawah skim ini pekebun kecil di Semenanjung Malaysia disediakan bantuan sebanyak RM9,230 sehektar sementara RM14,000 sehektar di Sabah dan RM13,500 sehektar di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, bantuan ini akan membolehkan pekebun kecil membiayai kerja-kerja penyediaan tanah, pembelian anak pokok daripada klon-klon berhasil tinggi, baja dan racun rumpai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2010 sebanyak RM51.8 juta telah dibelanjakan untuk membantu pekebun kecil menanam semula getah seluas 22,533 hektar yang melibatkan seramai 14,599 orang. Di samping itu, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pada tahun 2009 hingga tahun 2010, peruntukan sebanyak RM6 juta telah disediakan untuk membiayai tanaman-tanaman baru dengan melibatkan kawasan seluas 2,744 hektar di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada bantuan-bantuan kewangan, kerajaan juga mengadakan program-program pengimbangan dan latihan kepada pekebun-pekebun kecil, sawit dan getah.

Ini termasuk penubuhan Pusat Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit atau nama singkatnya TUNAS, yang bertanggungjawab membantu dan memberi tunjuk ajar kepada pekebun kecil sawit persendirian. Mengenai amalan pertanian baik ataupun *good agricultural practice* dan penghasilan buah tandan segar yang bermutu untuk memastikan kadar perahan minyak yang tinggi. Pegawai-pegawai TUNAS menggunakan pendekatan seperti lawatan ke kebun dan plot contoh dan ceramah teknikal kepada pekebun-pekebun kecil sawit persendirian. Sehingga kini, terdapat seramai 122 orang pegawai TUNAS telah ditempatkan di seluruh negara. Bagi getah, pekebun kecil juga dilengkapkan pengetahuan mereka melalui program-program latihan seperti lawatan pemantauan, penggunaan sistem torehan berintensiti rendah (*low intensity tapping system*) atau dikenali sebagai LITS dan Kursus Cantuman Benih Pokok Getah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pekerja asing di ladang sawit dan penggunaan makanan asasi di ladang sawit...

Datuk Akbar bin Ali: Mohon mencelah Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Saya ada bangkitkan berkenaan pekebun kecil kelapa sawit dan saya difahamkan RISDA telah memindahkan kuasa ini di bawah kementerian Yang Berhormat. Kalau benar, saya boleh tanya di bawah kementerian Yang Berhormat. Saya telah menekankan kerana saya nampak tidak mendapat jawapan. Apakah usaha kerajaan untuk menambahkan pendapatan pekebun kecil kelapa sawit secara langsung dengan menggunakan kemudahan biotek dan teknologi hijau? Supaya pendapatan mereka bertambah berdasarka

Berdasarkan konsep Yang Berhormat pernah berkata, "*Waste no waste, from waste to wealth*". Yang mana pada masa ini tidak dinikmati oleh pekebun kecil kelapa sawit. Bilakah usaha ini akan dibuat supaya pendapatan mereka sekurang-kurang boleh meningkat dengan segera sebanyak 20 peratus ke 30 peratus? Terima kasih.

Dato' G. Palanivel: Saya baru juga dapat tahu dari Yang Berhormat bahawa kuasa RISDA dipindahkan ke kementerian saya. Saya minta maaf sebab saya ingat dua bulan dahulu pun kuasa pekebun kecil di bawah RISDA. Saya tidak tahu berita ini terkini atau sudah buat keputusankah.

■ 1500

Tuan Yang di-Pertua: Dahulu Yang Berhormat, RISDA di bawah Kementerian Luar Bandar, sekarang ini mengikut Yang Berhormat telah ditukarkan kepada Kementerian Yang Berhormat.

Dato' G. Palanivel: Saya akan dapatkan maklumat yang terperinci daripada kementerian sebelum saya boleh jawab soalan ini.

Saya minta maaf sebab pada pengetahuan saya dua Kabinet sebelum ini pun semua keputusan dibuat oleh RISDA. Kita bantu RISDA dalam program-program seperti teknikal dan lain-lain. Sebab itu saya perlu masa dan saya akan berikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

Pertanyaan yang kedua mengenai pembaziran *waste no waste* dan lain-lain. Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengurangkan pembaziran di ladang-ladang getah dan ladang-ladang kelapa sawit. Dalam ucapan yang diberi oleh Senator Paul saya dapati bahawa kita ada 10 bilion setahun yang dibazirkan di ladang kelapa sawit. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kementerian sedang mengkaji isu yang dibangkitkan mengenai pihak industri sawit mengalami kerugian sehingga mencecah RM10 bilion setahun disebabkan masalah kekurangan tenaga buruh di sektor tersebut.

Saya sudah mendapat jawapan dari pegawai-pegawai saya. Yang Berhormat Senator, RISDA di bawah Kementerian Luar Bandar... [Disampuk] Okey, saya akan dapatkan jawapan yang lebih tepat dan beri jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Saya ulang. Mengenai isu pekerja asing di ladang sawit dan penggunaan mekanisasi di ladang sawit, kementerian sentiasa berusaha mengurangkan kebergantungan industri sawit dan getah ke atas tenaga buruh terutamanya pekerja asing. Antara langkah-langkah yang sedang dilaksanakan adalah mekanisasi penuaian buah sawit. Mesin penuai buah sawit berjentera iaitu CANTAS telah diperkenalkan sejak tahun 2002. CANTAS mampu mengurangkan keperluan tenaga buruh terutamanya penggunaan pekerja asing bagi aktiviti penuaian buah sawit.

Sebagai contoh penggunaan CANTAS dapat mengurangkan keperluan tenaga kerja dari segi pusingan penuaian di mana 50 hektar hanya memerlukan seorang pekerja berbanding 20 hektar secara manual. Sehubungan itu, bagi menggalakkan pekebun kecil memperoleh CANTAS, kerajaan menyediakan bantuan pembelian mesin tersebut di bawah Skim Diskaun CANTAS dengan peruntukan dana sebanyak RM6,398,700 yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2010. Di bawah skim ini, pekebun-pekebun kecil yang layak akan...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya minta mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kita alu-alukan usaha melakukan mekanisasi perkebunan itu tetapi yang untuk memastikan usaha itu berkesan saya rasa statistik perlu disimpan. Jadi saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua statistik bilangan tenaga-pekerja asing di ladang kelapa sawit yang berkurang semenjak mesin CANTAS ini diperkenalkan. Terima kasih.

Dato' G. Palanivel: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat sebab saya tidak ada angka-angka di sini. Saya minta maaf.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sekali lagi hendak tanya. Saya selalu sangat mendapat jawapan yang sedemikian, akan memberikan jawapan bertulis tetapi saya tidak pasti sama ada jawapan itu akan dihantar terus kepada saya sebelum sidang akan datang atau akan ditunggu sidang akan datang baru akan dihantar jawapan bertulis itu.

Saya timbulkan perkara ini bukan sahaja dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sedang bercakap sekarang tetapi juga beberapa orang Timbalan Menteri yang lain berjanji hendak memberikan jawapan bertulis dalam sidang-sidang yang lalu.

Akan tetapi tidak tahu sama ada sistem pos kita yang tidak betul atau sistem komunikasi yang perlu ditingkatkan lagi. Janji-janji jawapan bertulis itu kepada saya setakat ini ada empat lima janji Tuan Yang di-Pertua yang masih belum saya terima. Jadi saya hendak tahu sekarang adakah jawapan bertulis yang dijanjikan ini akan diposkan ke alamat rumah saya atau saya akan menunggu sidang akan datang baru akan dapat. Terima kasih.

Dato' G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, jika saya janji, saya akan menunaikan janji saya seperti saya janji kepada Datuk Akbar Ali. Jika saya janji saya akan tunaikan. Saya akan hantar surat, atau kalau ada faks, *email* saya boleh hantar. Tidak ada masalah. Lebih senang kalau ada *email*...

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, teruskan Yang Berhormat.

Dato' G. Palanivel: Untuk Datuk Akbar Ali saya akan beri *by-hand* kepada dia.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah skim ini pekebun-pekebun kecil yang layak akan diberi diskaun RM1,000 untuk pembelian seunit CANTAS. Penggunaan jentera untuk aktiviti-aktiviti pengangkutan perladangan dapat mengurangkan kebergantungan tenaga pekerja umpamanya traktor mini untuk mengangkut buah sawit keluar dari ladang dengan izin, *in-field mechanically assisted FFB evacuation system* berupaya mengangkut sehingga 24 tan sehari berbanding dengan 1.8 tan hingga 2.5 tan sehari tanpa menggunakan jentera.

Pengurangan kekerapan penoreh getah. Bagi sektor getah penggunaan LITS berupaya mengurangkan kekerapan menoreh setiap pokok getah. Umpamanya melalui penggunaan LITS, bilangan hari menoreh bagi pekebun kecil dapat dikurangkan iaitu dari 15 hari sebulan kepada hanya 10 hari. Dalam erti kata lain sistem ini dapat mengurangkan keperluan tenaga kerja dari segi pusingan torehan di mana enam hektar hanya memerlukan seorang pekerja berbanding dengan empat hektar sebelum ini.

Menggalakkan penglibatan golongan belia. Tuan Yang di-Pertua, bagi menarik minat golongan muda untuk bekerja di sektor perladangan, kementerian telah menubuhkan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia, *Institute of Plantations and Commodities Malaysia* atau dipanggil IMPAC. IMPAC menyediakan latihan, kemahiran berbagai-bagai jenis kursus untuk peringkat asas dan lanjutan untuk sektor perladangan dan komoditi. Langkah ini di samping dapat menggalakkan penyertaan golongan belia tempatan, ia juga dapat meningkatkan produktiviti sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh.

Selain daripada langkah-langkah yang dinyatakan tadi, kementerian menggalakkan pekebun-pekebun kecil untuk menubuhkan koperasi di mana ia akan membolehkan penggunaan tenaga secara optimum dari segi penggunaan jentera dan tenaga buruh.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri penggulungan ini, ingin saya memaklumkan bahawa kementerian saya telah mengambil maklum terhadap segala pandangan, ulasan dan saranan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin menyatakan di sini bahawa saya dan pegawai-pegawai kementerian saya serta agensi-agensi di bawah kementerian akan memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada semua isu yang telah dibangkitkan. Sekian, terima kasih.

■ 1510

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, ya Yang Berhormat ada apa-apa Yang Berhormat.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Cakap tentang RISDA, sebenarnya saya ingin cakap tentang RISDA hendak sentuh di dalam perbahasan saya, perbahasan Titah Ucapan.

Saya ada menyebut tentang pembukaan jalan antara Song ke Kapit, di mana peluang untuk membuka kawasan baru pertanian khususnya penanaman semula getah dan saya ada membuat seruan agar pihak RISDA dapat mengembangkan usaha mereka ke kawasan tersebut. Jadi bagaimana pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri, jelaskan tentang RISDA supaya mereka dapat mengembangkan usaha di kawasan Song dan Kapit di antara dua bandar ini, jalan raya telah dibuka. Terima kasih.

Dato' G. Palanivel: Pembukaan jalan bukan di bawah tanggungjawab Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi tetapi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Cadangan Yang Berhormat saya akan berikan secara bertulis kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Ini hendak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Bukan jalan raya, ini kawasan di antara jalan itu memang luas, di mana kawasan itu sesuai untuk penanaman semula getah. Jadi di dalam perbincangan saya, saya ada menyeru kepada pihak RISDA supaya mengembangkan usaha mereka ke sana. Jadi apa pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang seruan saya tadi...

Dato' G. Palanivel: Seruan yang...

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum menjawab Yang Berhormat...

Dato' G. Palanivel: Senator..., saya akan berikan kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' G. Palanivel: ...RISDA.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya hendak mendapat kepastian di sini bahawa semenjak ini saya tahu RISDA ini masih di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, yang Kementerian Yang Berhormat ini hanya komoditi, dia punya kelapa sawit dan dari segi mekanisme menambahbaik modal itu akan tetapi soal infrastruktur, tanam semula itu di bawah tanggungjawab RISDA. Yang Berhormat sila ambil perhatian apabila sampai kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Yang Berhormat mesti bangun, kalau tidak dibangkitkan Yang Berhormat berkenaan, itu Yang Berhormat tidak perlu jawab. Sila teruskan.

So, kerana tidak ada lagi, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, kalau sekiranya Yang Berhormat telah ada membahaskan di dalam Titah Diraja pada hari itu, ambil ingatan tajuk-tajuk Yang Berhormat bahaskan. Kalau sekiranya Yang Berhormat tujukan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah contohnya, apabila Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menjawab, tidak mengusik atau memberikan jawapan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat bangun dan kementerian-kementerian adalah tanggungjawab mereka untuk memastikan segala perkara yang dibangkitkan itu dicatatkan.

Tanpa membuang masa lagi, saya mempersilakan Kementerian Dalam Negeri, banyak perkara yang dibangkitkan. Saya berharap Yang Berhormat bersedialah tetapi Yang Berhormat Senator mesti berada di dalam di Dewan. Kalau Yang Berhormat tidak ada di dalam Dewan macam mana Yang Berhormat hendak tahu sama ada isu-isu yang dibangkitkan Yang Berhormat telah dijawab atau tidak oleh kementerian. Saya menggalakkan supaya untuk memartabatkan badan ini atau Dewan ini, Yang Berhormat mesti serius di dalam perkara ini. Tanpa membuang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat daripada Kementerian Dalam Negeri, silakan.

3.14 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada seramai 17 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan Titah Ucapan Diraja 2011 di Dewan yang mulia ini dari 18 sehingga 21 April 2011 yang lalu, yang menyentuh berkenaan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut secara spesifik, izinkan saya untuk turut sama Menjunjung Kasih Ke Atas Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Tuanku yang telah menyentuh secara langsung berkenaan kementerian ini.

Kementerian ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas segala pengiktirafan kejayaan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) mengurangkan jenayah. Kerajaan menetapkan sasaran untuk menurunkan 20 peratus kadar jenayah jalanan dan 5 peratus kadar indeks jenayah keseluruhan bagi tahun 2010. Walau bagaimanapun dengan sokongan semua pihak, negara telah mencapai penurunan sebanyak 35 peratus kadar jenayah jalanan dan penurunan sebanyak 15 peratus indeks jenayah keseluruhan. Ia satu pencapaian yang jauh melepasi sasaran yang ditetapkan di dalam NKRA mengurangkan jenayah.

Pada tahun ini, KDN akan meneruskan usaha bagi memastikan kecemerlangan ini akan berterusan dan menyeru agar Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian dan masyarakat dapat bersama-sama membantu dan melibatkan diri bagi menjayakan agenda ini. Dengan usaha ini diharap tahap keyakinan orang ramai terhadap tahap keselamatan dan ketenteraman awam meningkat dan seterusnya membawa tanggapan positif dan kepercayaan rakyat terhadap usaha pihak PDRM di dalam menjalankan tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn membangkitkan berkenaan situasi di mana pekerja asing bekerja di barisan hadapan atau dengan izin, *front liners*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, penggunaan khidmat pekerja asing untuk kerja-kerja *semi skill* atau *non skill*, dengan izin di dalam semua sektor bagi jawatan barisan hadapan adalah tidak dibenarkan. Jawatan-jawatan barisan hadapan adalah untuk pekerja tempatan sahaja. Sekiranya terdapat pekerja asing bekerja sebagai *front liners* ia dikira pelanggaran syarat pas dan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Imigresen.

Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf mencadangkan agar Suruhanjaya Diraja ditubuhkan untuk mengkaji tentang peningkatan pendatang asing tanpa izin di Sabah, manakala Yang Berhormat Tuan Boon Som a/l Inong, Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn dan Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok pula memohon agar kajian semula dilakukan kepada peraturan-peraturan sedia ada yang melibatkan pekerja asing dan pendatang asing tanpa izin PATI supaya jumlah pekerja asing dikurangkan. Kementerian buat masa ini berpandangan adalah tidak perlu ditubuhkan Suruhanjaya Diraja untuk melihat dan mengkaji peningkatan pendatang tanpa izin.

Ini kerana pada masa ini telah wujud Jawatankuasa Kabinet mengenai pekerja asing dan pendatang asing tanpa izin JKKPA PATI yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang berperanan untuk memutuskan dasar-dasar umum mahupun isu-isu pekerja asing dan PATI secara holistik dengan ahli-ahlinya pula terdiri daripada wakil-wakil kementerian, agensi yang berkepentingan terhadap isu-isu pekerja asing tanpa izin dan PATI.

Mengambil kira isu-isu unik di Sabah, JKKPA PATI telah memutuskan agar satu makmal pengurusan khas warga asing di Sabah dijalankan. Makmal pengurusan khas ini telah dilaksanakan dari 4 sehingga 27 Mei tahun lalu sebagai satu pendekatan holistik bagi membincangkan dan menyelesaikan masalah atau isu berkaitan warga asing di Sabah termasuk isu PATI.

■ 1520

Makmal tersebut dianggotai oleh wakil-wakil daripada jabatan negeri, jabatan persekutuan, pejabat daerah dan agensi keselamatan di samping mengadakan sesi sintikasi bersama perwakilan dari pelbagai organisasi, persatuan dan agensi kerajaan. Ini termasuklah pihak-pihak seperti persatuan-persatuan, pemimpin masyarakat dan juga kedutaan.

Hasil makmal ini telah dibentangkan kepada Kabinet negeri Sabah pada 7 Julai 2010 kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri serta Menteri-menteri Kabinet dari Sabah pada 14 Oktober 2010, diberi taklimat kepada Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah pada 8 Mac 2011 dan dibentangkan JKKPA pada 17 Mac tahun ini.

Berhubung Pelan Pengurangan Pekerja Asing, kajian semula peraturan-peraturan sedia ada berkenaan pekerja asing sedang dalam tindakan pihak Kementerian melalui inisiatif-inisiatif yang dicadangkan oleh makmal pengurusan warga asing. Kementerian juga pada masa ini sedang mengkaji semula perundangan sedia ada dari segi hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959 dan juga 1963 serta Peraturan-peraturan Imigresen 1963.

Seterusnya berkenaan sasaran Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Siang, ada pegawai-pegawai yang berurusan di kaunter pejabat imigresen lebih mesra dengan memberikan senyuman kepada pelanggan. Kementerian mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat dan mutu perkhidmatan serta penyampaian oleh Jabatan Imigresen tersebut. Suka saya menyatakan di Dewan ini, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan konsep 3S iaitu 'Senyum, Sapa dan Sopan' pada bulan Februari 2011 sejajar dengan Pelan Transformasi Jabatan Imigresen.

Kempen dan konsep ini diterapkan supaya dapat menjadi amalan oleh semua anggota Jabatan Imigresen dan di samping itu juga kursus-kursus berhubung perkhidmatan kaunter berkualiti sentiasa dijalankan bagi menekankan kepentingan sikap lebih mesra dan senyuman kepada orang ramai. Yang Berhormat.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Boleh saya mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khoo Soo Seang: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua orang bangun Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang, sila dahulu. Selepas itu Yang Berhormat Hayati.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa kempen sudah dijalankan pada bulan Februari. Jadi saya pergi ke sana pada bulan April baru-baru ini. Ini bermaksud, kempen ini mungkin kurang berkesan dan mereka masih bermuka masam... [Ketawa] Saya fikir, mungkin kita perlu berbuat sesuatu. Kempen sahaja tidak cukup.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Saya ingat saya boleh tanya sekali sebab berkaitan..

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Kempen Senyum, Sapa dan Sopan ini ialah bulan Februari. Akan tetapi saya rasa kempen ini bagus, tetapi arahan kerja. Baru-baru ini saya dapat berdialog dengan imigresen daripada Selangor. Ada orang yang memberitahu saya bahawa arahan baru kerja daripada KSU bahawa mereka perlu kerja tujuh hari seminggu dari pukul lapan pagi hingga lima petang. Ia juga termasuk hari Sabtu dan Ahad. Hari Sabtu dan Ahad ini pula kebetulan tidak ada orang lain yang hendak digantikan. Maka mereka juga orang yang bekerja pada hari Sabtu dan Ahad.

Jadi mereka bersungut, macam mana yang dikatakan 'Rakyat Didahulukan' kerana mereka juga tidak ada waktu untuk bersama isteri dan *family*. Macam mana hendak senyum? Hari-hari kerja daripada hari Isnin sampai hari Ahad, tidak ada orang ganti. Dia juga kerja hari Sabtu, dia kerja hari Ahad. *Time* makan pun kerja, *time* minum petang pun kerja 24 jam. Jadi dia kata, di manakah kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri mengatakan 'Rakyat Didahulukan'? Dia pun hendak rehat juga. Jadi apakah pandangan Kementerian tentang ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua Yang Berhormat kena jawab sekali.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin Yang Berhormat Senator bagi maklumat yang mana pegawai imigresen yang tidak senyum supaya saya pastikan pegawai ini senyum kepada Yang Berhormat... [Ketawa]

Memang imigresen beroperasi setengah hari pada hari minggu, hari Sabtu dengan hari Ahad. Itu memang bertepatan bagi Gagasan 1Malaysia ini yang mana 'Rakyat Didahulukan'. Ia setengah hari sahaja, jadi memang ada masa lagi untuk berkeluarga...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya minta celah sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Seorang lagi Yang Berhormat, silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa bila ada aduan-aduan ini...

Tuan Yang di-Pertua: Tekan Yang Berhormat, tidak dengar.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa lebih adil kepada Dewan ini dan untuk menghargai status Dewan ini, apabila ada aduan-aduan seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati tadi, saya rasa janganlah beliau diminta memberikan nama pegawai berkenaan. Ini adalah aduan umum yang harus diambil iktibar oleh kementerian bahawa ada arahan yang tidak sampai ke bawah. Ini semangat daripada soalan itu sebenarnya.

Saya rasa Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati tidaklah kisah sangat orang itu senyum atau tidak. Akan tetapi ini adalah semangat daripada persoalan yang beliau timbulkan. Arahan tidak sampai ke bawah. Itu yang menjadi matlamat sebenarnya. Senyum atau tidak senyum itu, sesekali kita dapat fahamlah. Akan tetapi masalahnya, arahan tidak sampai ke bawah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, agaknya untuk menerangkan itu begitu subjektif. Ini kerana hendak suruh senyum atau tidak senyum ini, perkara yang persoalannya sekarang ialah *service provider*, dengan izin. Tahulah Jabatan Imigresen *very punctual*, sibuk, sentiasa sibuk. Kita semua maklum, cuma untuk Ahli Yang Berhormat, sebelum pegawai itu senyum, pegawai di atas pun selalu turun ke padang, tengok mereka. Kebajikan mereka dan sebagainya. Ini saya rasa pendekatan kita, cara-cara kita. Mereka bekerja perlukan juga pengetahuan dan persefahaman pegawai-pegawai. Jadi, Yang Berhormat pun selaku Yang Berhormat Timbalan Menteri turunlah selalu tengok. Jadi bila bawa ke Dewan ini, Yang Berhormat sudah sedia ada jawapan. Selalu sedia pergi itu, yang ini kita hendak tengok. Sila Yang Berhormat.

Dato' Lee Chee Leong: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan pastikan arahan senyuman akan disampaikan kepada pegawai-pegawai yang...

Tuan Yang di-Pertua: Senyum pun perlu bertempat juga Yang Berhormat, kalau senyum berpanjangan, kata orang kerja gila... *[Ketawa]* Okey, silakan, silakan.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap mengesyorkan agar kementerian khasnya Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) memperbanyakkan lagi operasi Unit Khas Bergerak (UKB) ke kampung-kampung di pedalaman untuk mendaftarkan mereka yang mempunyai kad-kad pengenalan. Kerajaan sememangnya peka dan sentiasa prihatin berhubung isu rakyat di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri.

Sehubungan itu, mana-mana rakyat tempatan yang layak akan dikeluarkan dengan dokumen pengenalan diri. Kerajaan menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat berhubung pelaksanaan lebih banyak operasi bergerak ke kampung-kampung di kawasan pedalaman.

Kementerian melalui JPN telah mengadakan *outreach program* dengan menubuhkan Unit Khas Bergerak (UKB) di Sabah bagi mengatasi masalah ketiadaan dokumen pengenalan diri di kalangan penduduk khasnya masyarakat pedalaman. Pelan tindakan dan perancangan sewajarnya telah disediakan di peringkat daerah-daerah yang dikenal pasti bermasalah dalam pendokumentasian. JPN juga telah menggunakan kemudahan logistik dan kakitangan yang sedia ada secara optimum. Pada tahun lepas sahaja, UKB Sabah telah melaksanakan sebanyak 26 program di seluruh Sabah dan bagi tahun ini UKB Sabah telah merancang sebanyak 23 program yang melibatkan kawasan pedalaman Sabah. Bagi mendekati masyarakat di kawasan pedalaman, UKB

Sabah diwujudkan kepada dua zon iaitu Zon Semporna dan Keningau, selain Kota Kinabalu. Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap juga menyarankan supaya pegawai-pegawai yang mendaftar ini sentiasa waspada tentang pendatang tanpa izin yang cuba mendaftar sebagai rakyat Malaysia.

Manakala Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf pula mencadangkan agar Suruhanjaya Diraja ditubuhkan untuk mengkaji terhadap peningkatan jumlah kerakyatan di Sabah.

■ 1530

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kerajaan hanya mengeluarkan kad pengenalan MyKad kepada warganegara yang layak mengikut Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990, Akta Pendaftaran Negara 1959 dan Perlembagaan Persekutuan. JPN tidak pernah mengeluarkan kad pengenalan kepada pendatang haram atau mana-mana orang tidak mempunyai status warganegara. Kementerian melalui JPN sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan dan pembetulan dalam memastikan proses pendaftaran kelahiran dan kad pengenalan mengikut peraturan dan undang-undang berkaitan agar pengeluaran sijil kelahiran dan kad pengenalan teratur dan betul kepada orang yang layak sahaja.

Yang Berhormat Datuk Hajah Wan Hazani membangkitkan...

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Mohon sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat. Silakan.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berhubung dengan isu yang saya sebutkan tentang pertambahan penduduk di Sabah yang disebutkan tadi yang saya minta supaya diadakan siasatan, saya lihat ada jawapan tadi ialah telah dibentangkan hasil makmal dan sebagainya kepada Dewan Undangan Negeri kepada pelbagai jabatan termasuk JKKPA itu. Cuma, saya hendak tahu sedikit sahaja – sebab saya bangkitkan isu ini kerana dibangkitkan oleh rakan-rakan dari Sabah. Jadi apakah selepas penjelasan itu, pihak kerajaan negeri dan juga pihak DUN Sabah dan juga JKKPA itu berpuas hati dengan hasil siasatan tadi? Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Yang Berhormat, inisiatif-inisiatif ini belum dilaksanakan, masih dalam peringkat perbincangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Wan Hazani membangkitkan mengenai isu penagihan dan juga sindiket pengedaran dadah yang memperdayakan wanita dan turut menyentuh berkenaan kerjasama PDRM dan AADK bagi menangani masalah pengedaran dadah di negara ini.

PDRM memandang serius masalah penglibatan warganegara Malaysia yang terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah di peringkat antarabangsa terutamanya yang diperdayakan sebagai keldai dadah. Bermula daripada tahun 2008, penglibatan wanita sebagai keldai dadah menunjukkan peningkatan ketara di mana seramai 40 orang wanita tempatan telah ditangkap di luar negara atas kesalahan mengedar dadah. Sehubungan itu, PDRM telah menubuhkan *task force* untuk membanteras masalah ini sehingga tertangkapnya sindiket merekrut warga tempatan menjadi keldai dadah. Pada tahun 2009, jumlah wanita yang ditangkap sebagai keldai dadah di luar negara menurun kepada 26 orang. Jumlah itu terus menurun pada tahun 2010 dengan tangkapan seramai 13 orang dan pada tahun 2011 sehingga Mac, jumlah tangkapan hanyalah satu orang.

Sehubungan dengan kerjasama PDRM dengan AADK, PDRM dan AADK sebagai jabatan dan agensi di bawah KDN sememangnya bekerjasama rapat dalam membanteras pengedaran dadah di negara ini, malahan turut bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan yang merentasi kementerian lain untuk membanteras masalah dadah kerana usaha ini memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak sama ada secara penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan. PDRM khasnya, fokus kepada aktiviti membanteras sindiket pengedaran dadah manakala tumpuan AADK adalah di dalam rawatan dan pemulihan serta pencegahan.

Pelaksanaan operasi bersepadu menunjukkan wujudnya kerjasama erat antara PDRM dan AADK dalam usaha mengurangkan masalah penagih dadah. Di peringkat negeri, PDRM dan AADK melalui Majlis Tindakan Membanteras Dadah akan duduk bersama dan berbincang usaha membanteras masalah dadah. Operasi bersama dalam membanteras penagih dan penyalahgunaan dadah turut dijalankan.

Selain itu, PDRM turut membantu AADK dalam usaha mengesan dan menangkap penagih dadah yang melanggar syarat tindakan pengawasan.

Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn membangkitkan berkenaan gejala penagihan dadah yang berlaku secara berleluasa di kalangan belia-belia di FELDA dan bertanya tahap kerjasama KDN bersama agensi lain seperti FELDA dan Kementerian Belia dan Sukan.

KDN melalui Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah menggerakkan usaha memperbanyakkan program pencegahan dadah di kawasan FELDA terutama kepada golongan belia daripada terjebak dalam masalah penagihan dadah. Antara bentuk kerjasama yang diadakan dengan FELDA ialah AADK telah menyediakan perkhidmatan dengan menempatkan beberapa orang pegawai AADK daerah secara berjadual di beberapa kawasan FELDA. Di antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti memberi khidmat bimbingan dan kaunseling, kempen kesedaran serta rujukan dan advokasi. AADK juga telah mempromosikan program pencegahan dan kesedaran di kalangan belia FELDA dengan mengadakan aktiviti di peringkat FELDA seperti program bimbingan dan bicara bersama warga FELDA, Kembara Sukan FELDA, KEMPADA, aktiviti-aktiviti sempena Hari Antidadah Kebangsaan dan Hari Antidadah Antarabangsa.

AADK dengan kerjasama rakan-rakan strategik seperti Kementerian Belia dan Sukan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Kementerian Pengajian Tinggi dan NGO yang lain juga telah melaksanakan program-program pencegahan dan kempen kesedaran yang melibatkan keluarga, pelajar sekolah, IPTA dan IPTS, tempat kerja dan kepada masyarakat umum. AADK dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan akan melaksanakan program Belia Berwawasan dalam masa terdekat bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta kesedaran tentang bahaya dadah dan gaya hidup sihat di kalangan belia.

Yang Berhormat Senator...

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tadi. Sebenarnya saya hendak ucapkan tahniah juga kerana sebenarnya tadi kita lihat acaranya, sambutan daripada AADK punya kerjasama cukup baik.

Akan tetapi saya hendak tahu, setakat mana sambutan belia dengan program yang dibuat ini? Kadang-kadang kita tengok sambutannya besar, gah tetapi sambutan belia dengan cara yang dibuat sama ada selari ataupun *same level of thinking* dengan belia yang ada pada hari ini. Kadang-kadang kita buat itu macam selera kita tetapi tidak sama dengan selera belia pada hari itu dan dia tidak boleh terima. Kejap-kejap keadaan boring, balik dan tidak dapat apa. Jadi tidak ada kesan. Jadi apa agaknya sambutan yang dapat diperolehi oleh belia daripada FELDA ini? Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Yang Berhormat, sambutan yang diterima oleh belia memang bagus dan memang kempen ini memang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah menyentuh mengenai proses penapisan filem yang ditayangkan di stesen televisyen berbayar ASTRO tidak melalui lembaga penapisan filem.

■ 1540

Tuan Yang di-Pertua, stesen televisyen berbayar ASTRO diberi kebebasan untuk membuat tapisan sendiri tanpa penglibatan Lembaga Penapis Filem. Kelulusan tersebut diberikan dengan beberapa syarat dan di antaranya, pihak ASTRO mesti menggunakan dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator...

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya pasal ASTRO tadi. Saya hendak tanya kenapa ASTRO ini, filem yang datang dari luar, kita tidak melalui penapisan filem tetapi kalau drama, filem-filem tempatan, semua hendak kena melalui penapisan filem. Kenapa tidak buat? Buatlah sama standard, jangan *double standard*. Bermakna luar negara pun tidak, negara pun tidak, luar negara kena buat, dalam negara pun kena juga penapisan filem. Baru betul.

Dato' Lee Chee Leong: Yang Berhormat, tapisan memang sama, garis panduan yang sama. Kecuali ASTRO beli tapisan dia sendiri. Kalau dia langgar syarat-syarat tindakan, akan diambil.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Saya rasa itu yang tidak boleh. Kalau macam itu, filem tempatan pun kita boleh buat begitu juga. Langgar baru buat, kalau tidak, tidak payah! Kita buat benda yang samalah.

Dato' Lee Chee Leong: Ia ikut syarat juga.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Lebih yang dari luar negara, dari tempatan.

Dato' Lee Chee Leong: Ikut garis panduan yang sama Yang Berhormat.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Samalah, tempatan pun boleh buat macam itu juga. Fikirkan balik.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, agaknya banyak kali nama dia disebut. Yang Berhormat Nor Hayati cukup. Sekali sudah sebut panjang sudah cukup. Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Lee Chee Leong: Ingin tahu bilangan pekerja asing yang sedang menjalani hukuman setelah didapati bersalah oleh mahkamah, bilangan majikan tempatan yang sedang menjalani hukuman setelah didapati bersalah menganiayai pekerja-pekerja asing, bilangan kes-kes mahkamah pekerja-pekerja asing mengikut kategori, bilangan keseluruhan kes jenayah, aduan yang mereka lakukan sendiri, bilangan keseluruhan kes penganiayaan aduan yang dilakukan oleh majikan tempatan dan juga kes penganiayaan aduan yang menunggu perbicaraan dan kes yang sedang dibicarakan dan juga kes yang menunggu ulang bicara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator dalam Dewan yang mulia ini, secara keseluruhannya bagi tempoh 2010...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada seorang yang bangun. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah..

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya hendak membetulkan rekod sahaja. Soalan yang dirujuk oleh Timbalan Menteri sebentar tadi bukanlah soalan Yang Berhormat Nor Hayati, itu soalan saya. Bukan saya hendak *claim credit* tetapi hanya hendak membetulkan rekod dan keperluan kita berhati-hati untuk mencatat siapa yang bercakap dan siapa yang bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sebelum menjawab saya sudah pesan banyak kali. Saya minat semua pegawai kementerian yang ada di dalam Dewan ini pastikan, tentukan yang mana satu Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu yang berkenaan. Inilah sebabnya saya selalu mengingatkan supaya pegawai-pegawai yang duduk di sini mewakili kementerian, pastikan jangan duduk di kantin dan sebagainya, kadang-kadang terlepas pandang. Bagus Yang Berhormat, saya galakan perkara ini kerana kita mesti pastikan bahawa Dewan yang mulia ini tentu – tidak apalah. Yang Berhormat sudah bangkitkan tadi. Silakan Yang Berhormat jawab.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin minta maaf mengenai kesilapan tadi.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Sebenarnya benda itu saya ada cakap tetapi saya pusing-pusing sedikit, lebih kurang dengan soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat, tidak apa. Sekarang ini ada dua soalan... [*Ketawa*] Dua Ahli Yang Berhormat membangkitkan isu yang sama, bukan soal minta maaf dan sebagainya, kita faham Yang Berhormat. Saya percaya Yang Berhormat bersungguh-sungguh berusaha hendak beri kepuasan jawapan yang terbaik. Walau bagaimanapun, kerjasama ini perlu. Teruskan Yang Berhormat, silakan. Teruskan, teruskan.

Dato' Lee Chee Leong: Okey Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya bagi tempoh 2010 hingga Mac 2011, jumlah kes jenayah yang melibatkan pekerja asing adalah sebanyak 11,043 kes. Daripada jumlah tersebut sebanyak 5,117 telah dituduh di mahkamah dan 4,874 telah didapati bersalah manakala 142 kes masih dalam perbicaraan. Selain daripada itu, sebanyak 101 kes telah diulang bicara. Sehingga kini seramai 7,886 orang pekerja asing sedang menjalani hukuman setelah didapati bersalah terlibat dalam pelbagai kesalahan.

Bagi kes-kes penganiayaan yang dilakukan oleh majikan pula, terdapat 30 kes sejak tahun 2010 hingga Mac 2011. Daripada jumlah tersebut sebanyak 12 kes telah dituduh di mahkamah, lima kes telah dijatuhkan hukuman, satu kes diulang bicara, enam kes masih dalam perbicaraan manakala lima orang majikan tempatan sedang menjalani hukuman setelah didapati bersalah.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat telah membangkitkan isu berkaitan isu sindiket penjualan bayi dan masalah kehilangan kanak-kanak dan remaja.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya ucapkan terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Sepatutnya soalan itu – statistik yang diberikan itu telah diberikan pada hari Isnin yang lalu. Akan tetapi katanya Dewan ini diberitahu pada masa itu bahawa tidak ada rekod mengenai statistik itu dan memerlukan masa. Yang saya hendak timbulkan di sini, dalam hasrat dan keghairahan kerajaan untuk mengamalkan *e-Government*, saya rasa statistik-statistik seperti yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi itu masalah ada dalam e-Sistem untuk memudahkan kita.

Dalam hal ini tidaklah semua kementerian berlaku begitu. Seperti yang saya katakan, pernah dahulu saya minta statistik mengenai pekerja-pekerja asing daripada Kementerian Sumber Manusia. Dalam masa dua jam, saya minta dari Phnom Penh, sudah dapat. Saya rasa semata-mata ini kerana ada usaha memanfaatkan e-Sistem itu. Saya harap ini pun dapat dilakukan dalam merekodkan kes-kes mahkamah kita seperti ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Lee Chee Leong: Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat telah membangkitkan isu berkaitan sindiket penjualan bayi dan masalah kehilangan kanak-kanak dan remaja. KDN telah menubuhkan jawatankuasa mengenai sindiket penjualan bayi yang melibatkan kementerian, agensi, jabatan berkaitan seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat Jabatan Pendaftaran Negara, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi menangani isu ini dengan lebih menyeluruh. Semua agensi yang menganggotai jawatankuasa ini dapat berkongsi maklumat berhubung kes-kes pendaftaran kelahiran yang diragukan untuk tindakan agensi berkenaan.

Sehingga Mac tahun ini seramai 33 bayi telah dapat diselamatkan dan sebanyak 59 tangkapan telah dibuat bersabit aktiviti sindiket penjualan bayi di negara ini. Sindiket ini dikesan menggunakan dokumen palsu dalam modus operandi mereka. Antara tindakan yang diambil oleh kementerian bagi menangani sindiket penjualan bayi ini adalah seperti berikut:

- (i) mengatakan program kesedaran bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap jenayah penjualan bayi;
- (ii) memperkemaskan prosedur pendaftaran kelahiran bayi baru lahir dan juga pengambilan anak angkat bagi memastikan tiada penipuan dilakukan;

■ 1550

- (iii) pemantauan berterusan oleh Kementerian Kesihatan terhadap hospital dan klinik swasta yang menyediakan rawatan bersalin; dan
- (iv) menggalakkan orang ramai untuk menyalurkan maklumat tentang kegiatan jenayah penjualan bayi.

Sehingga kini daripada siasatan yang telah dijalankan, tiada kakitangan JPN yang terlibat dengan isu penjualan bayi yang dibangkitkan. JPN sentiasa membuat pemantauan secara berterusan ke atas pegawai serta kakitangannya bagi memastikan mereka tidak terlibat dengan sebarang kegiatan atau aktiviti penyelewengan dokumen-dokumen yang dikeluarkan oleh jabatan. JPN tidak akan teragak-agak untuk mengambil sebarang tindakan ke atas mana-mana pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam kegiatan seumpama ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada rekod dan statistik yang ada, tiada sebarang laporan polis berhubung kehilangan kanak-kanak dan remaja dikaitkan dengan sindiket pemerdagangan orang. Kewujudan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran yang dianggotai oleh lima jawatankuasa dan lima orang wakil NGO pada dasarnya adalah untuk membantu menyelaras dasar serta program bagi membanteras jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran dengan dibantu oleh agensi-agensi yang terlibat.

Beberapa inisiatif telah diambil, antaranya mewujudkan Pelan Tindakan Nasional Antipemerdagangan Orang yang menggariskan tindakan yang akan diambil dalam tempoh lima tahun bagi memantapkan penguatkuasaan dan pelaksanaan usaha membanteras pemerdagangan orang di Malaysia. Sembilan program telah digariskan bagi memastikan segala tindakan yang diambil adalah selaras dengan sembilan bidang strategik yang telah dirangka. Akta sedia ada turut telah dipinda dengan memasukkan antara lain, denda yang lebih tinggi bagi kesalahan yang bersabit dengan jenayah ini selain memasukkan elemen penyeludupan sebagai satu kesalahan. Kempen kesedaran dan juga hebahan sama ada di media cetak dan elektronik diadakan bagi meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai tentang jenayah ini. Walau bagaimanapun, penyertaan dan kerjasama dari orang ramai amat diperlukan bagi memastikan jenayah ini dapat dibanteras.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Puan Usha...

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Mengenai dengan isu pemerdagangan orang terutama bayi yang disebutkan tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut setakat siasatan yang dibuat, tidak menunjukkan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara terlibat dalam hal ini. Sebab apa yang perlu kita sedar apabila berlaku penjualan ataupun perdagangan manusia, akan berlaku perdagangan maklumat.

Pengalaman saya semasa ditahan di bawah ISA tahun 1987, saya sempat berdampingan dengan OKT - orang kena tahan yang lain, yang mana beliau ini adalah bekas pegawai pendaftaran negara. Hasil kecekapan pergaulan saya, beliau mendedahkan bahawa semasa ia berkhidmat - walaupun ia pegawai rendah sahaja, tetapi ia menjual surat beranak kepada agensi ataupun sindiket tertentu dengan harga RM1,000 satu dan sebulan ia dapat menjualnya paling sedikit 10 surat beranak.

Tuan Yang di-Pertua: Apa penjelasan Yang Berhormat hendak?

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Jadi apa yang saya inginkan ialah tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut bahawa setakat ini Jabatan Pendaftaran Negara tidak terlibat tetapi berlaku perdagangan manusia terutama bayi. Saya bimbang bahawa ini ada hubung kait dan di pihak Jabatan Pendaftaran Negara, kajian siasatan perlu dibuat supaya mereka ini tidak, sebahagian kecil daripada pegawai yang berkenaan memang tidak terlibat dalam hal ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Saya rasa begini Yang Berhormat, tiap-tiap permasalahan itu ada berhubung kait dengan banyak kementerian lain.

Tidak semestinya sesuatu jenayah ini berkaitan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Pendekatan Yang Berhormat itu agaknya - *approach* Yang Berhormat jawab jujur, cuba menyeluruh sedikit yang ada berkaitan supaya semua faham dan dapat menghargai apa Yang Berhormat jawab. Silakan Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang saya perolehi memang pegawai daripada JPN memang tidak terlibat yang mana...

Tuan Yang di-Pertua: Maksudnya tadi bukan terlibat pegawai JPN. Maksudnya dalam usaha hendak membanteras sesuatu masalah itu kadang kala perlukan kerjasama, koordinasi dan banyak kementerian yang berlainan. Itu maksudnya tadi, bukan penglibatan pegawai-pegawai yang berkenaan. So Yang Berhormat, tidak mengapalah Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat nampaknya masih lagi banyak kena belajar.

Dato' Lee Chee Leong: Ya, saya akan ambil maklum.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Teruskan, teruskan.

Dato' Lee Chee Leong: Yang Berhormat Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram menggesa agar pihak polis trafik dan juga JPJ perlulah melaksanakan lebih kerap operasi di jalan-jalan persekutuan dan juga di jalan-jalan negeri yang acap kali kita menyaksikan berbagai-bagai jenis kemalangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya terutamanya kemalangan maut, PDRM telah melaksanakan satu strategik yang mula diguna pakai sejak tahun 2008 iaitu konsep penguatkuasaan kreatif atau *creative enforcement*, dengan izin, untuk memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya supaya lebih mematuhi peraturan lalu lintas.

Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin bertanyakan peruntukan dan undang-undang mana yang dipakai PDRM untuk menyenaraihitamkan pemilik kenderaan yang dikaitkan dengan kesalahan trafik. PDRM dalam menyenaraihitamkan pemilik kenderaan yang terlibat dengan kesalahan trafik adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Yang Berhormat Tuan Muhammad Olian Abdullah menyentuh berkenaan Pasukan Senoi Praak yang kini dinamakan sebagai Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 3 dan Batalion 18 dan tiada penampilan baru untuk anak-anak Orang Asli. Beliau minta kerajaan untuk memberi peluang kepada anak-anak Orang Asli menganggotai pasukan polis dan menyarankan dikekalkan nama Senoi Praak bagi pasukan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, PDRM tidak bercadang untuk memansuhkan atau menukar nama Pasukan Senoi Praak. Pada masa ini Pasukan Senoi Praak diletakkan di bawah Pasukan Gerakan Am (PGA) - Briged Utara.

Jumlah keseluruhan perjawatan Konstabel Orang Asli di dalam PDRM berjumlah 1,255 perjawatan dan daripada jumlah tersebut wujud kekosongan sebanyak 416 perjawatan. PDRM dijangka akan melaksanakan urusan pengambilan baru bagi jawatan Konstabel Orang Asli pada bulan September tahun ini. Suruhanjaya Pasukan Polis dan PDRM sentiasa menggalakkan penyertaan Orang Asli yang berkelayakan untuk berkhidmat dengan PDRM. Mereka boleh memohon di bawah Skim Perkhidmatan PDRM seperti berikut:

■ 1600

- (i) Skim Perkhidmatan Konstabel Polis;
- (ii) Skim Perkhidmatan Konstabel Polis Sokongan; dan
- (iii) Skim Perkhidmatan Konstabel Orang Asli.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun bertanya berkenaan jumlah pelatih di Pusat Latihan Polis Jalan Semarak yang masih dijangkiti *Adenovirus* dan masih menerima rawatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini semua pelatih di Pusat Latihan Polis Jalan Semarak telah disahkan bebas daripada jangkitan *Adenovirus* tersebut dan tiada yang sedang diberi rawatan di hospital. Pelatih-pelatih tersebut kini menjalani latihan seperti biasa setelah diberikan cuti selama dua minggu dari 4 hingga 16 April lalu.

Berkenaan jumlah penampilan anggota baru PDRM sejak NKRA mengurangkan jenayah dilaksanakan dan elaun, gaji, cuti dan lain-lain kemudahan yang diberikan kepada anggota-anggota PDRM seperti mana pertanyaan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumar, saya ingin menyatakan bahawa sejak inisiatif NKRA mengurangkan jenayah dilaksanakan pada tahun lepas seramai 6,290 orang pegawai dan anggota polis telah dilantik sepanjang tahun 2010 hingga bulan April tahun ini. Pada masa ini, gaji dan imbuhan tetap yang dinikmati oleh pegawai PDRM adalah berasaskan kepada Skim Perkhidmatan PDRM melalui Pekeliling Perkhidmatan, Bilangan 25, Tahun 2009.

Walaupun secara umumnya, gaji dan imbuhan tetap pegawai PDRM adalah lebih kurang setara dengan perkhidmatan awam yang lain, tetapi masih terdapat gaji yang diterima tidak setimpal dengan kelayakan masuk serta gred setiap pangkat. Kementerian dan PDRM sedang membuat penambahbaikan ke atas penggredan semula struktur pangkat dalam PDRM supaya ia selari dan setara dengan gred perkhidmatan awam yang lain. Ini secara langsung akan melibatkan struktur gaji pegawai PDRM. Penggredan semula struktur pangkat PDRM perlu dibuat secara menyeluruh supaya ia adalah setara dengan perkhidmatan awam yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan...

Tuan Ahmad bin Hussin: Yang Berhormat...

Dato' Lee Chee Leong: ...Mempunyai...

Tuan Ahmad bin Hussin: ...Saya minta laluan.

Puan Mariany binti Mohammad Yit: [*Bangun*]

Tuan Ahmad bin Hussin: Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Sebenarnya soalan yang saya sebentar tadi Yang Berhormat, laju sangat. Saya tidak sempat mahu tangkap. Saya tangkap di hujung. Saya minta maaf. Kesnya Yang Berhormat tentang *blacklist*. Saya terpaksa bangkitkan kerana perkara ini serius. Ini kerana oleh sebab Mahkamah Kuching telah pun di dalam *High Court* nya pada 2009 mengatakan bahawa *the rule that* dengan izin, *it was illegal to blacklist motorist who had failed to pay their summonses*. Jadi, ini telah diputuskan oleh mahkamah. Saya tidak mahu benda ini jadi tidak terkawal kemudiannya. Saya minta *Attorney General* untuk membuat satu kajian terperinci. Ini kerana *blacklist* dengan tidak bayar saman ini perkara berbeza. Orang kampung mereka jadi masalah ini Yang Berhormat dan Yang Berhormat sebut sebentar tadi Akta Polis.

Akan tetapi Akta Polis tidak boleh berlawanan dengan Perlembagaan. Perlembagaan *the highest law of the nations*. Kalau kita lihat Perkara 13, hak terhadap harta, jelas. Maknanya, ini yang tertinggi Perkara 13, disebut hak terhadap harta. Satu, tiada seseorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang.

Kedua, tiada suatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan untuk mengambil dan menggunakan harta-harta dengan paksa dengan tiada pampasan yang mencukupi. Saya ragu-ragu sebab *High Court* telah membuat keputusan. Ianya bukan saya yang buat keputusan dan *blacklist* ini tidak betul, salah. Ia *against the constitution*. Ia *unconstitutional* dengan izin. Ia tidak menurut Perlembagaan.

Saya harap minta Yang Berhormat dan kementerian dapat membuat kajian semula. Ini fakta besar ya. Ini soal maruah, moral, kredibiliti dan akauntabiliti negara. Sekian, terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, okey tentang perkara *blacklist* kenderaan oleh JPJ dan *list* dalam JPJ memang ada dan dia pernah bawa ada satu kes mahkamah. Cadangan Yang Berhormat, kementerian akan kajilah ya. Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua boleh *interrupt*?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tuan Yang di-Pertua, saya menunjukan satu soalan dalam ucapan saya. Sebenarnya perlu menuju kepada PDRM tetapi saya telah menuju kepada jabatan yang lain. Oleh sebab itu saya fikir Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab. Jadi, bolehkah saya ingatkan soalan itu? Ini kerana saya menuju kepada jabatan yang lain. Sebenarnya ini ialah soalan kepada PDRM. Boleh ingatkan soalan itu?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh?

Dato' Lee Chee Leong: Ini kerana ia memang soalan asalnya tidak ada tuju kepada KDN. Memang...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Saya mahu ucap dalam ucapan saya...

Dato' Lee Chee Leong: Jawapan dia tidak ada. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat boleh tanya...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ya.

Dato' Lee Chee Leong: Mana saya boleh jawab saya akan jawab. Kalau saya tidak ada maklumat saya akan jawab secara bertulis.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Okey, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya ialah apakah perkembangan mengenai kes penyiasat persendirian P.I Balasubramaniam? P.I Balasubramaniam telah memberi kenyataan melalui peguamnya dan sehingga sekarang kes itu tidak bergerak dan tidak ada apa-apa maklumat mengenai perkembangan terkini mengenai kes ini. Itulah soalan saya. Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini memang spesifik. Saya kana jawab secara bertulislah. Tuan Yang di-Pertua...

Puan Chew Lee Giok: [Bangun]

Dato' Lee Chee Leong: ...Setakat inilah penjelasan-penjelasan...

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lee Chee Leong: ...Yang dapat saya berikan memandangkan - ada lagi?

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, silakan Yang Berhormat.

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dengar dalam pembahasan ada tanya tentang Akta Imigresen. Saya mintalah kalau boleh Kementerian Dalam Negeri mengkaji semula dengan lebih *detail* tentang Akta Imigresen secara menyeluruh bukan sebahagian daripadanya. Ini kerana saya minta kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri beri jawapan dalam secara bertulis tentang akta-akta sebagaimana yang mahu dikaji dan diubah, ya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn. Silakan.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu *overall* sedikit sahajalah. Saya melihat bahawa Kementerian ini adalah satu Kementerian yang paling *powerful among all other* Kementerian. So, saya berharap agar Kementerian ini supaya mengkaji sebetul-betulnya sebelum apa pun perkara yang dibuat.

Saya menyokong rakan sekerja saya tadi daripada Yang Berhormat daripada Perlis sebentar tadi yang mengatakan bahawa *blacklist* ini *go against constitution*. *This is very important*. Sebenarnya ia merupakan moral atau imej kita. Jadi, kalau boleh dikaji semula menggunakan Kementerian yang *very powerful* ini, dan jangan sampai orang kata kita *the other "fool"* pula yang saya tidak mahu sebutkanlah. Jadi, biar betul supaya kita semua dapat menerima Kementerian ini dengan cara yang baik dan diterima pakai oleh rakyat atau apa-apa undang-undang yang diberikan Kementerian kepada rakyat. Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan *blacklisting* atau senarai hitamkan oleh JPJ seperti saya jawab sebentar tadi, Kementerian akan kaji.

■ 1610

Mengenai dengan Akta Imigresen, Yang Berhormat Senator ada bangkitkan keperluan untuk meminda akta ini. Untuk maklumat Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, memang kerajaan ada tubuh satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pengurusan Pekerja Asing dan Wakil Asing, dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Sebanyak 48 inisiatif telah dikenal pasti, ada yang telah dilaksanakan, ada yang masih dalam perbincangan. Selepas keseluruhan 48 inisiatif ini sudah pasti dilaksanakan, saya rasa masalah-masalah yang mengenai imigresen atau pekerja asing (PATI) akan diselesaikan kemudian. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat setakat inilah penjelasan-penjelasan yang dapat saya...

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Minta maaf. Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Lee Chee Leong: Saya ingat cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah tiga kali ya. Hendak undur diri.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Sangat penting, akhir. Yang Berhormat, semasa saya membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, saya yang berucap yang paling akhir. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak perasan. Akan tetapi, saya ada menyentuh tentang cara beberapa pihak berkempen khususnya para pembangkang di Sarawak semasa pilihan raya yang lepas, pilihan raya negeri Sarawak. Ada yang dalam ceramah-ceramah juga dalam bahan-bahan kempen mereka menyentuh perkara yang berbau perkauman.

Rasis, prejudis dan juga perkara yang berunsur fitnah dan hasutan yang boleh membawa kepada keburukan perpaduan negara. Kenapakah ini tidak disentuh Yang Berhormat Timbalan Menteri? Ini kerana perkara yang begitu – kalau kita hendak cakapkan, *very current*lah, sangat penting sebab perpaduan negara ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, adalah aset nombor satu negara yang berpaku sebagai asas 1Malaysia.

Saya mohonlah mana-mana Kementerian pun kalau hendak membalas, responskah apa jua yang telah diketengahkan, hendaklah mereka susun aturkan isu-isu mengikut prioriti, mengikut apa yang *current* dan apa yang persis bagus untuk dijawab dulu daripada yang remeh dan lain-lainnya. Apa kedudukan dan pendirian pihak Kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Yang Berhormat Senator, memang saya tidak ada jawapan di depan saya. Walau bagaimanapun memang kalau perkara yang – kalau ada apa-apa perkara yang...

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya merujuk kepada beberapa laporan polis yang telah dibuat. Pihak PDRM sedang menyiasat, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu saya beri satu secara bertulis kalau itu jaminan Yang Berhormat.

Dato' Lee Chee Leong: Okey, saya akan jawab secara bertulis.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Dan umumkan, umumkan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian ini. Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Sekiranya terdapat mana-mana pertanyaan yang telah dibangkitkan yang tidak dapat dijawab oleh saya pada kali ini akan diambil catatan untuk tindakan susulan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Minta Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk menjawab.

4.14 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas Kementerian saya sepanjang sesi perbahasan ke atas Titah Diraja tahun 2011 di Dewan Negara ini. Pihak Kementerian akan memberi perhatian dan mengambil tindakan susulan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Secara keseluruhannya, antara isu berkaitan Kementerian yang telah menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah dirumuskan merangkumi beberapa isu iaitu:

- (i) penerbitan program televisyen;
- (ii) perkhidmatan ASTRO;
- (iii) pelantikan Lembaga Pengarah FINAS;
- (iv) perkhidmatan jalur lebar di kawasan luar bandar; dan
- (v) peruntukan belanja pengurusan Perpustakaan Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) sentiasa memberi keutamaan kepada penerbit-penerbit filem dan drama tempatan serta penerbit program dan rancangan yang melibatkan pelbagai kaum. Selain itu, perolehan rancangan di RTM adalah terbuka kepada semua pembekal yang telah berdaftar dengan Kementerian. Berkaitan dengan hal memilik siaran di luar negara, penerbit tempatan telah diberi kalungan memasarkan program ke luar negara dengan syarat pihak penerbit memaklumkan dan memohon kebenaran daripada pihak Kementerian dan kadar bayaran baru untuk pembelian program sedang diteliti oleh pihak Kementerian.

Untuk maklumat, sejak awal tahun 2010, RTM telah menyiarkan drama dan rancangan berbahasa Indonesia, Korea, Filipina dan Latin di salurannya dan kesemua stesen televisyen swasta melalui syarat lesen yang terpakai di atas badan-badan penyiar dikehendaki untuk menyiar sebanyak 60 peratus kandungan dalam bahasa Melayu. Manakala 40 peratus kandungan siaran adalah program selain daripada bahasa...

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada Ahli Yang Berhormat hendak mencelah.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya agak tadi terlepas pandang sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu, tadi telah dikatakan bahawa RTM memberi kelonggaran kepada penerbit untuk memasarkan penerbitan filemnya ke luar atau drama ke luar negara. Jadi, adakah telah dibincangkan *percentage* yang akan diambil oleh RTM dan berapakah yang harus kita beri kepada RTM dan juga kepada penerbit peratusannya. Ada yang telah dibincangkan untuk dibuat keputusan untuk diberi maklum kepada penerbit-penerbit yang ada. Terima kasih.

Datuk Maglin Dennis D’Cruz: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menghabiskan ucapan ini terlebih dahulu sebelum menjawab pertanyaan dari Yang Berhormat Senator.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Maglin Dennis D’Cruz: Manakala 40 peratus kandungan siaran adalah program selain daripada bahasa Melayu di mana 60 peratus daripadanya hendaklah terdiri daripada kandungan tempatan yang mempromosikan budaya dan identiti kebangsaan Malaysia. Oleh yang demikian, jumlah kandungan dari luar negara yang disiarkan berdasarkan kepada peratusan kandungan siaran selain dari Bahasa Melayu hanya merangkumi 16 peratus daripada keseluruhannya kandungan siaran.

Mengenai penyiaran drama atau filem berunsur tahyul dan seram di stesen-stesen televisyen, sememangnya ada menyiarkan rancangan berunsur seram tetapi ianya adalah dalam kadar yang minimum.

Dengan syarat, kandungan rancangan tersebut mempunyai unsur pengajaran yang berguna kepada penonton. Berdasarkan data yang direkodkan oleh FINAS, sejumlah 94 buah filem tempatan telah ditayangkan sepanjang tiga tahun yang lepas, 2008 hingga 2010. Ini menunjukkan industri filem negara semakin berkualiti dan berkembang pesat. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan tidak menentukan kadar atau *charge* yang dikenakan terhadap para pelanggan bagi perkhidmatan siaran bayaran seperti ASTRO.

■ 1620

Namun demikian, kementerian melalui SKMM sentiasa memantau penetapan kadar yang caj oleh para pembeli perkhidmatan yang dilesenkan agar ia menepati lunas undang-undang yang ditetapkan serta dapat memberikan lebih pilihan kepada para pengguna. Melalui pemantauan pihak SKMM, kementerian mendapati pihak ASTRO tidak menayangkan terlalu banyak iklan komersial. Malah secara prorata iklan yang disiarkan oleh ASTRO hanyalah dua hingga tujuh minit setiap jam siaran bagi mana-mana saluran bagi tempoh penyiaran 24 jam seperti yang telah diperuntukkan dalam lesen penyiaran ASTRO.

Mengenai pembelian hak eksklusif kandungan saluran-saluran popular oleh ASTRO, SKMM mendapati pemulihan kandungan dan hak penyiaran adalah amat kompetitif dan mengikut syarat serta tema yang ditetapkan oleh pemilih kandungan tersebut. Pihak penyiaran bebas untuk berunding dengan pihak terbabit untuk mendapatkan hak penyiaran dan ianya tidak dimonopoli oleh mana-mana pihak termasuk ASTRO. SKMM akan terus memantau industri ini dan tidak akan teragak-agak untuk bertindak sekiranya terdapat amalan-amalan antipersaingan.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam perbahasan usul baru lalu, tiga perkara yang saya bangkitkan tentang perkhidmatan ASTRO adalah iklan. Jadi hari ini jawapan daripada KPKK atau pihak Menteri sendiri seolah-olah mengatakan apa yang dibuat oleh ASTRO dalam tiga aspek yang saya akan sebut sebentar lagi tidak ada masalah dan boleh diterima oleh semua orang. Akan tetapi sebenarnya, iklan ini yang dikutip oleh ASTRO sebanyak RM195 juta setahun untuk 2010, berbanding dengan TV percuma RM289 juta sahaja, sudah cukup menggambarkan bahawa sebagai TV berbayar dengan kutipan RM2.6 juta ataupun RM2.6 bilion maksud saya, dan ditambah pula dengan RM195 juta tadi menyebabkan operasi ASTRO meraih keuntungan yang begitu besar.

Ini sehinggakan apabila iklan ada menyebabkan kita sebagai pelanggan ASTRO merasakan tidak seharusnya diadakan iklan. Jadi isunya adakah dibenarkan untuk ASTRO ataupun TV berbayar mengadakan iklan. Itu satu.

Kedua tentang *exclusivity*. Sudah tentu sebagai pemain yang besar, industri *player* yang besar yang mampu apabila telah membeli *exclusive right* tentang penyanyi, pelakon, penerbit program-program ini akan mematikan kreativiti untuk stesen TV lain mendapat perkhidmatan daripada bakat-bakat tersebut. Itu pokoknya, soalan isunya. Jadi saya harap pihak KPKK akan lebih berhati-hati tentang itu. Begitu juga dengan Lembaga Penapis Filem, bukan bidang KPKK akan tetapi dalam bidang Kementerian Dalam Negeri tadi pun telah dibangkitkan. Akan tetapi jawapan itu mungkin tidak juga berapa menyenangkan kami. Terima kasih.

Datuk Maglin Dennis D’Cruz: Tuan Yang di-Pertua izinkan habiskan ucapan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Maglin Dennis D’Cruz: Berkaitan kemudahan akses *internet* jalur lebar di kawasan pedalaman. Di bawah strategik inisiatif jalur lebar nasional (NBI) seluruh negara termasuk kawasan luar bandar akan disediakan liputan jalur lebar berkelajuan sehingga 2mbps menerusi jalur lebar untuk orang awam atau *broadband of general population*, dengan izin. Projek ini menyediakan perkhidmatan jalur lebar asas kepada rakyat Malaysia dengan menggunakan pelbagai teknologi berwayar dan tanpa wayar di bawah inisiatif pihak swasta. Untuk makluman sehingga kini terdapat sebanyak 42 buah pusat *internet* desa telah disediakan oleh pihak kementerian di mana sejumlah RM7.33 juta telah dipohon melalui RMKe-9 dan RM14.3 juta melalui RMKe-10.

Tuan Yang di-Pertua, sejak penubuhan FINAS pada tahun 1981 kaum wanita merupakan sebahagian daripada ahli perbadanan antaranya seperti Toh Puan Azah Aziz, Puan Hajah Rohana Baharuddin, Dr. Aishah Sarji dan lain-lain lagi. Berkenaan pelantikan Pengerusi FINAS yang baru, untuk makluman Dewan, Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin sebelum ini pernah dilantik sebagai Pengerusi FINAS bermula 15 September 2005 hingga 30 Julai 2008.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas keterangan yang diberikan tadi. Kita tahu sebab itu saya bangkitkan, dan persoalan saya bahawa memang kita tahu ada *board* wanita dari dulu sampailah yang disebutkan tadi, saya ingat sudah berzaman sudah. Akan tetapi untuk ketika ini, tidak ada lagi. Itu yang saya persoalkan. Kenapa tidak dilantik lagi di kalangan wanita untuk duduk dalam *board* FINAS. Waima kalau hendak dilantik sebagai Pengerusi FINAS pun boleh juga. Kita masih berkaliber. Ada orang yang boleh menjayakan sebagai *board* – Pengerusi FINAS. Terima kasih.

Datuk Maglin Dennis D’Cruz: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya habiskan... *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua isu pemotongan atau pengurangan peruntukan bantuan perbelanjaan pengurusan sumbangan Kerajaan Persekutuan yang disalurkan kepada perpustakaan awam negeri pada tahun 2010, tidak timbul kerana Kerajaan Persekutuan telah menyumbangkan sebanyak RM54 juta bagi menyamai perbelanjaan mengurus dan kos pengurusan semua perpustakaan awam negeri dan perpustakaan desa. Selain itu, kementerian melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sentiasa mengkaji, merancang dan menambah baik prasarana perpustakaan melalui usaha-usaha seperti penggubalan dasar pendigitalan bahan perpustakaan, pembangunan portal Katalog Induk Kebangsaan (KIK), pelancaran portal u-Pustaka dan pelbagai lagi usaha sedang dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Majlis Media Malaysia (MMM) masih belum dapat direalisasikan kerana pengamal media mempunyai pandangan yang berbeza. penubuhan itu akan diusahakan secepat yang mungkin apabila dapat persetujuan sebulat suara daripada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini melalui RTM dan BERNAMA sentiasa memberi liputan yang cepat, tepat dan adil terutama ketika membuat liputan berita yang tidak berdasarkan kepada khabar angin atau fakta yang tidak disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod RTM jumlah tunggakan kutipan hasil iklan televisyen yang belum diperoleh sehingga 31 Mac 2011 ialah sebanyak RM9.7 juta.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian dan kedua-dua jabatan telah merancang dan melaksanakan pelbagai modul kursus dan bengkel bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pegawai-pegawai penerangan dan JASA dalam melaksanakan tugas. Untuk maklumat syarat-syarat pengambilan bagi menjawat jawatan sebagai Pegawai Penerangan dan JASA adalah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

■ 1630

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Pos Malaysia tidak lagi menjadi ejen kutipan bayaran bil Syarikat Air Darul Aman (SADA) berkuat kuasa pada 1 Mac 2011. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tiada kes berkaitan aktiviti ini dikesan atau dilaporkan kepada SKMM. Dalam hubungan ini kerajaan menggalakkan orang ramai mengamalkan budaya kawalan sendiri mengenai kandungan yang disiarkan melalui laman web. Ini disebarkan di internet adalah merupakan platform maklumat yang terbuka dan jumlahnya terlalu besar untuk membolehkan tindakan penguatkuasaan yang berkesan diambil oleh kerajaan.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Minta laluan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Saya ingin mengetahui Yang Berhormat, dalam Ahli Jawatankuasa Penapis Filem daripada luar negara, siapakah di dalamnya dan berapakah pelantikan Ahli Jawatankuasa FINAS buat masa kini berikan, nama ahli-ahli jawatankuasanya dan satu lagi saya hendak tahu, bolehkah Ahli Yang Berhormat beritahu bahawasanya filem-filem terutamanya daripada negara Latin dan filem sensasi daripada pelakon-pelakon yang cantik manis dan seksinya.

Akan tetapi perasankah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa semua anak-anak yang dilahirkan dan menjadikan watak-watak yang memegang watak-watak utama di dalam filem-filem itu kebanyakannya merupakan anak haram atau anak lahir daripada perhubungan luar nikah. Inilah yang ditonton kepada penonton-penonton TV di Malaysia. Kita tidak mahu pengaruh daripada filem-filem tersebut menular atau mempengaruhi rakyat kita terutamanya anak-anak muda zaman sekarang. Terima kasih.

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, jawapan Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati, kadar belum ditetapkan tetapi pihak RTM sedia membantu di dalam perkembangan industri kreatif negara. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb. Siaran komersial lebih kurang 10 minit setiap jam, siaran dibenarkan dalam lesen walau bagaimanapun 10 minit ini termasuk *public service, announcement* dengan izin, kos promo antara saluran ASTRO dan juga slot pengiklanan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb. Pembelian hak eksklusif program luar dan sebaiknya tempatan sehingga TV lain tidak boleh menyiarkan program tersebut iaitu EPL dan Erra Fazira.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Saya tidak pasti sama ada itu soalan atau jawapan tadi itu. Soalan saya tentang eksklusif sama ada apabila seseorang penyanyi, pelakon dan penerbit telah ditandatangani ataupun dimasukkan dalam kontrak bahawa di *exclusively* untuk ASTRO bermakna dia tidak boleh melahirkan atau mengeluarkan program-program, bahan-bahan untuk TV lain. Adakah ini adil kerana boleh menyebabkan pengusaha TV-TV lain akan akhirnya mendapat program-program yang tidak berkualiti tinggi. Satu.

Berbalik kepada program iklan atau iklan komersial. Soalan dia senang sahaja, sebagai TV berbayar dia sudah *collect* RM2.6 bilion Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa masih lagi hendak kutip RM195 juta daripada iklan? Memang betul 10 minit untuk satu saluran tetapi dia ada 50 saluran. Jadi maknanya di sini jumlah masa kalau dikumpulkan banyak, tinggi dan hampir sama dengan pengusaha TV swasta yang lain.

Bandingkan sebagai perbandingan kalau TV berbayar ataupun TV percuma yang lain *collective* dia, aggregatnya hanya RM289 juta sedangkan ASTRO sebagai *sole operator* RM195 juta itu sudah cukup untuk membuat perbandingan yang mana secara relatifnya memang tinggi.

Hari ini untuk makluman Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua banyak rungutan daripada pengguna ASTRO hanya tidak ada ruang untuk disalurkan. Saya bagi pihak mereka. Sebagai satu contoh mereka menonton *Maharaja Lawak*, saya tidak tahu sebab saya pun tidak menonton program ini. Episod pertama percuma, tup-tup masuk yang episod keempat sudah di *transfer* kepada satu *channel* yang kena bayar lagi. Tuan Yang di-Pertua anggu mungkin Tuan Yang di-Pertua menonton saya rasa. Inilah salah satu sebab.

Kedua, saluran ataupun cerita-cerita filem selalu diulang tayang cerita-cerita yang sama. Berbalik-balik, dua tahun esok dia datang balik. Ketiga rungutan paling ketara hari ini untuk ASTRO adalah apabila pelanggan tidak membayar *on time* mereka akan potong cepat. Akan tetapi bila disambung ataupun bila sudah dibayar dia sambung empat-lima hari selepas itu. Ini juga mengecewakan pelanggan. Jadi ini saya cakap bagi pihak pelanggan yang dalam dua-tiga hari ini saya jumpa di mana-mana juga terima kasih dengan saya sebab mengutarakan perkara ini bukan untuk saya tetapi untuk keseluruhan pelanggan ASTRO. Jadi jawapan pihak Timbalan Menteri saya berharap janganlah seolah-olah hendak *protect* industri ASTRO ini seolah-olah kita hendak berada di sebelah sana. Akan tetapi untuk kebajikan dan keadilan untuk semua pengguna dan juga pelanggan ASTRO. Terima kasih.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua saya hendak tambah sedikit, saya rasa dalam saya punya Titah Menjunjung Kasih itu, saya ada sebut secara bertanya kepada kementerian sejak ASTRO dilancarkan berapa kali agaknya yang bayaran langganan bulanan ASTRO ini telah dinaikkan? Ingat mengenai yang itu pun belum dijawab lagi. Terima kasih.

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, ini soalan oleh Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati peratusan filem dan drama dari luar negara. Kandungan rancangan RTM mengikut formula, 70 peratus kandungan tempatan dan 30 peratus kandungan luar negara. Soalan satu lagi oleh Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati Tuan Yang di-Pertua, wanita dalam *Board* FINAS. Kita ada seorang wanita dalam *Board* FINAS Puan Lina Tan seorang penerbit filem tempatan telah dilantik sebagai Ahli Perbadanan FINAS berkuatkuasa 15 April 2011.

Satu lagi jawapan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati. Dalam tempoh masa lima tahun kebelakangan ini ASTRO telah membuat semakan semula harga untuk pakej asas ASTRO dengan pengurangan harga daripada RM49.95 sen ke RM37.95 sen. Manakala yuran bulanan untuk langganan pakej sukan dinaikkan sebanyak RM12 disebabkan oleh kenaikan kos hak penyiaran sukan yang dihadapi oleh ASTRO. Jawapan soalan oleh Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb, saya ingat saya tidak ada saya akan bagi secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian berterima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator atas pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan. Setiap cadangan, pendapat dan teguran akan kami ambil perhatian untuk tindakan seterusnya. Sekian terima kasih.

■ 1640

Tuan Khoo Soo Seang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta mencelah kerana perkara yang saya bangkitkan semasa saya terlibat dalam perbahasan belum dijawab berkenaan dengan belanja mengurus bagi perpustakaan negeri yang dipotong begitu mendadak.

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perkongsian sumbangan antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dengan nisbah 50:50 bagi membiayai perbelanjaan sebenar perpustakaan awam negeri tahun 2009 berjumlah RM110.9 juta.

Oleh itu kerajaan persekutuan telah menyumbang sebanyak RM54 juta iaitu RM30 juta sebagai perbelanjaan pengurusan perpustakaan negeri dan RM24 juta untuk kos pengurusan 475 buah perpustakaan desa. Sekian, terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya bertanya lagi minta penjelasan. Saya difahamkan bahawa pada tahun 2009, peruntukan yang diberikan kepada perbadanan perpustakaan negeri tidak berkongsi dengan perpustakaan desa kelolaan perpustakaan negara. Jadi kalau pada tahun 2010 mereka terpaksa membahagikan 45 peratus kepada ini. Jadi sebenarnya apa yang perpustakaan negeri dapat bukan RM54 juta tetapi sebenarnya RM30 juta sahaja. Tidak boleh kah campurkan dua-dua dan kata tidak ada potong? Jikalau sekiranya gaji saya bulan ini tidak potong tetapi saya perlu berikan 45 peratus kepada Ahli Yang Berhormat, saya rasa bahawa saya telah diperbodohkan oleh jawapan seperti ini.

Saya hendak tegaskan bahawa saya difahamkan daripada RM30 juta yang perpustakaan negeri dapat, mereka juga perlu menampung 614 buah perpustakaan desa yang dikelolakan oleh negeri. Jadi wang yang diberikan kepada perpustakaan desa yang dikelolakan oleh perpustakaan negara tidak dikongsi oleh perpustakaan desa yang dikelolakan oleh peringkat negeri. Sebaliknya wang yang perpustakaan negeri dapat mereka kena menampung perbelanjaan perpustakaan desa yang dikelolakan oleh peringkat negeri. Jadi pada saya ini amat tidak adil. Tidak boleh kata tidak potong kerana memang sudah jelas daripada jawapan ini sudah potong banyak.

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Peruntukan ini kalau perpustakaan-perpustakaan daripada negeri kalau bawah Perpustakaan Negara memang perpustakaan negara akan salurkan peruntukan. Kadang kala perpustakaan di negeri-negeri adalah di bawah negeri sendiri. Jadi kerajaan negeri kadang-kadang menyalurkan peruntukan kepada perpustakaan tertentu. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih tetapi daripada jawapan yang diberikan ini RM24 juta ini bukanlah diberikan kepada perpustakaan desa kelolaan negeri. RM24 juta ini diberikan kepada perpustakaan desa yang dikelolakan oleh perpustakaan negara. Ini yang saya katakan tidak adil oleh sebab PNM punya perpustakaan ambil peruntukan daripada perpustakaan negeri kerana perpustakaan negeri sendiri mereka perlu menampung lagi perbelanjaan oleh perpustakaan desa negeri. Ada dua jenis perpustakaan desa. Saya memang faham satu jenis dikelolakan oleh PNM dan satu lagi dikelolakan oleh peringkat negeri. Yang di peringkat negeri mereka ada 614 buah perpustakaan itu. Selain daripada kena menampung ini, kemudian RM24 juta diberikan kepada perpustakaan desa di peringkat kebangsaan.

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan ambil perhatian.

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, sebab soalan saya tidak dijawab saya rasa. Tentang pada masa kini sewaktu saya bahas ramai pemuda-pemudi yang sedang suka dengan *facebook*, dengan izin. Mereka pun mencatatkan seperti pemuda-pemudi yang putus cinta dicatatkan untuk bunuh diri. Selepas itu dia terus bunuh diri dan perkara ini berlaku pada tahun lepas. Di sini persoalan saya ialah apakah tindakan yang boleh diambil kementerian untuk mengurangkan kes bunuh diri yang berkaitan dengan *facebook*, ini *under* Komunikasi. Terima kasih.

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan melalui SKMM menggalakkan penggunaan *facebook* atau media sosial yang lain dengan berhemah dan munasabah. Jika didapati ada unsur-unsur negatif seperti bunuh diri, pihak Polis Diraja Malaysia boleh mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Yang Berhormat Timbalan Menteri saya ada kemukakan satu soalan berkenaan dengan kos melanggan jalur lebar.

Di Sarawak banyak rungutan rakyat luar bandar terutama sekali yang mengatakan mereka tidak mampu melanggan jalur lebar yang berkelajuan tinggi iaitu satu *megabyte per second* kerana kosnya mahal. Jadi terpaksa mereka melanggan yang lebih murah iaitu *Streamyx* yang had kelajuannya cuma 384 *kilobyte per second*. Jadi apakah tindakan kementerian atau adakah kementerian akan menurunkan kos melanggan. Terima kasih.

Datuk Maglin Dennis D’Cruz: Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini tidak ada secara teliti dengan saya dan saya akan beri secara bertulis.

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak puas hati dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dengan menyerahkan kes seperti ini kepada polis dengan senangnya bercakap. Saya minta pihak kementerian secara bertulis macam mana kaedah dan cara mengatasi masalah seperti ini kepada pemuda-pemudi yang menggunakan *facebook*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah beritahu dia akan beri jawapan secara bertulis.

Datuk Maglin Dennis D’Cruz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua kementerian berterima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator atas pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan. Setiap cadangan, pendapat dan teguran akan kami ambil perhatian untuk tindakan seterusnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa terpenggil untuk ingin tahu mengapa. Kadang-kadang ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat terpaksa mengulang soalan dan pertanyaan mereka kerana kementerian langsung tidak menjawab atau jawapan terpesong daripada pertanyaan asal. Seperti tadi inilah contohnya, banyak yang tidak dijawab oleh kementerian. Dengan itu akan datang, saya pohon kepada kementerian tolong teliti dan ambil berat, kerana Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dengan memberikan soalan dan pertanyaan-pertanyaan yang baik dan bernas tetapi jawapan yang diberi tidak memuaskan. Terima kasih... [*Tepuk*]

Minta Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air untuk menjawab.

■ 1650

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah binti Kasnon]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada enam orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah sudi mengambil bahagian membahaskan beberapa perkara dan isu yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sepanjang sesi perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini.

Antaranya iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin bin Ali, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok, Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin, Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali, Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah dan Yang Berhormat Senator Tuan Boon Som a/l Inang. Mohon izin teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai penggunaan tenaga nuklear bagi penjanaan elektrik negara Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin bin Ali dan Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok telah membangkitkan isu mengenai kajian penggunaan tenaga nuklear bagi penjanaan elektrik negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan seperti mana yang telah dimaklumkan sebelum ini, kerajaan telah mengenal pasti sumber tenaga nuklear sebagai salah satu opsyen penjanaan elektrik jangka panjang yang berpotensi di negara ini khususnya bagi pasca 2020.

Walau bagaimanapun, keputusan muktamad mengenainya akan dibuat berdasarkan hasil kajian daripada pelbagai aspek seperti keperluan sumber manusia, perundangan dan *regulatory*, teknologi dan industri dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama kerajaan akan turut melaksanakan program pendidikan dan kesedaran awam dalam usaha mendidik masyarakat berhubung tenaga nuklear. Secara tidak langsung, pelaksanaan program komunikasi tersebut akan memberikan ruang kepada pelbagai pihak untuk mengambil bahagian dan memberikan pendapat dan pandangan mengenai opsyen-opsyen yang boleh dipertimbangkan untuk memenuhi keperluan penjana pembekalan elektrik jangka panjang negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin bin Ali...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga ingin mengucapkan di sini ialah bahawa sebelum jana kuasa nuklear ditubuhkan, ia mesti dapat kebenaran daripada orang-orang di sekitar itu. Itu prioriti yang pertama. Kemudian kajian-kajian yang berlain. Akan tetapi apa yang saya nampak ialah penduduk di sekitar tidak ada dirunding dan di bincang, tidak mendapat izin daripada mereka. Sekarang mengenai Lynas, baru hari ini kerajaan hendak menubuhkan satu panel. Ini terlalu lambat. Ini sebenarnya kena dibuat sebelum janakuasa dibina. Terima kasih.

Puan Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan. Sebenarnya Yang Berhormat, memang kita tidak maklumkan lagi kepada masyarakat setempat yang maksud Yang Berhormat di sekeliling tapak ataupun lokasi kerana kita masih dalam kajian Yang Berhormat. Belum lagi pilih lokasi ataupun tapak.

Apa yang kita maklum, memang ada satu surat daripada Ketua Menteri Pulau Pinang mohon kepada kementerian kalau boleh jangan pilih Pulau Pinang sebagai tapak. Akan tetapi sebenarnya hasil kajian masih terlalu awal dan bukan baru bermula Yang Berhormat. Kajian bukan baru bermula tetapi telah beberapa lama Yang Berhormat telah bermula dan cuma sekarang sahaja ianya dipindahkan kepada MNPC di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk meneruskan kajian yang lebih komprehensif.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tujuan saya ialah buatlah ini satu syarat iaitu mendapat keizinan daripada penduduk-penduduk di sekitar. Buatlah ini satu syarat yang penting sebelum mana-mana dipikirkan. Itulah permintaan saya. Terima kasih.

Puan Noriah binti Kasnon: *Insya-Allah* Yang Berhormat, kita ambil perhatian tentang permohonan tersebut dan sebenarnya kerajaan lebih-lebih prihatin Yang Berhormat. Seboleh mungkin kalau – ini jangka panjang. Kalaupun akan dibina loji jana kuasa nuklear ini, salah satu kriterianya adalah kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang rendah kerana kita faham tentang faktor penolakan oleh masyarakat yang mempunyai kepadatan yang tinggi. *Insya-Allah* Yang Berhormat, semuanya dalam kajian Yang Berhormat.

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, minta mencelah.

Puan Noriah binti Kasnon: Sila Yang Berhormat.

Puan Chew Lee Giok: Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak bertanya. Berapa lama kajian akan dibuat? Ambil berapa lama masanya. Terima kasih.

Puan Noriah binti Kasnon: Tuan Yang di-Pertua, saya kira akan ambil masa lebih kurang 18 bulan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin bin Ali juga, pada masa ini kadar permintaan puncak di Semenanjung Malaysia sudah menjangkau 15,000 megawatt yang dicatatkan pada bulan Mei 2010 dan jumlah kapasiti terpasang pula adalah sebanyak 21,817 megawatt. Ini memberikan kadar *reserve margin* dengan izin sebanyak 47 peratus.

Kedudukan kadar *reserve margin* yang tinggi ini adalah berpunca daripada kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah berbanding dengan kadar unjuran yang telah kita buat sebelumnya. Keadaan ini terjadi berikutan daripada krisis kewangan di beberapa buah negara maju yang turut menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara-negara pengeksporth termasuklah negara Malaysia.

Bagi mengurangkan kedudukan *reserve margin* ini ke tahap yang lebih optimum iaitu dalam lingkungan 25 peratus, kerajaan memutuskan supaya peningkatan permintaan elektrik akan hanya ditampung dengan menggunakan kapasiti penjanaan sedia ada sehingga tahun 2015.

Pada masa kini, permintaan elektrik diunjurkan berkembang pada kadar purata lebih kurang tiga peratus setahun dan langkah ini dijangka dapat mengurangkan *reserve margin* di Semenanjung kepada lebih kurang 25 peratus menjelang 2015...

Dr. Syed Husin bin Ali: [*Bangun*]

Puan Noriah binti Kasnon: Tuan Yang di-Pertua, mengenai penjanaan elektrik daripada tenaga boleh baharu atau TBB...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada Yang Berhormat ingin mencelah.

Puan Noriah binti Kasnon: Silakan.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang menjadi soal sekarang ini ialah adakah margin akan dapat dikurangkan hanya dengan perbekalan kuasa melalui nuklear? Ini kerana saya rasa banyak opsyennya dan kalau rasanya kita hanya memikirkan tentang nuklear, akibat-akibatnya pun banyak. Jadi, apakah justifikasi yang kuat untuk menyokong tentang penggunaan nuklear?

Puan Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin bin Ali. Sebenarnya Yang Berhormat, kalau menyentuh tentang tenaga nuklear lagi Yang Berhormat, saya tidak dapat memberikan jawapan yang lebih daripada apa yang saya telah jawab kerana ianya masih dalam kajian Yang Berhormat, sama ada hendak teruskan atau tidak. Banyak faktor yang perlu diambil kira. Dalam kajian awal Yang Berhormat, ia hanya merupakan satu opsyen yang *viable*, yang lebih murah berbanding dengan yang lain untuk jangka panjang iaitu pasca 2020.

Akan tetapi Yang Berhormat, saya pun dekat sini bukan untuk bercakap sama ada ia akan dibatalkan atau akan dilaksanakan. Dari semasa ke semasa melalui program-program kesedaran, program-program bertemu dengan *stakeholders*, pihak yang berkepentingan dan sebagainya, *insya-Allah* Yang Berhormat, kita akan dapat merumuskan satu keputusan yang boleh saya kira diterima oleh semua lapisan masyarakat Yang Berhormat.

Saya kira tadi Yang Berhormat ada sentuh tentang sama ada ini akan sebagai salah satu cara untuk mengurangkan *reserve margin*. Sebenarnya bukan Yang Berhormat. *Reserve margin* itu satu perkara yang berbeza. Tidak salah saya Yang Berhormat, daripada apa yang saya baca tentang bahas Yang Berhormat, sekarang ini *reserve margin* kita tinggi dan kita hendak capai optimum sampai 25 peratus itu. Itu yang saya kata kita tidak ada merancang untuk pembinaan jana kuasa sebelum tahun 2015 kerana apa yang ada sudah cukup. Cuma pasca 2015 itu yang perlu kita fikirkan kerana kalau mengikut unjuran permintaan tiga peratus setahun itu, ianya buat masa tiga atau empat tahun ini *reserve margin* akan mencapai satu tahap yang optimum Yang Berhormat. Terima kasih.

Mengenai penjanaan elektrik daripada tenaga boleh baharu (TBB), ini antara salah satu opsyen lagi Yang Berhormat untuk menggantikan kebergantungan kepada penjanaan tenaga daripada bahan api fosil.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan-pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok, ingin saya nyatakan di sini bahawa kementerian telah menggubal Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu untuk memacu perkembangan tenaga boleh baharu dengan lebih pesat lagi di negara ini.

■ 1700

Di bawah dasar ini, mekanisme *feed-in tariff*, dengan izin, ataupun sistem tarif galakan akan diperkenalkan bagi membenarkan tenaga elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu oleh pemaju bebas dan pemaju individu dijual kepada syarikat utiliti bekalan elektrik pada harga jualan atau tarif premium untuk satu tempoh yang telah ditetapkan. Ini memandangkan kos pembangunan sistem tenaga boleh baharu yang tinggi daripada sistem penjanaan elektrik konvensional. Sistem ini akan dikuatkuasakan di bawah Akta Tenaga Boleh Baharu yang dijangka akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebelum sesi Dewan Negara berakhir pada akhir bulan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, selain daripada kerangka perundangan yang berkesan, pelaksanaan sistem *feed-in tariff* (FIT) ini dengan izin, juga perlu disokong oleh sebuah dana khas tenaga boleh baharu ataupun kita sebut dana TBB, untuk menampung kos tambahan bagi kadar tarif premium yang ditawarkan di bawah sistem ini. Kementerian telah mengkaji pelbagai opsyen untuk dana TBB dan adalah dicadangkan sumber bagi dana ini dikutip daripada sebahagian kecil tarif elektrik yang dikenakan oleh syarikat utiliti ke atas semua pengguna-pengguna elektrik negara.

Di bawah mekanisme ini, pengguna elektrik kurang daripada 200 kilowatt jam dikecualikan daripada kutipan ini dan ia melibatkan sebanyak 56 peratus pengguna. Oleh yang demikian, adalah dijangkakan akan berlaku peningkatan kecil dalam tarif elektrik iaitu sebanyak 1 peratus untuk menubuhkan dana TBB sebagaimana ternyata di dalam Akta TBB yang akan dibentangkan. Kaedah ini adalah yang paling berkesan seperti yang dilaksanakan oleh negara-negara lain kerana pihak kerajaan tidak perlu menyediakan bajet tahunan dan mengambil sumber daripada pembayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu harga seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat juga, kos penjanaan tenaga elektrik dengan menggunakan sumber tenaga boleh baharu adalah lebih tinggi berbanding penggunaan bahan api fosil.

Ini berikutan kos pembangunan sebuah loji tenaga boleh baharu adalah lebih tinggi berbanding loji janakuasa berasaskan bahan api fosil buat masa ini kerana kebanyakan teknologinya adalah daripada teknologi import. Walau bagaimanapun, kos ini akan menurun dengan meningkatnya penggunaan sistem penjanaan tenaga boleh baharu di peringkat tempatan.

Oleh yang demikian, pembangunan tenaga boleh baharu secara menyeluruh pada waktu ini adalah amat bersesuaian memandangkan kos penjanaan elektrik daripada sumber konvensional akan semakin meningkat sehingga pada satu peringkat kelak. Ia akan bersamaan dengan kos penjanaan elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu di masa hadapan. Apabila keadaan ini berlaku, tenaga boleh baharu akan menjadi pilihan kerana ia adalah lebih ekonomik dan juga lebih mesra alam.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, masalah pelupusan enap cemar oleh Indah Water Konsortium (IWK)...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon untuk mencelah.

Puan Noriah binti Kasnon: Ya, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya tentang tenaga boleh baharu tadi, tentang *feed-in tariff*. Saya difahamkan negara kita menawarkan buat masa ini tenaga boleh baharu dengan tenaga yang sedia ada dalam satu bentuk kumpulan yang sama. Kita diberikan opsyen untuk memilih antara tenaga boleh baharu dengan sumber tenaga sedia ada. Jadi, kita difahamkan kos yang akan dilibatkan kalau diasingkan itu tinggi.

Sekarang ini saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, berapakah kos sebenarnya yang diperlukan sekiranya kita ingin mengasingkan sumber tenaga boleh baharu dengan sumber tenaga yang lain supaya ini diberikan opsyen kepada pengguna supaya mereka boleh pilih, yang mana yang mereka hendak?

Jadi, kalau sekarang ini keadaannya seolah-olah semuanya disatukan. Berapakah kos yang telah akan ditanggung oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

Puan Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz. Sebenarnya pilihan itu kepada penjana, Yang Berhormat, bukan kepada pengguna. Pilihan adalah kepada penjana bebas atau individu yang ingin menjana elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu ini. Kita Yang Berhormat sebagai pengguna kita menerima daripada Grid Nasional, daripada TNB misalnya. TNB yang akan membeli daripada penjana, pengeluar tenaga boleh baharu ini Yang Berhormat dan saya kira kadar yang kita perlu bayar kepada TNB adalah sama selagi tidak ada peningkatan tarif. Cuma pilihan adalah kepada pengeluar ataupun penjana sama ada hendak menggunakan sumber *biomass*, sumber *solid waste*, sumber solar dan sebagainya. Kos ini adalah kepada pengeluar ataupun kepada penjana.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Apakah yang dimaksudkan dengan penjana individu? Siapakah pihak-pihak yang akan menjadi penjana individu?

Puan Noriah binti Kasnon: Okey, Yang Berhormat. Mungkin itu saya boleh beri pembentangan secara lebih jelas semasa pembentangan rang undang-undang ini dalam dua hari atau tiga hari kelak, Yang Berhormat. Akan tetapi, ia adalah sesiapa sahaja yang berminat untuk menjana tenaga elektrik berasaskan sumber tenaga boleh baharu ini Yang Berhormat, seperti daripada solar, *biomass*, *solid waste* sepertimana dalam jadual yang akan kita bentangkan dalam Akta Tenaga Boleh Baharu kelak. Sesiapa pun boleh. Individu, syarikat, anak syarikat kerajaan negeri termasuklah TNB sendiri boleh. Asalkan ia melalui anak syarikat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tentang Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin mendakwa bahawa Indah Water Konsortium telah melupuskan enap cemar secara haram. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, loji olahan kumbahan awam di Kuala Sawah, Negeri Sembilan sebagaimana yang disebutkan telah dibina oleh Kerajaan Malaysia dengan kos berjumlah RM360 juta. Loji ini dilengkapi dengan teknologi yang terkini untuk mengolah enap cemar mengikut piawaian alam sekitar. Enap cemar kering telah disimpan di tapak rizab pemetungan dalam kawasan berpagar loji sebelum dilupuskan di tanah kambus yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan pemetungan yang disediakan adalah bertujuan untuk memelihara kesihatan umum masyarakat dan juga alam sekitar terutamanya sumber dan punca bekalan air minum. Kerajaan akan memastikan bahawa pihak IWK akan mengendali dan menyelenggarakan sistem pemetungan awam seluruh Semenanjung Malaysia kecuali Kelantan, Johor Bahru dan juga Pasir Gudang secara cekap dan berkesan sepanjang masa serta dapat mematuhi pelepasan efluen seperti yang dikehendaki oleh Akta Kualiti Alam Sekeliling 1972. Bagi tujuan tersebut juga, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia syarikat tersebut, selari dengan peruntukan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 Akta 655 yang telah dikuatkuasakan melalui 1 Januari 2008.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat juga supaya pengurusan bekalan air digabungkan dengan pengurusan perkhidmatan pemetungan. Kerajaan sememangnya berhasrat untuk mengintegrasikan pengurusan bekalan air dan pengurusan perkhidmatan pemetungan bagi memastikan pembentukan *synergy* pengurusan pemberian perkhidmatan yang lebih berkesan. Pengintegrasian kedua-dua perkhidmatan ini adalah selari dengan konsep kitaran air, yang mana air yang telah diambil dan digunakan perlu digantikan semula. Pengintegrasian pengurusan ini membantu kerana mencapai ekonomi *scale*, dengan izin, bagi operasi perkhidmatan bekalan air dan pemetungan.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, dalam merealisasikan hasrat tersebut, terdapat kekangan-kekangan yang dihadapi oleh kerajaan dalam menggabungkan pengurusan bekalan air dan perkhidmatan pemetungan. Antara kekangan yang berkaitan adalah daripada segi pembangunan perkhidmatan pemetungan pada masa ini adalah jauh ke belakang jika dibandingkan dengan perkhidmatan bekalan air serta struktur tarif yang tidak mencerminkan kos sebenar bagi perkhidmatan pemetungan yang diberikan.

Keadaan sebegini terjadi adalah disebabkan kekeliruan pengguna terhadap kemudahan perkhidmatan pembetulan yang diberikan kepada mereka adalah seolah-olah tidak kelihatan ataupun *non-visible* dengan izin, dan ini menyebabkan pengguna kita kurang kesedaran terhadap kepentingan perkhidmatan pembetulan yang diberikan oleh IWK. Walau bagaimanapun, dengan pelaburan CAPEX, pengawalseliaan secara sistematik serta hala tuju yang komprehensif, kerajaan yakin proses penggabungan kedua-dua sektor ini *insya-Allah* akan dapat dilakukan pada masa hadapan walaupun terpaksa mengambil masa yang agak panjang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air Selangor. Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali, Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah juga menyentuh mengenai isu penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Persekutuan sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi menyelesaikan isu penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor.

■ 1710

Melalui rundingan-rundingan yang telah dilaksanakan, Kerajaan Persekutuan bukan sahaja telah mencadangkan pelbagai pendekatan bagi menyelesaikan isu ini, malah telah memberi persetujuan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk melaksanakan modal holistik yang dihasratkan oleh kerajaan negeri selagi ia dapat dilaksanakan secara *willing buyer, willing seller*, dengan izin, dan menghormati perjanjian konsesi yang masih sah dan berkuat kuasa. Namun demikian, isu ini tidak dapat diselesaikan sehingga kini dan tawaran Kerajaan Negeri Selangor kepada syarikat-syarikat konsesi air di negeri Selangor yang berakhir 30 Januari 2011 juga tidak dapat menyelesaikan isu ini.

Penangguhan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air Selangor sememangnya memberi kesan yang negatif terhadap industri perkhidmatan bekalan air. Ia bukan sahaja memberi kesan negatif terhadap bon-bon berkaitan air ataupun *water related bond* dengan izin, malah ia juga turut menjejaskan perkhidmatan bekalan air kepada rakyat negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Putrajaya disebabkan kekangan kewangan yang dihadapi oleh operator-operator air. Kesemua isu ini saling berkait dan memerlukan penyelesaian menyeluruh dengan kerjasama semua pihak termasuk Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan penyelesaiannya dapat dicapai demi kepentingan pengguna di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali juga, ingin saya maklumkan bahawa isu penurunan penarafan bon-bon berkaitan air di negeri Selangor ini adalah merupakan salah satu daripada implikasi akibat penangguhan penstrukturan semula industri bekalan air di negeri Selangor. Kedudukan kewangan operator-operator air di negeri Selangor semakin meruncing menyebabkan agensi penarafan ataupun MARC menurunkan penarafan terhadap nota-nota hutang operator-operator ini. Contohnya, SYABAS hanya dapat membayar sebahagian sahaja daripada kos pembelian air terawat kepada operator-operator air yang menyebabkan SYABAS mempunyai hutang tertunggak yang tinggi kepada operator-operator air. Kesannya, ia menjejaskan aliran tunai operator-operator air menyebabkan obligasi kewangan mereka tidak dapat ditunaikan apatah lagi untuk pembangunan CAPEX.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kerajaan Persekutuan mengambil alih untuk menangani isu ini sekalipun, ia tidak akan dapat menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi oleh operator air selagi penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air Selangor tidak dimuktamadkan. Oleh itu, saya menyeru agar Kerajaan Negeri Selangor dapat secara ikhlas memberikan kerjasama sepenuhnya dalam memastikan penstrukturan semula dapat dimuktamadkan secepat mungkin supaya rakyat negeri Selangor...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Noriah binti Kasnon: Saya habiskan ayat saya sedikit, Yang Berhormat. Harapan kita supaya dapat dimuktamadkan dengan segera supaya rakyat negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan juga Kuala Lumpur dapat menikmati bekalan air yang mencukupi dan berterusan. Saya juga berpandangan bahawa Kerajaan Negeri Selangor perlu bertanggungjawab untuk menangani isu kewangan yang dihadapi oleh operator-operator air negeri Selangor dan tidak hanya menuding jari kepada Kerajaan Persekutuan memandangkan kerajaan negeri juga mempunyai pegangan ekuiti dalam syarikat-syarikat tersebut. Silakan Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya air ini ialah hak manusia. Ini sangat penting. Semua jiwa mesti perlu air. Air bukan satu bahan untuk membuat untung besar. Jadi, itulah asas Kerajaan Negeri Selangor. Apa yang terjadi ialah perjanjian dengan syarikat-syarikat dengan Kerajaan Persekutuan. Jadi, kerajaan sekarang tidak bertanggungjawab kepada apa yang dialami oleh syarikat-syarikat. Ini ialah perjanjian mereka daripada kerajaan dahulu, Kerajaan Pusat. Jadi, kerajaan sekarang mementingkan kebajikan rakyat. Jadi, mengenai perkara ini, saya ingat SYABAS mesti bertanggungjawab, mesti menjanjikan apa yang di *promise* sebenarnya iaitu mereka mesti mengendali air yang tidak kira, air yang sia-sia. Mereka buat satu kiraan dan buat satu audit. Itulah yang ditunggu Kerajaan Negeri Selangor iaitu satu akaun yang diaudit. Syarikat SYABAS belum tunaikan lagi. Jadi, saya ingat di sini tidak betul menyalahkan Kerajaan Negeri Selangor dalam hal ini. Terima kasih.

Puan Noriah binti Kasnon: [Bangun]

Tuan Ahmad bin Hussin: Yang Berhormat, saya minta laluan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minggu lepas, Yang Berhormat Dato' Raja Nong Chik, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah melahirkan rasa kesal dengan sikap Kerajaan Negeri Selangor yang tidak mendukung perjanjian konsesi dengan SYABAS menyebabkan pelbagai masalah bekalan air seperti air berkarat. Orang Selangor, Lembah Klang minum air berkarat kerana paip-paip lama tidak berganti kerana dana tidak dapat disalurkan.

Saya difahamkan Kerajaan Negeri Selangor tidak bayar hutang RM471 juta. Saya tidak tahu ini hutang – hutang ini sudah lama sudah. Saya sudah minum lama sudah, sudah gemuk sudah. Akan tetapi, minum, ambil air tidak bayar hutang. Kita tidak kiralah perjanjian dahulu, sekarang atau akan datang tetapi hutang tetap hutang. Kita perlu bayar hutang. Kalau kita tidak bayar hutang, bagaimana kita hendak tukar paip-paip lama? Kita jangan tunggu perjanjian. Ini kerana hutang bayar dahulu, perjanjian jalan. Jangan tunggu. Kalau perjanjian tidak selesai 100 tahun lagi, kita sudah mati. Siapa hendak bayar, siapa hendak tanggung? Kita sudah guna sudah. Jadi, jangan kita cari alasan-alasan yang sangat tidak logik. Beli, bayar, ambil, makan, bayar. Ia tidak ada kata tunggu perjanjian. Tidak kira siapa janji. Ini *very simple calculation*, dengan izin. Hutang perlu bayar. Hendak tunggu apa lagi?

Jadi, saya rasa perkara ini perlu diselesaikan. Ini kerana yang menjadi masalah adalah rakyat, rakyat Selangor, Lembah Klang. Kalau rakyat Perlis, kita sudah bayar lama sudah. Akan tetapi takkan kita hendak bayar untuk Kerajaan Negeri Selangor pula. Jadi, saya tidak hendak masuk sebelah mana. Akan tetapi saya hendak tanya, kementerian dan SPAN tidak adakah satu kaedah untuk bertindak lebih tegas lagi seperti yang dibolehkan dalam Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 untuk mengatasi kemelut yang cukup sukar untuk diatasi ini? Saya sedih dan simpati kepada rakyat Lembah Klang, khasnya rakyat Selangor. Sekian, terima kasih.

Puan Noriah binti Kasnon: [Bangun]

Datuk Akbar bin Ali: Yang Berhormat, oleh kerana ia bersekali, saya mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang kalau tidak senafas pun, tetapi sepemikiran dengan jiran baik saya ini. Satu di utara, saya di selatan. Pertama sekali saya mengucapkan tahniah di atas jawapan yang diberi Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akan tetapi, saya rasa jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri agak *lady like* dengan izin, atau terlalu *gentlemen*. Ia mungkin tidak dapat menyelesaikan kemelut yang ada kerana jawapan yang diberikan itu hanya berbentuk seruan.

Saya mencadangkan dalam isu kemelut air di Selangor ini, kerana banyak pihak terlibat dan masing-masing mendendangkan lagu, “*Bangau Oh Bangau*”, maka saya mencadangkan kepada Kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya *take up the leadership*, dengan izin, untuk menyelesaikan dengan sungguh-sungguh dan berkesan masalah kemelut air ini. Saya harap dengan kepimpinan yang ada dapat menyelesaikan dengan adil yang meliputi semua pihak yang terlibat – Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak pemegang konsesi dan juga rakyat.

Seperti mana yang dikatakan tadi, pihak konsesi telah pun *incurred* pinjaman, hutang yang perlu dibayar, dan ada komitmen untuk membayar dan Kerajaan Selangor pula pun sudah ada komitmen kerana berhutang terhadap pembekal air seperti SYABAS. Jadi isu-isu ini mesti diselesaikan dengan tuntas, segera dan berkesan. Jadi dengan itu, akhirnya rakyat akan mendapat faedah termasuk domestik dan pengguna industri.

Kedua isunya, kerana kita menuntut jawapan yang lebih tegas bukan berbentuk seruan, tetapi komitmen di dalam Dewan yang mulia ini, “Nah! Inilah akan dibuat esok pagi, walaupun bukan dinihari, sebelum ayam berkokok.”

■ 1720

Keduanya saya ingin menarik perhatian tentang IWK sebab telah ditimbulkan tetapi saya tidak dapat mendengar jawapannya. Apakah tindakan yang akan diambil untuk menuntut balik hutang sebanyak RM700 juta yang kalau tidak silap saya ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin. Jadi ini hutang yang perlu dituntut dan diselesaikan.

Ketiga, kerana penarafan bon yang telah menurun oleh MIRC ia mengakibatkan kerugian khususnya kerugian yang ditanggung oleh KWSP. Saya ingin tahu akibat kemelut ini dan penurunan penarafan tersebut, berapa banyakkah kerugian yang ditanggung oleh KWSP dan pemegang-pemegang bon yang lain?

Seterusnya saya ingin menarik perhatian kepada perkara yang keempat. Dalam menyelesaikan kemelut ini, dalam mengambil kira kepentingan rakyat yang tidak boleh diabaikan. Tolong juga beri perhatian kepada pemegang *concession* yang sedang tenat sakit mengalami kerugian ini supaya kerugian itu dapat diatasi, hutang dapat dibayar maka masalah air berkarat dan sebagainya dapat diatasi dengan menggantikan paip-paip yang lama dan usang. Seterusnya saya rasa salah satu usaha yang perlu dibuat dan komitmen perlu didengar di Dewan ini kerana salah satu usaha ataupun salah satu kaedah penyelesaiannya ialah menaikkan kadar tarif air, supaya sebahagian besar masalah yang ditanggung oleh operator dapat diatasi. Saya mohon jawapan yang lebih tegas daripada Yang Berhormat. Sekian terima kasih.

Puan Noriah binti Kasnon: Terima kasih. Ada lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat.

Puan Noriah binti Kasnon: Jangan sampai saya lupa semua isu nanti. Okey sila Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Isunya serupa isu air juga.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, silakan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Dua perkara saya hendak jelaskan. Pertama untuk menstrukturkan semula dan juga untuk menyelesaikan beberapa masalah tentang air ini. Kerajaan Selangor bersama dengan SYABAS pada permulaannya telah bersetuju untuk Selangor membeli syarikat yang telah diswastakan itu.

Akan tetapi oleh kerana campur tangan dari pihak politik yang tinggi maka penyelesaian itu telah terbantut. Selepas begitu lama masalah ini berterusan baru-baru ini dicadangkan supaya diadakan penyelesaian. Pihak Selangor telah mencadangkan untuk membeli SYABAS dengan harga RM10 bilion jauh lebih tinggi daripada bayaran permulaan. Akan tetapi pihak SYABAS masih belum menjawab soal itu. Barangkali tidak tahulah apa tekanan-tekanan politik yang dihadapinya.

Perkara yang kedua ialah tentang hutang dan air yang kotor tadi. Perlu dijelaskan bahawa selama ini kekotoran dan sebagainya bukan berlaku hanya dalam dua, tiga tahun ini tetapi lebih awal lagi. Selama ini paip yang digunakan iaitu oleh pihak SYABAS telah digunakan secara percuma dan bayaran untuk sewa paip itu adalah jauh lebih tinggi daripada hutang yang terkumpul pada pihak SYABAS. Hutang ini bukan hutang sekarang, hutang dari dahulu. Jadi bagaimanakah hutang hendak dibayar jikalau pihak SYABAS tidak menjelaskan bayaran bagi paip besar yang mereka gunakan selama ini? Terima kasih.

Puan Noriah binti Kasnon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ya kepada empat orang sahabat kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mencelah dan memohon penjelasan lanjut tentang beberapa isu yang telah disuarakan. Saya harap saya dapat rangkum semualah ya kerana tidak dapat satu persatu. Sebenarnya isu perjanjian konsesi yang wujud sejak 15 Disember 2004 ini bukan Kerajaan Persekutuan sahaja Yang Berhormat. Ianya memerlukan komitmen mematuhi terma oleh semua oleh syarikat konsesi, oleh kerajaan negeri dan juga oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi tiga-tiga ini kena duduk berunding.

Jadi kalau salah satu tidak ikhlas untuk menyelesaikan maka kita buntu, kita buntu lagi sekali. Jadi itu sangat-sangat memerlukan. Sebenarnya Yang Berhormat sejak daripada 2008 awal mula kita hendak menyelesaikan penstrukturan semula ini saya ingat sudah lebih 80 kali perjumpaan dan rundingan dijalankan. Sama ada dengan Ketua Menteri, dengan Yang Berhormat Menteri Tenaga, termasuklah juga di peringkat Jawatankuasa Teknikal, KSU, Datuk SUS dan juga melibatkan beberapa Exco dan sebagainya. Jadi kadang-kadang pada peringkat awal nampak cantik tetapi bila balik berjumpa dengan Exco bila ambil masa yang panjang sedikit keputusan sudah berubah. Itu yang selalu terjadi berbolak-balik maknanya rundingan ini. Itu sebab gagal untuk mencapai satu penyelesaian yang tuntas sehingga ke hari ini.

Walau bagaimanapun, sehingga penstrukturan semula dapat dimuktamadkan kita mohon terma-terma di dalam perjanjian konsesi itu masih sah. Ianya perlu diberi perkhidmatan *the owner* apa jua yang telah termaktub. Jadi saya sangat-sangat berharap kerana pelanggaran terma-terma dalam syarikat konsesi juga sudah berlaku. Begitu juga dengan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin sebentar tadi ya menyentuh tentang kenyataan Wilayah Persekutuan. Ini yang mana kerajaan negeri tidak menyokong terma di dalam perjanjian konsesi, tiada kenaikan khasnya tentang kenaikan tarif. Jadi bagaimana syarikat hendak dapat dana daripada kenaikan tarif yang ditangguhkan yang tidak dipersetujui dan sebagainya.

Maka tidak ada dana untuk membaik pulih penggantian paip-paip lama, meningkatkan taraf bekalan air, rawatan air dan sebagainya. Ini memang menimbulkan satu keadaan hutang yang tinggi. Tidak adil kalau kita kata bahawa syarikat-syarikat konsesi ini sudah mengaut keuntungan yang begitu tinggi. Kalau betul mereka mengaut keuntungan yang begitu tinggi tidak perlu membayar hutang, tidak perlu bergantung kepada bon berkaitan air dan sebagainya. Sudah pasti mereka tidak mengalami masalah kekangan kewangan seperti hari ini. Juga memang kita setuju Yang Berhormat bahawa air adalah setiap manusia, air itu percuma. Akan tetapi yang penting sekarang kos merawat air itu adalah sangat tinggi.

Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang faham ini yang tadi saya dengar kata rawat kita bayar. Walaupun kos sebenar rawatan itu tidak kita tanggung sepenuhnya masih lagi mendapat kadar air yang rendah.

Khasnya di Selangor kadarnya untuk domestik misalnya masih lagi rendah. Jadi saya sangat-sangat berharap ianya melalui kerjasama dan juga komitmen semua pihak untuk menyelesaikan perkara ini dan tidak dikait-kaitkan dengan hal-hal lain seperti Pembinaan Loji Rawatan Air Langat II. Tidak dipanjangkan kepada Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor. Saya cukup yakin perkara ini boleh diselesaikan secara tuntas tetapi mestilah dengan keikhlasan untuk rakyat, demi rakyat dan sebagainya.

Begitu juga dengan penurunan penarafan bon kerana ketidaktentuan industri air tentang penstrukturan semula ini ia memang antara implikasi yang ditanggung oleh *Water Limited Bond* ini dan dia turun. Tidak salah saya kalau saya dapat tengok angka di sini ya ia memang melibatkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan sebagainya.

Tidak salah saya ya kalau saya sempat selak di sini ya. Apabila MIRC menurunkan taraf ke atas bon-bon berkaitan sektor air di negeri Selangor yang dianggarkan berjumlah RM6.2 bilion. Disebabkan ketidaktentuan dalam proses penstrukturan semula industri bekalan air Selangor maka ia telah menyebabkan pemegang bon dalam pasaran bon negara mengalami kerugian *mark to market* sehingga RM460 juta.

Kemudian apabila kerajaan negeri menengguhkan penyelarasan kenaikan tarif air SYABAS sebagaimana yang dikehendaki di dalam syarikat dan perjanjian konsesi 2004 itu, 37 itu jangan dihebah-hebahkan sangat sebab ianya adalah siling tertinggi. Ia memerlukan persetujuan tiga pihak termasuk dengan laporan audit untuk kita mencapai satu kenaikan tarif yang wajar.

■ 1730

Jadi, kalau pembangkang asyik menyebut naik 37 peratus, sebenarnya tidak. Kabinet saya cukup yakin tidak akan mempersetujui kenaikan pada kadar itu sekiranya syarikat tidak mematuhi KPI yang diperlukan atau KPI yang telah ditetapkan oleh SPAN misalnya dengan persetujuan kerajaan negeri dan juga melalui laporan Audit dan persetujuan kementerian dan Kerajaan Persekutuan.

Apabila kegagalan dan keengganan Kerajaan Negeri Selangor untuk menaikkan kadar tarif yang sudah *due* itu, maka Kerajaan Selangor mengikut terma perjanjian konsesi itu hendaklah membayar pampasan kepada syarikat. Ianya sudah berjumlah RM481 juta ekoran dari penangguhan kenaikan tarif tersebut, maka industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor memang menghadapi masalah kewangan yang meruncing.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi, saya sangat faham dan saya sangat berharap. Mengenai penyelesaian tuntas ini sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Dato' Akbar bin Ali. Sebenarnya, *insya-Allah* pada mesyuarat Kabinet, Rabu depan ini kita akan membuat satu keputusan.

Saya harap ianya akan menjadi satu keputusan yang terakhir akan dilaksanakan supaya dapat menyelesaikan secara tuntas sama ada penstrukturan ini boleh diteruskan dengan mengambil kira hasrat Kerajaan Negeri Selangor sendiri, mengambil kira juga hasrat dan kepentingan Kerajaan Persekutuan ataupun tidak dimuktamadkan dan kita terpaksa memberi penghormatan kepada terma-terma perjanjian konsesi yang sedia ada dan berterusan.

Akan tetapi kalau sekiranya itu berlaku, pastilah mereka akan terus menghadapi kekangan kewangan yang meruncing dan banyak naik taraf bekalan air ini tidak dapat dilaksanakan. Walaupun kita membantu, Kerajaan Pusat membantu melalui pinjaman dan geran melalui Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh dan sebagainya tetapi jumlahnya sangat sedikit kerana terpaksa diagihkan kepada semua negeri. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Perlis kerana telah memuktamadkan *restructuring* air ini. Walaupun belum lagi dilaksanakan secara menyeluruh tetapi perjanjian sudah. Tentang penswastan, sebentar saya akan pergi kepada penswastan Air Selangor yang didakwa oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat memberi kesan yang buruk dan sebagainya. Saya jawab.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Ramakrishnan a/l Suppiah menyentuh tentang usaha penswastan yang dilaksanakan di negeri Selangor yang melibatkan empat operator iaitu SPLASH, ABASS, SYABAS dan Puncak Niaga Sdn. Bhd. atau PNSB adalah untuk meningkatkan tahap perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor yang sebelum ini menghadapi masalah kekurangan dana untuk menampung kekurangan kos operasi serta pembangunan infrastruktur bekalan air sehingga kerajaan negeri dibebani jumlah hutang yang tinggi. Masalah tersebut telah menyebabkan perkhidmatan bekalan air kepada rakyat terjejas dengan kadar air tidak berhasil meningkat sehingga 42.78 peratus manakala kualiti air juga telah merosot. Ini sebelum penswastan.

Melalui penswastaan, perkhidmatan bekalan air Selangor telah dapat ditingkatkan dengan kadar air tidak berhasil ataupun *non-revenue water* berjaya diturunkan kepada 32.45 peratus pada tahun 2010 manakala kualiti air di negeri Selangor adalah antara yang terbaik di negara ini. Mengenai kenaikan kadar tarif air pula, seperti yang telah termaktub di dalam perjanjian konsesi yang telah ditandatangani pada 15 Disember 2004, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor dan SYABAS.

Sungguhpun perjanjian konsesi menetapkan siling kenaikan tarif air tertentu kepada SYABAS, SYABAS sebenarnya tidak boleh menaikkan tarif air sewenang-wenangnya kerana kenaikan tarif air adalah bergantung kepada prestasi perkhidmatan yang saya sebutkan tadi yang diberikan dan pematuhan kepada terma-terma perjanjian. Ia dibuat berdasarkan formula yang telah dipersetujui dalam perjanjian konsesi seperti mengambil kira prestasi SYABAS dalam beberapa aspek seperti jumlah kutipan sebenar, perbelanjaan modal, perbelanjaan operasi, pembelian air terawat dan kadar kehilangan air tidak berhasil.

Oleh itu dalam memastikan kenaikan tarif air tidak membebankan rakyat, maka di bawah skim penstrukturan semula industri perkhidmatan air yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, sebarang kenaikan tarif perlu dikemukakan kepada SPAN atau Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang akan menyemak dan memperakukan kepada kerajaan kadar tarif yang wajar berdasarkan pencapaian Key Performance Indicators atau KPI, dengan izin, oleh operator-operator air tersebut.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa pengambilalihan syarikat konsesi boleh mengelakkan kenaikan tarif air, saya berpendapat bahawa Ahli Yang Berhormat tidak konsisten dalam kenyataan ini, dalam memberi pandangan kerana Ahli Yang Berhormat juga turut menyatakan bahawa kerajaan negeri akan meletakkan kenaikan tarif sebanyak 12 peratus. Pada satu ketika Yang Berhormat kata kalau pulangkan kepada kerajaan negeri tidak ada kenaikan, pada satu ketika lagi Yang Berhormat kata ada kenaikan dan boleh kenaikan sehingga 12 peratus. Malah dalam portal www.airuntukrakyat.net, Kerajaan Negeri Selangor bersetuju supaya SYABAS diberikan kenaikan tarif air sebanyak 12 peratus bagi tahun 2009, 2012 dan juga 2015.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat pemindahan aset air negeri Selangor yang merupakan sebahagian daripada skim penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan sentiasa bersikap terbuka. Inilah apabila kita terbuka ini yang *ding dong, ding dong* sampai 2 tahun lebih. Bersikap terbuka dengan sebarang cadangan untuk menyusun semula industri tersebut selagi ia dibuat berlandaskan konsep *willing buyer, willing seller*, dengan izin, dan menghormati pada masa yang sama konsesi perjanjian yang sedia ada, yang masih sah dan berkuat kuasa.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya mohon sedikit penjelasan.

Puan Noriah binti Kasnon: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan isu air. Bilamana kita menyebut tentang isu air ini adalah isu mengenai awam dan saya percaya bahawa perjanjian air untuk semua negeri adalah *public document* yang seharusnya boleh didedahkan kepada rakyat. Jadi, adakah dalam kes ini kementerian bersedia untuk mendedahkan semua perjanjian di semua negeri berkaitan dengan air kerana ini melibatkan kepentingan umum.

Kedua, berkenaan adakah di seluruh Malaysia, Kerajaan Pusat menawarkan kadar yang sama untuk semua pinjaman, geran dan pembiayaan yang diberikan kepada semua kerajaan negeri. Ketiga, berkenaan dengan tarif. Tadi Yang Berhormat sebut kalau ada tarif naik, akan ditentukan oleh Kabinet, akan ditentukan oleh SPAN. Dalam kes ini, adakah kalau untuk tarif ini bincang, bagaimana dengan perjanjian? Saya difahamkan bahawa perjanjian antara negeri dengan negeri, negeri dengan Pusat tidak sama.

Negeri Sembilan punya terma lain dengan negeri Kelantan, negeri Kelantan mungkin lain dengan negeri Kedah. Jadi, adakah ada pihak yang menyelaras dari segi terma-terma ini dan siapakah yang akan memastikan sebagaimana kita pastikan sebelum dibuat penarifan air dipastikan kualitinya adakah mencapai KPI yang dikehendaki. Dalam konteks ini adakah Kerajaan Pusat juga melihat kepada semua terma-terma antara negeri-negeri, adakah dari segi terma-termannya sama.

Begitu juga dengan kepentingan yang berkaitan dengan aset yang disebut oleh Yang Berhormat Rama berkenaan aset-aset yang dimiliki oleh kerajaan negeri kerana bukan apa, di peringkat negeri kemungkinan yang besar sekali dibimbangi ialah aset-aset ini akan berpindah kepada sebuah syarikat yang akan mengendalikan kes air ini. Jadi, ini akan menyebabkan mungkin hilang hak negeri. Mungkin bukan dalam masa sekarang tetapi mungkin dalam masa berpuluh-puluh tahun. Jadi, saya minta satu pengesahan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Puan Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat. Perjanjian antara kerajaan negeri, perjanjian penswastan antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan dan syarikat konsesi ataupun syarikat-syarikat yang berkenaan walaupun ia melibatkan tiga parti Yang Berhormat tetapi kalau hendak dijadikan *public document* saya kira perlu juga mengambil kira persetujuan daripada ketiga-tiga pihak berkenaan. Walau bagaimanapun saya kira untuk negeri Selangor saya kira sudah dimasukkan di dalam laporan Audit dan mungkin tidak lagi menjadi rahsia Yang Berhormat.

Begitu juga dengan tentang tarif kenaikan air bagi negeri-negeri. Ia memang tidak sama Yang Berhormat. Setiap kali kerajaan negeri mohon untuk kenaikan air walaupun tertakluk kepada terma di dalam perjanjian konsesi Yang Berhormat, ianya perlu memohon dengan menghantar justifikasi, menghantar laporan pencapaian KPI dan segalanya kepada SPAN dan kemudian kita akan membawa kepada Kabinet untuk mengesahkan cadangan yang diberikan oleh SPAN sama ada wajar ataupun tidak wajar. Sebab itu kita lihat kenaikan air di Pulau Pinang tidak sama, kenaikan air di Kedah tidak sama. Apa yang termaktub di negeri Selangor juga tidak sama Yang Berhormat. Ia mesti juga mesti mematuhi keperluan-keperluan ataupun KPI yang telah ditetapkan oleh SPAN dan juga terma di dalam perjanjian konsesi yang berkenaan.

■ 1740

Tentang aset-aset air yang dimiliki, apabila penstrukturan semula dilaksanakan, ianya akan beroperasi secara *asset-light*, maknanya kita tidak perlu bimbang tentang CAPEX, ia akan diambil alih oleh PAAB, Pengurusan Aset Air Berhad, sebuah syarikat di bawah Kementerian Kewangan, di mana kemudian PAAB ini akan memajakkan semula kepada kerajaan negeri ataupun kepada operator untuk membayar pajak secara bulanan mengikut kemampuan.

Ini adalah untuk memudahkan industri bekalan air ini tidak, operatornya tidak terlalu terbeban dengan *capital expenditure* seperti untuk membaik pulih infra, penggantian paip dan sebagainya. Itu sebabnya kita sangat-sangat menggalakkan supaya semua negeri yang belum *migrate* kepada penstrukturan semula industri air negeri masing-masing supaya dapat berbuat demikian agar tidak terlalu terbeban dengan kewangan untuk kemudahan-kemudahan ataupun projek-projek infra tetapi memberikan fokus kepada bekalan air yang terawat sahaja. Jadi Yang Berhormat kalau tidak faham nanti saya bolehlah...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Boleh minta laluan?

Puan Noriah binti Kasnon: Ya Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapa Pulau Pinang boleh menjual air dengan harga yang begitu murah, sebab saya ingat adalah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah sebut di antara negeri-negeri ada perbezaan bergantung kepada perjanjian...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Di sini ada masalah Tuan Yang di-Pertua, mahu...

Tuan Yang di-Pertua: Okey saya benarkan Yang Berhormat sudahkan *you* punya soalan itu. Teruskan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Di Pulau Pinang, air diswastakan kepada satu syarikat. Jadi satu syarikat mengendalikan semua aspek dan juga CAPEX itu tidak ditanggung oleh pihak bekalan air di Pulau Pinang. Namun di Selangor ditanggung oleh syarikat, jadi kos sangat berbeza seperti yang dijawab oleh Menteri itu, sangat berbeza. Jadi kenapakah perbezaan berlainan kepada tiap-tiap negeri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab.

Puan Noriah binti Kasnon: Sangat jelas seperti yang dinyatakan oleh Tuan Yang di-Pertua, ia bergantung kepada kerajaan negeri Yang Berhormat, hasil perbincangan yang dimasukkan ke dalam terma perjanjian konsesi, memang tidak sama. Kerajaan Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Selangor tidak sama Yang Berhormat.

Jadi termanya pun mungkin berbeza, mungkin tidak sama dan begitu juga dari segi penjualan air lebih murah ataupun kadar tarif kenaikan air lebih murah dan rendah berbanding negeri-negeri lain, itu adalah memang berbeza Yang Berhormat kerana air adalah di bawah pengurusan kerajaan negeri dan dipantau oleh SPAN, jadi memang berbeza Yang Berhormat.

Saya sangat berharap bahawa mungkin CAPEX di Pulau Pinang berbeza dengan keperluan ataupun mekanisme-mekanisme rawatan ataupun agihan yang tidak sama dengan di negeri Selangor Yang Berhormat, berpandukan juga kepada terma dan syarat di dalam perjanjian konsesi Yang Berhormat. Jadi saya sangat berharap agar kita faham bahawa isu ini hendak *tackle* nya pun berlainan masalahnya...

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Puan Noriah binti Kasnon: ...Dari satu negeri ke satu negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan.

Puan Noriah binti Kasnon: Tuan Yang di-Pertua, kalau masih lagi ramai yang tidak faham tentang kedudukan air, mungkin saya boleh berikan taklimat khas tentang penstrukturan air negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat, bagus, bagus.

Puan Noriah binti Kasnon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir wajarlah agar kalau sekiranya masih lagi kekeliruan eloklah agaknya kementerian beri penjelasan dan penerangan kepada pihak yang berkenaan, bagus-bagus Yang Berhormat teruskan.

Puan Noriah binti Kasnon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali tentang industri perkhidmatan air negeri Kedah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Boon Som...

Datuk Akbar bin Ali: Minta maaf, saya ada tanya berkenaan hutang IWK tadi, mungkin Yang Berhormat terlepas pandang.

Puan Noriah binti Kasnon: Minta maaf Yang Berhormat Senator, apabila saya lihat kepada... mungkin sama ada pegawai saya terlepas pandang ataupun tidak diberikan kepada saya, saya lihat satu persatu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak menyentuh tentang hutang IWK.

Datuk Akbar bin Ali: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Noriah binti Kasnon: Juga tidak ada di dalam ringkasan isu yang diberikan kepada saya, tetapi walau bagaimanapun Yang Berhormat, memang tunggakan yuran IWK sangat tinggi dan ia memerlukan kesedaran daripada semua orang. Kalau kita boleh membayar ASTRO, boleh membayar telefon, saya kira untuk membayar bil IWK ini satu hari kalau tidak salah saya dalam 27 sen sahaja.

Jadi itu sangat memerlukan hebahan, kesedaran kita selaku pemimpin bawa turun padang, berilah keutamaan kepada membayar kepada yuran IWK ini kerana ramai yang kurang sedar kerana perkhidmatannya tidak nampak Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Namun macam ASTRO televisyen kita nampak, telefon kita nampak. Jadi mentang-mentang pembentungan ini tidak nampak, maka orang boleh tolak ke tepi tentang pembayarannya, tidak nampak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau boleh saya mencelah sedikit, IWK ini ada satu akta yang kita luluskan di dalam Dewan mulia semasa saya Ahli Parlimen dahulu lagi. IWK sudah bertukar konsesi ke sudah banyak kali. Saya bersetuju pandangan Yang Berhormat tadi bahawa kesedaran masyarakat, tetapi kalau kita tengok daripada awal lagi IWK *is a big problem*, dengan izin. Oleh yang demikian, kalau saya mencadangkan, kalau boleh kementerian Yang Berhormat sekarang berikan satu penjelasan penerangan kepada semua yang berkenaan, khususnya di Dewan ini kalau dapat menghayati dan memahami supaya senang perkara ini tidak timbul *once and for all*, dengan izin.

Puan Noriah binti Kasnon: *Insya-Allah* cadangan yang sangat-sangat baik Tuan Yang di-Pertua, akan saya bawa sekali dengan taklimat isu air negeri-negeri ini. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya kira IWK bersama kementerian memang ada membuat kapsul-kapsul di televisyen supaya kita sama-sama sedar bahawa IWK ini adalah satu perkhidmatan yang sangat penting dan perlu kita bayar. Saya rasa sudah keluar di televisyen tetapi mungkin masih lagi dipandang ringan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua tapi telah dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya Yang Berhormat, dahulu pelaksanaan, konsep itu dahulu. Maksudnya ia tidak ada wang digunakan pihak - bila hendak bangun barulah hendak membuat kerja, itu menimbulkan banyak masalah. Obligasi masyarakat memang betul. *So*, saya fikir agaknya terima kasih Yang Berhormat, nampaknya memang lancar perkara ini dan dapat menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Puan Noriah binti Kasnon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang prihatin. Saya kira Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja penjelasan yang saya dapat berikan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sekali lagi jutaan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat tentang perkara-perkara yang menyentuh tentang bidang tugas Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. *Insya-Allah* kementerian akan sentiasa mengambil perhatian terhadap sebarang saranan, pandang balas yang membina dan untuk menangani semua masalah yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai selaras dengan Gagasan 1Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, agaknya Yang Berhormat telah begitu lancar, faham kementerian mana dan permasalahan yang timbul, Yang Berhormat berikan jawapan yang memuaskan. Saya berharap agar lebih ramai kementerian-kementerian boleh buat macam ini, selamat kita, senang kita buat kerja. Seterusnya saya mempersilakan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, nampak mula-mula tadi ada Menteri dekat sini, tetapi sekarang ini Timbalan Menteri. Kalau Menteri datang itu bagus juga, tetapi Timbalan pun lagi hebat agaknya, saya hendak dengarlah, silakan.

5.48 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Olian bin Abdullah, Yang Berhormat Senator Hajah Fatimah binti Hamat, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu, Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf, Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg dan Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Diraja yang menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin mencadangkan supaya elaun setiausaha JKK dan JKKP dinaikkan daripada RM200 kepada RM500. Kementerian mengucapkan terima kasih dan mengambil maklum mengenai cadangan ini. Kajian harus dibuat dengan teliti kerana ia melibatkan implikasi kewangan yang agak tinggi.

■ 1750

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kenaikan elaun Pengerusi daripada RM450 kepada RM800 dan Elaun Kehadiran Mesyuarat daripada RM30 kepada RM50 semasa pembentangan Bajet 2011 telah melibatkan tambahan peruntukan sebanyak RM147 juta. Sekiranya mengambil kira cadangan menaikkan Elaun Setiausaha sebanyak RM300 yang akan melibatkan seramai 15,487 orang, maka peruntukan tambahan yang diperlukan adalah sebanyak RM55.8 juta setahun di atas RM147 juta tadi.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad pula mencadangkan agar peruntukan diberi kepada JKK untuk melaksanakan program di bawah JKK ini. Sejak ditubuhkan, JKKK berperanan membantu kerajaan mengenal pasti dan melaporkan projek-projek pembangunan yang diperlukan di kampung-kampung.

Ia juga membantu kerajaan memantau pelaksanaan projek-projek berkenaan. JKK bertindak sebagai mata dan telinga kerajaan untuk memastikan kesinambungan pembangunan di kampung terus terlaksana. Memandangkan institusi JKK ini tidak melaksanakan projek pembangunan tertentu, maka kerajaan melihat bahawa tiada keperluan untuk mengadakan dana khusus bagi institusi ini.

Mengenai latihan kepimpinan kepada JKKK, kementerian sememangnya melaksanakan program latihan ini melalui Institut Kemajuan Desa (INFRA) di mana pada tahun 2010 sebanyak 5,792 orang peserta telah mengikuti program latihan ini. Di antara kursus-kursus yang ditawarkan untuk memastikan institusi ini berada dalam keadaan mantap dan berkesan adalah:

- (i) Kursus Peningkatan Profesional JKKK;
- (ii) Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Kampung;
- (iii) Kursus Kepimpinan Desa dan Komunikasi;
- (iv) Kursus Kecemerlangan Belia;
- (v) Kursus Personaliti dan Sahsiah;
- (vi) Kursus Pengendalian Perniagaan dan Simpan Kira;
- (vii) Bengkel Pengurusan Projek; dan
- (viii) Kursus Pengurusan Desa Berdasarkan ICT.

Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, suara saya kurang elok...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh dengar Yang Berhormat, boleh dengar, boleh dengar. Teruskan, faham, faham

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Berkaitan cadangan supaya JKKK sentiasa mempertingkatkan kemahiran dalam bidang ICT, kementerian akan berusaha untuk memastikan supaya JKKK yang baru dilantik tahun ini mengikuti kursus ICT yang dianjurkan kementerian.

Untuk makluman, kementerian sedang mengenal pasti beberapa perkara dalam usaha untuk memperkasa JKKK termasuk penetapan KPI yang turut menyentuh mengenai aspek kemahiran dan latihan.

Berhubung dengan pembekalan satu komputer bagi setiap JKKK, perkara ini perlu dikaji dengan teliti kerana melibatkan implikasi kewangan yang tinggi. Setelah mengambil kira kedudukan kewangan semasa yang tidak mengizinkan, cadangan pembekalan komputer ini akan melibatkan tambahan peruntukan sebanyak RM31 juta. Sekiranya mengambil kira cadangan menaikkan elaun Setiausaha sebentar tadi, jumlah keseluruhan tambahan peruntukan yang diperlukan untuk membiayai institusi JKKK ini adalah sebanyak RM233.8 juta.

Yang Berhormat Senator juga membangkitkan mengenai permohonan Program Bantuan Rumah (PBR) melalui JKKK. Kementerian mengambil maklum dan mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa ini mekanisme *focus group* pembasmian kemiskinan diguna pakai melaksanakan Program Bantuan Rumah. Mekanisme ini adalah terbaik kerana ia dianggotai oleh agensi-agensi kerajaan dan juga pemimpin-pemimpin tempatan termasuklah Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan para penghulu yang mana amat memahami keperluan dan kehendak kumpulan sasar di peringkat akar umbi.

Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin juga meminta kementerian mengubah pemikiran masyarakat luar bandar. Kementerian sememangnya prihatin dalam usaha untuk mengubah pemikiran masyarakat luar bandar. Di antara program-program pembangunan modal insan masyarakat luar bandar yang kita laksanakan adalah:

- (i) Program Pembangunan Minda Orang Asli – program ini dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang bertujuan untuk membangkitkan kesedaran dan perubahan sikap masyarakat Orang Asli ke arah perubahan pemikiran yang positif serta kesediaan untuk menerima program pembangunan kerajaan. Pada tahun 2010, seramai 3,160 Orang Asli yang terdiri daripada ketua isi rumah JKKK, belia dan wanita telah mengikuti kursus ini;
- (ii) Program Pembangunan Minda Insan – program ini dilaksanakan oleh Bahagian Kesejahteraan Rakyat kementerian ini yang bertujuan untuk mengubah minda masyarakat luar bandar terutamanya bagi golongan miskin agar lebih proaktif dan berdaya maju. Pada tahun 2010, seramai 13,638 orang telah mengikuti program ini;
- (iii) Program Pendidikan Kesejahteraan Keluarga – program ini dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) yang bertujuan untuk meningkatkan mutu hidup keluarga ke arah mewujudkan masyarakat yang berkualiti dari aspek kerohanian dan sosial. Pada tahun 2010, sebanyak 84 buah program telah dilaksanakan melibatkan seramai 44,800 orang peserta; dan
- (iv) Program Pengupayaan Masyarakat – program ini dilaksanakan oleh Bahagian Pengupayaan Komuniti dan Infodesa. Sebagai pemangkin pembangunan masyarakat luar bandar, dengan program perubahan minda ini, keilmuan dan kemahiran melalui pendekatan gerakan daya wawasan. Program ini bertujuan meningkatkan daya upaya masyarakat luar bandar dengan penglibatan pemimpin masyarakat setempat seperti JKKK dan belia sebagai penggerak utama ke arah kemajuan kampung masing-masing.

Sebagai contohnya, Program Hari Komuniti 1Malaysia (HAKIM) yang telah dilaksanakan pada tahun 2010 dengan penganjuran sembilan siri program yang melibatkan 1,085 orang peserta.

Kementerian akan meneruskan pelaksanaan program-program seumpama ini di samping dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan kesedaran individu, ia akan turut menyumbang ke arah peningkatan nilai moral serta pengukuhan institusi kekeluargaan dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat bertanya adakah kerajaan bercadang untuk memberi bonus dan bantuan kewangan kepada petani, pesawah dan pekebun kecil serta bantuan-bantuan lain kepada mereka khususnya dalam peningkatan pendapatan dan ekonomi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah hanya terlibat dengan tanaman komoditi getah, kelapa sawit dan padi oleh RISDA dan FELCRA Berhad sahaja. Agensi-agensi lain yang turut mengusahakan tanaman ini adalah bertanggungjawab kepada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi manakala tanaman makanan lain adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA). Pemberian dividen dan keuntungan terkumpul hasil ladang peserta adalah juga merupakan bonus kepada peserta bagi meningkatkan pendapatan dan ekonomi mereka.

■ 1800

Selain itu, kementerian juga memberikan bantuan alternatif kepada pekebun kecil dan pesawah di bawah seliaan RISDA dan FELCRA Bhd. bagi tujuan membantu meningkatkan lagi pendapatan dan hasil tanaman melalui program-program seperti berikut:

- (i) program tanam semula getah ke getah. Kadar bantuan diberi adalah RM9,230 sehektar di semenanjung, RM13,500 sehektar di Sarawak dan RM14,000 sehektar di Sabah. Bantuan diberi dalam bentuk benih tanaman, baja dan tunai untuk kerja-kerja pembangunan tanah;
- (ii) program peningkatan produktiviti getah. Nilai bantuan diberi adalah sebanyak RM1,000 sehektar dalam bentuk baja, alat dan bahan rangsangan, vitamin pokok, alat pelindung hujan serta peralatan yang diperlukan untuk kerja menoreh pokok getah;
- (iii) program aktiviti ekonomi tambahan. Kadar bantuan diberikan maksimum sebanyak RM10,000 seorang tertakluk kepada keperluan sebenar mengikut bidang aktiviti yang dijalankan seperti tanaman, ternakan dan industri desa; dan
- (iv) bantuan subsidi padi projek FELCRA Berhad. Kadar subsidi yang diberikan adalah sebanyak RM248 bagi setiap metrik tan hasil padi bagi setiap peserta dengan pegangan 1.2 hektar sawah padi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan kementerian ini telah berjaya mengeluarkan semua pekebun kecil tegar seramai 734 orang dalam tahun 2008 dan seramai 6,869 orang miskin sehingga tahun 2010. Hanya berbaki seramai 37 orang miskin masih berada dalam kategori ini akan terus dibantu dalam tahun 2011.

Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali membangkitkan isu mengenai teknologi hijau masih kurang digunakan secara meluas oleh FELCRA dan RISDA bagi memaksimumkan pendapatan daripada hasil pertanian. Dalam aspek tanaman komoditi RISDA dan FELCRA menggunakan sepenuhnya tandan-tandan kelapa sawit daripada kilang sebagai baja bukan sahaja bagi mengurangkan kos pembelian baja yang semakin meningkat malah sebagai satu langkah di dalam membudayakan teknologi hijau di dalam amalan pertanian baik ataupun *good agriculture practices*.

Tandan-tandan ini digunakan sama ada dalam bentuk *bunch as organic compos* atau *bioorganic fertilizer* selain dijadikan bahan sungkupan tanaman sawit di ladang pekebun kecil sawit.

Secara tidak langsung peserta kedua-dua agensi menikmati pengurangan kos operasi dari segi pembajaan yang dapat meningkatkan dividen pada masa hadapan dan sekali gus memaksimumkan pendapatan daripada hasil pertanian mereka. Selain itu, FELCRA Bhd. juga telah mewujudkan *bio valley* atau lembah bio di projek FELCRA Bhd. Seberang, Perak yang secara khususnya menghasilkan *effective microbe* (EM) di kawasan ini. Produk ini digunakan untuk memanfaatkan sisa buangan dari industri perladangan, perkilangan dan kawasan penempatan dengan menukarkannya menjadi sumber pendapatan. Sebagai contoh jerami padi yang dirawat menggunakan *effective microbe* dan menjadikannya silaj atau makanan ternakan.

Langkah ini mampu mengelakkan pencemaran alam sekitar oleh aktiviti pembakaran terbuka yang berpunca daripada jerami padi terbuang atau terbiar kalau tidak menggunakan EM ini ataupun *effective microbe* ini. Bukan itu sahaja, tinjauan ternakan juga boleh dirawat dengan EM bagi membentuk baja bio organik yang diaplikasikan pula sebagai baja di estet padi.

Walau bagaimanapun, FELCRA dan RISDA sentiasa mencari inisiatif dan kaedah baru dalam mengaplikasikan dan membudayakan teknologi hijau di dalam amalan pertanian baik dari semasa ke semasa. Berkaitan dengan tempurung kelapa sawit untuk meningkatkan pendapatan peserta FELCRA dan RISDA mengikut amalan semasa tempurung kelapa sawit adalah merupakan hak milik kilang dan terpulang kepada pihak kilang untuk digunakan sebagai bahan bakar *boiler* di kilang atau untuk tujuan lain.

Buat masa ini kilang sawit RISDA dan FELCRA tidak memproses tempurung kelapa sawit yang terhasil dari proses pengilangan buah sawit tetapi dijual untuk memperoleh pendapatan kilang. Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu...

Datuk Akbar bin Ali: Mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Ya, silakan.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucap tahniah di atas segala usaha yang dibuat itu kerana sedikit-sebanyak dia boleh membantu para peserta termasuk saya. Cuma saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin pegawai Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menyentuh keseluruhan isu yang saya bangkitkan.

Pertama sekali tentang pengguna BTS, tandan basah tadi yang dikatakan digunakan untuk dijadikan baja. Saya tidak nafikan itu adalah alah satu usaha tetapi usaha itu sudah agak tradisional Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mohon pihak FELCRA dan RISDA membuat kajian *cost benefit analysis* dengan izin, untuk memastikan meneruskan penggunaan tandan secara tradisi, adakah itu memberi pulangan yang lebih baik berbanding menggunakannya dijadikan bahan biomas ataupun biogas dari segi pendapatan. Kalaulah kaedah yang kedua ini memberikan pulangan yang lebih tinggi maka saya sarankan mengguna pakailah kaedah yang kedua tadi.

Kedua, secara tradisi para peserta FELCRA dan RISDA berhubung kelapa sawit hanya mendapat dua sumber pendapatan tandan basah berdasarkan harga sawit mentah dan juga *palm kernel oil* berdasarkan daripada *palm kernel*, dengan izin. Tadi dikatakan tempurung milik kilang. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berdasarkan *biotech* terkini dan juga penggunaan teknologi hijau buah kelapa sawit sesungguhnya boleh mendatangkan hasil bukan sahaja daripada minyak mentah. Saya katakan dalam Dewan ini *silage* yang ditafsirkan kira-kira 20 peratus yang merupakan *waste* di masa lalu sekarang sudah menjadi *wealth* kerana boleh menjadi sumber biomas dan sebagainya. Ini adalah milik kami peserta. Jadi saya telah menyarankan harga bila dijual itu bukan sahaja mengambil potensi perahan minyak yang berdasarkan OER yang biasanya antara kadar 16 peratus ke 19.5 peratus tetapi mesti juga mengambil kira yang dikatakan *waste* di masa lalu itu di *factor in* kan dengan izin, sebagai juga potensi *revenue*.

Keduanya, sehinggalah asap yang dikeluarkan oleh kilang yang berbentuk *ash fly* yang boleh juga di *convert* kepada bahan konkrit untuk dijadikan alternatif simen. Bermakna bahan ini juga boleh di *factor in* sebagai sumber hasil dan tempurung tadi adalah agak hairan. Asalnya milik peserta mengapa pula jadi milik kilang.

Itu sebab harga tempurung ini juga mesti di *factor in* kan kerana ia boleh dijadikan bahan tenaga yang boleh sebagai alternatif menggantikan arang batu.

Jadi kalaulah hasil sekarang berdasarkan OER tadi boleh mendapat RM800 se tan mungkin mengambil kira bahan-bahan yang dikatakan *waste* dahulu dijadikan *wealth* sekarang mungkin akan boleh meningkat antara 20 peratus ke 30 peratus. Itulah yang saya maksudkan. Saya minta pegawai FELCRA dan RISDA meninjau *frontier* baru ini supaya dapat menambahkan pendapatan para peserta FELCRA dan RISDA. Itu yang saya maksudkan Yang Berhormat Timbalan Menteri di samping usaha-usaha yang telah dinyatakan tadi. Mohon diberi penjelasan bilakah pegawai-pegawai di RISDA dan FELCRA berada *in front of the curve* dengan izin, bukan *remain behind the curve*, dengan izin. Terima kasih.

■ 1810

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkenaan dengan elemen-elemen yang perlu dijadikan *wealth* dari *waste* itu, saya rasa pihak RISDA ataupun FELCRA cuma dapat mengambil kiranya sebagai satu *income* oleh peserta apabila FELCRA dan RISDA ini betul-betul sudah mendapat *revenue* juga. Kita tidak boleh mengambil kira bahawa ini sepatutnya menjadi *revenue*, maka diambil kira sebagai *revenue*. Itu satu

Yang kedua, mesti difahami bahawa RISDA dan FELCRA tidak ada R&D sendiri. Akan tetapi apa yang kita ada sekarang ialah kita membuat kerjasama dengan beberapa universiti dan apabila ada hasil dari penyelidikan oleh universiti, barulah kita dapat guna pakai hasil kajian tersebut di peringkat RISDA dan FELCRA. Sebenarnya kita ada membuat langkah yang tertentu untuk bekerjasama dengan beberapa universiti, tetapi sama ada itu sudah sampai ke peringkat yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator, akan saya tentukan nanti dan esok lusa kita ada *Post Cab.*, ini akan saya bawa kepada pegawai-pegawai masing-masing. Sekian, terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Sebenarnya apa yang saya nyatakan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, semuanya sudah ada dalam pasaran. Kalau dibenarkan saya bercakap, *there is no need to reinvent the will*. Jadi kita gunakanlah hasil kajian yang sudah ada dan saya mohon segeralah *convert* kan menjadikan pendapatan bagi para peserta FELCRA dan RISDA yang agak miskin ini.

Sebelum saya akhiri, saya mintalah jawapan soalan nombor 62 hari ini mohon kebenaran Yang Berhormat Timbalan Menteri minta pegawai Yang Berhormat yang berkaitan untuk berjumpa dengan saya untuk saya mendapatkan jawapan yang lebih baik. Soalan nombor 62 hari ini. Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Soalan pagi tadi?

Datuk Akbar bin Ali: Ya.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Okey, saya akan buat. Kita juga mengambil kira orang kata *economy subscale*. Di dua kilang kepunyaan RISDA kah FELCRA, di situ sahaja kita dapat gunakan *waste* untuk jadikan *wealth* dan menambahkan *revenue* peserta walaupun secara *indirect*. Akan tetapi nantilah *Post Cab.* esok lusa saya akan bincang dengan lebih teliti apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu pula menyarankan supaya melihat semula hala tuju FELCRA dengan memperuntukkan separuh daripada keluasan tanah untuk penanaman makanan. FELCRA Berhad adalah sebuah syarikat kerajaan yang menjadikan tanaman komoditi negara sebagai aktiviti utama perladangan. Dasar pembangunan tanah FELCRA Berhad adalah dipengaruhi sepenuhnya oleh kerajaan negeri yang menentukan jenis tanaman komoditi yang ingin dibangunkan dan kerajaan negeri dilihat lebih cenderung membangunkan tanaman komoditi seperti kelapa sawit, getah dan padi. Berdasarkan situasi ini, sebarang cadangan untuk FELCRA Berhad mengubah hala tuju ke arah penanaman tanaman makanan berskala besar perlulah dirujuk dan dipersetujui oleh kerajaan negeri terlebih dahulu.

Namun begitu, FELCRA Berhad adalah satu-satunya syarikat kerajaan yang membangunkan estet padi seluas 5,000 hektar bagi menjana keperluan padi beras negara. Di dalam masa yang sama, FELCRA Berhad turut melaksanakan tanaman *non-commodity* seperti pisang dan nanas secara *intercropping*.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg memohon RISDA kembangkan usaha dari segi perladangan di Jalan Song ke Kapit, Sarawak. RISDA telah mula melaksanakan program-program perladangannya di Sarawak pada 1 Januari 2010 dan bersedia mengembangkan usahanya ke seluruh Sarawak termasuk di kawasan berkenaan khususnya:

- (i) melaksanakan program penanaman semula getah tua yang tidak ekonomik dengan klon getah premium yang berprestasi tinggi dengan pemberian bantuan tanam semula dalam bentuk input pertanian termasuk benih getah, baja dan wang tunai bagi kerja membangunkan tanah tertakluk pada kadar maksimum bantuan RM13,500 sehektar;
- (ii) meneruskan program tanam semula yang telah dilaksanakan sebelum RMKe-10 dengan menguruskan bayaran ansuran bantuan tanam semula sehingga selesai bagi menentukan kebun getah diuruskan dengan baik dan jayanya dan dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh empat setengah tahun;
- (iii) melaksanakan program peningkatan produktiviti kebun getah ke arah mencapai tahap 2,000 kilogram sehektar setahun menjelang tahun 2015; dan
- (iv) melaksanakan aktiviti khidmat nasihat dan bimbingan dalam bidang teknikal pengurusan kebun, latihan kemahiran dan keusahawanan kepada pekebun kecil.

Dalam tahun 2011, RISDA negeri Sarawak telah diberikan peruntukan sebanyak RM13 juta untuk menanam semula getah tua melibatkan seluas 2,450 hektar dengan sasaran seramai 1,065 orang pekebun kecil. Daripada jumlah ini, RISDA mensasarkan tanam semula getah seluas 100 hektar melibatkan seramai 70 orang pekebun kecil dengan peruntukan sebanyak RM530,000 di Daerah Kapit.

Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf membangkitkan isu berhubung permohonan 32 buah tangki najis di rumah panjang Tuan Rumah Nari anak Lubang sejak tahun 2005. Saya difahamkan ini adalah kali kedua isu ini dibangkitkan. Jawapannya lebih kurang sama juga. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Projek Peningkatan Taraf Sistem Sanitasi Luar Bandar di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mula dilaksanakan pada tahun 2004. Walau bagaimanapun, bagi negeri Sarawak, projek ini hanya dilaksanakan mulai tahun 2007. Jadi dia minta tahun 2005 ini memang belum kita layanlah. Sehingga tahun 2010, sebanyak 3,163 buah tangki telah siap dipasang di negeri Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, semakan kementerian mendapati bahawa pihak kementerian tidak pernah menerima permohonan yang dikemukakan oleh tuan rumah panjang Tuan Rumah Nari anak Lubang seperti yang dinyatakan. Itu yang saya katakan tadi, dan kita telah menyarankan supaya pihak Yang Berhormat Senator boleh menasihatkan tuan rumah tersebut untuk mengemukakan permohonan berkenaan kepada kementerian ini untuk pelaksanaan dalam RMKe-10. Jadi sampai hari ini pun, walaupun sudah diberi nasihat kepada Yang Berhormat Senator tersebut tetapi belum ada dikemukakan permohonan, tidak ada susulan.

Berhubung dengan Jalan Kampung Hujung Airport, Lawas dan Kampung Seberang Mission, hasil semakan kementerian mendapati bahawa projek tersebut tidak disenaraikan di bawah Program Jalan Luar Bandar kementerian. Namun begitu, sekiranya pelaksanaan projek ini diberi keutamaan oleh pihak berkuasa negeri, kementerian akan menyenaraikan projek ini di bawah Program Jalan Luar Bandar kementerian tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi. Kementerian juga mengambil maklum mengenai ketiadaan bekalan air dan elektrik di kampung ini.

Sehubungan itu, kementerian akan menyenaraikan permohonan ini di dalam senarai permohonan *second rolling plan*, dengan izin, RMKe-10 kementerian di bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Bekalan Air Luar Bandar. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah memperuntukkan sejumlah RM304.59 juta bagi Parlimen Lawas untuk melaksanakan 31 projek jalan luar bandar, 27 buah projek bekalan elektrik luar bandar dan enam projek bekalan air luar bandar di dalam memastikan penduduk di kawasan ini dapat menikmati kemudahan jalan raya, bekalan air dan bekalan elektrik yang sempurna.

Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung dan Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar membangkitkan isu mengenai infrastruktur asas luar bandar. Bermula daripada tahun 2010 sehingga tahun 2012, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara Infrastruktur Asas Luar Bandar telah menetapkan sasaran membina sepanjang 2,500 kilometer jalan baru dan dinaiktaraf bagi menghubungkan rakyat kepada pusat-pusat sosial dan ekonomi, menyediakan bekalan air bersih dan terawat kepada hampir 360,000 buah rumah, membekalkan tenaga elektrik 24 jam sehari kepada lebih 140,000 buah rumah dan menyediakan 50,000 buah rumah baru atau di baik pulih bagi golongan miskin dan miskin tegar.

■ 1820

Sehingga 31 Mac tahun ini, NKRA infrastruktur asas luar bandar telah berjaya,

- (i) menyiapkan sepanjang 1,073.21 kilometer jalan luar bandar di bawah NKRA ini;
- (ii) menyediakan bekalan air bersih ataupun terawat kepada 37,283 buah rumah di kawasan luar bandar di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar;
- (iii) menyambungkan bekalan elektrik kepada 27,995 buah rumah di kawasan luar bandar di bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar; dan
- (iv) membina ataupun menaik taraf 17,050 buah rumah untuk golongan miskin dan miskin tegar di kawasan luar bandar di bawah Program Bantuan Rumah.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah memohon supaya MARA meneruskan tajaan biasiswa perubatan di Indonesia. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga 31 Mac 2011 jumlah pelajar tajaan MARA dalam bidang perubatan yang masih menuntut di 14 buah universiti terkemuka di Indonesia adalah seramai 939 pelajar.

Walau bagaimanapun, mulai Februari 2011 MARA telah menghentikan penajaan pelajar-pelajar perubatan ke Indonesia untuk sementara waktu. Ini adalah disebabkan pertama, tempoh pengajian yang lama berbanding dengan negara lain, contohnya pelajar perubatan di Ireland dan Australia dapat menamatkan pengajian dalam tempoh lima tahun manakala di Indonesia ia mengambil masa selama enam tahun. Penambahan tempoh pengajian selama setahun ini adalah berikutan daripada jadual klinikal pihak universiti yang tidak terancang dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kos pengajian daripada RM197,030 kepada RM221,030.

Kedua, pihak pengurusan universiti di Indonesia didapati menaikkan yuran pengajian tanpa mendapat persetujuan awal dari pihak MARA menyebabkan kos pengajian meningkat tinggi. Contohnya di Universiti Hasanuddin, jumlah yuran pengajian setahun bagi ambilan sesi 2006/2007 adalah sebanyak RM39,400 berbanding sesi 2009/2010 iaitu sebanyak RM42,000. Kementerian melalui MARA sedang membuat semakan dan penelitian berhubung penghantaran semula pelajar-pelajar Malaysia ke Indonesia dalam bidang perubatan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih atas penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai pemberhentian kerana sebab-sebab yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Pertama, saya ingin tahu sudahkah rundingan dibuat dengan ketiga-tiga belas atau keempat belas universiti berkenaan kerana saya dapat tahu bahawa universiti yang terlibat itu bilangannya adalah tiga belas atau empat belas. Kemudian kerana kesediaan kesemua universiti berkenaan menampung pelajar-pelajar kita, adalah hasil daripada rundingan di suatu masa dulu. Saya ingin tahu sama ada pemberhentian ini atau sebab-sebab pemberhentian itu sudah dirundingkan dengan mereka dan sudahkah dicari kemungkinan untuk masalah-masalah yang ditimbulkan itu diatasi.

Mengenai kenaikan kos yang ditimbulkan tadi, saya ingin tahu, adakah kenaikan kos itu melebihi daripada kos penghantaran pelajar-pelajar ke universiti-universiti lain seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan. Mengenai kualiti, saya secara tidak langsung bercakap dengan Atase Pendidikan kita di sana, katanya terdapat satu kerjasama antara, salah satu contoh umpamanya Universiti Padjadjaran dengan UKM ada satu kerjasama *joint project*. Di mana dalam *joint project* itu ternyata pelajar-pelajar lulusan dari Universiti Padjadjaran itu lebih baik kualitinya daripada UKM.

Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, sementara kita mengadakan usaha-usaha melalui *Talent Corporation*, ini adalah satu penajaan *talent* yang jangan kita abaikan walaupun pada masa ini barangkali keperluan dalam jangka unjuran keperluan kedoktoran dalam satu jangka masa tertentu sudah mencukupi. Akan tetapi yang kita perlu ingat ialah satu jangka yang lebih panjang. Apatah lagi kita sekarang bermurah hati menawarkan tawaran-tawaran insentif kepada dengan izin, *the so-called talent* yang hendak ditarik balik itu sedangkan pembinaan *talents* ini kita abaikan. Oleh sebab itu saya minta supaya sambunglah balik tanpa kita banyak bicara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, saya sudah katakan tadi pemberhentian tersebut adalah untuk sementara sahaja dan kita akan mengkaji semula dasar yang kita pegang sekarang. Berkenaan dengan kenaikan kos dan universiti yang menambahkan tempoh pengajian di sana, hampir kesemua universiti yang berbuat demikian, kita menghantar pelajar di empat belas universiti, seramai 939 orang pelajar kita yang menuntut di sana. Kos yang dikenakan yang naik ini buat masa sekarang tidak ada perubahan, yang telah dinaikkan kekal dinaikkan dan mana tahu kalau mereka bermurah hati, kita kemukakan sekali lagi supaya kenaikan ini jangan dibuat, barangkali mereka akan turunkan tetapi buat masa sekarang kenaikan itu dikekalkan.

Dari segi peningkatan kos ini dibandingkan dengan kos kita menghantar pelajar-pelajar dalam bidang perubatan ini ke luar negeri, memang kos di luar negeri di negara lain seperti Ireland, Australia ataupun United Kingdom memang sangat mahal. Akan tetapi satu daripada pendekatan kita ialah, yang kita hantar ke *oversea* di United Kingdom misalnya ataupun negara lain selain dari Indonesia, kita betul-betul pilih punya universiti. Itulah sebabnya di mana universiti itu bukan dianggap kita kurangkan.

Kalau kita baca surat khabar beberapa bulan yang lalu ataupun tahun yang lepas, kerajaan membuat *estimate* pada tahun 2015 kalau kadar pelajar yang kita hantar ke luar negeri dikekalkan seperti sekarang, kita akan mempunyai orang yang berkepakaran perubatan ini berlebihan. Yang menjadi masalah nanti kalau itu tajaan kerajaan, dia balik dia juga menuntut kerajaan menyediakan pekerjaan dan kerajaan juga yang akan dimarahi. Akan tetapi tidak apalah, apabila difikirkan sesuai masanya untuk menambah dan menyambung penajaan ini balik nanti dan ditambah juga, kita akan berbuat demikian. Kerajaan memang sangat prihatin tentang keperluan negara dan juga keperluan rakyat kita supaya diberi peluang belajar ke luar negara sama ada di Indonesia ataupun mana-mana universiti...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tambah mencelah sedikit Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Pendek Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Pendek sahaja. Cuma saya minta, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi seakan-akan memberi harapan yang bagus, kemudian memberi harapan yang kurang cerah.

Akan tetapi saya hendak tahu perkataan 'sementara' itu, adakah *time frame* nya? Oleh sebab saya merasa begini, saya teringat kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, ada satu kedai makan di Indonesia mengatakan, "hari ini mesti bayar tunai, esok boleh hutang". Esok boleh hutang itu adalah sesuatu yang *perpetuate*, jadi 'sementara' itu saya harap jangan esok boleh hutang, biarlah 'sementara' itu mempunyai jangka masa atau *time frame* yang tersendiri. Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya setakat ini belum ada *time frame* yang ditetapkan, itu sahaja yang saya dapat jawab Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Akan tetapi masa *Post-Cab* lah saya akan utarakan hal ini.

■ 1830

Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar mencadangkan gar dibina rumah mampu milik bagi masyarakat Orang Asli. Kementerian mengambil maklum dan mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Senator mengenai perkara ini. Untuk makluman Yang Berhormat senator, kementerian menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli ataupun JAKOA telah melaksanakan perbincangan dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad bagi melaksanakan Projek Pembinaan Rumah Mesra Rakyat. Masyarakat Orang Asli perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh SPNB iaitu mempunyai tanah, pendapatan isi rumah di bawah RM1,500 dan berkeluarga. Maknanya di sinilah Yang Berhormat senator masalahnya timbul.

Pada masa yang sama, kementerian melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli menyediakan kemudahan Program Bantuan Rumah (PBR) kepada masyarakat Orang Asli. Pada tahun 2009, sebanyak 2,248 buah rumah PBR telah dibina untuk masyarakat Orang Asli dan 1,114 buah rumah PBR pada tahun 2010. Bagi tahun 2011 pula, kementerian telah memperuntukkan sebanyak 479 buah rumah PBR kepada masyarakat Orang Asli seluruh negara melalui Program Jiwa Murni. Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Olian bin Abdullah menyentuh isu...

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh celah? Saya...

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Sudah tukar jadi Timbalan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh celah? Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya mahu tahu *part 79*, PBR 2012. Berapa persen daripada permohonan yang dibuat, dan berapa peratus atau *percent*?

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Saya minta maaf Senator. Saya tidak ada angkanya di sini. Akan tetapi saya boleh beri kemudianlah.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya rasa bangga tetapi saya lihat peratusnya masih kecil dan sedikit apabila dibandingkan dengan jumlah permintaan di seluruh negara. So, saya harap *target* kita perlu besar dan luas lagi. Apakah langkah-langkah kementerian untuk capai *at least target 60 peratus*?

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, sasaran kementerian mengikut kelulusan kewangan yang telah diberi adalah untuk membina baru dan membaik pulih rumah, menaik taraf sebanyak 50,000 buah unit di bawah NKRA. Peratusan-peratusan untuk sama ada kawasan Parlimen ataupun untuk Orang Asli adalah tertakluk kepada syiling tersebut. Memang kita telah memohon supaya syiling ini dinaikkan.

Akan tetapi setakat ini kita belum mendapat berita baiklah Yang Berhormat senator. Saya ulang isu sebentar tadi.

Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Olian bin Abdullah menyentuh isu pengambilalihan Bahagian Kesihatan dan Perubatan JAKOA oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Cadangan pengambilalihan Bahagian Kesihatan dan Perubatan JAKOA adalah inisiatif daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang bertujuan untuk menyelaraskan dan menyeragamkan keseluruhan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat Orang Asli di bawah satu pentadbiran. Ini akan menjamin kualiti perkhidmatan kesihatan yang unggul dengan kepakaran yang tinggi dapat disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memberi jaminan kepada JAKOA dan masyarakat Orang Asli bahawa pengambilalihan ini meliputi Hospital JAKOA Gombak, pusat-pusat transit, klinik-klinik desa, balai-balai rawatan, dan perkhidmatan kesihatan awam JAKOA. Kementerian Kesihatan Malaysia juga akan memastikan semua fungsi, tugas dan tanggungjawab perkhidmatan kesihatan perubatan oleh JAKOA kepada masyarakat Orang Asli selama ini akan dilaksanakan dan seterusnya oleh KKM. Pengurusan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat orang Asli akan dipertingkatkan lagi sekiranya diletakkan di bawah pengurusan Kementerian Kesihatan Malaysia ataupun KKM. Memorandum cadangan pengambilalihan ini sedang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri sedikit masa lagi.

Berkaitan dengan pandangan Yang Berhormat senator supaya perjawatan di Bahagian Kesihatan dan Perubatan JAKOA mesti terdiri daripada masyarakat Orang Asli, pada masa ini terdapat seramai 66 orang di kalangan masyarakat Orang Asli yang telah menjawat pelbagai jawatan di Bahagian Kesihatan JAKOA.

Adalah menjadi harapan kementerian, untuk memastikan masyarakat Orang Asli terlibat menjawat pelbagai jawatan di dalam sektor awam bukan sahaja di bahagian kesihatan dan perubatan JAKOA malah di kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas keprihatinan, cadangan dan buah fikiran Yang Berhormat senator-senator dalam perbincangan Titah Diraja yang menyentuh mengenai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta Kementerian Pengajian Tinggi untuk menjawab.

6.37 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak KPT saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh KPT dalam perbincangan baru-baru ini. Berkenaan cadangan Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn yang baru sahaja meninggalkan Dewan ini sebentar tadi dan Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram agar IPT menawarkan jurusan profesional dan memberi penekanan khusus untuk jurusan ini. Ingin saya maklumkan bahawa ini antara tumpuan besar KPT pada hari ini iaitu untuk cuba menyeimbangkan antara akademik dan juga kemahiran tinggi dari segi modal insan kita.

Seperti kita sedia maklum, negara perlu meningkatkan peratusan tenaga kerja berkemahiran tinggi dari 23 peratus pada hari ini kepada 37 peratus menjelang tahun 2015. Oleh itu, usaha mengurusperdanakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional memang langkah yang tepat dan kita perlu bersama-sama merealisasikannya. Ini termasuk membangunkan sikap yang betul di kalangan masyarakat terhadap pengajian teknikal dan vokasional di samping menyediakan laluan latihan dan pendidikan sehingga ke alam pekerjaan perlu dibangunkan dan peluang kemasukan ke bidang pendidikan teknikal perlu diperluaskan.

Dari segi peluang kemasukan kita akan mengembalikan peranan asal keempat-empat universiti teknikal yang sedia ada iaitu Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) di mana menjelang tahun 2015 mereka perlu memastikan kemasukan pelajar mereka terdiri daripada 60 peratus dalam bidang teknikal. Mereka juga perlu meluaskan lagi penawaran program teknikal yang selari dengan keperluan pembangunan negara.

Mereka perlu diletakkan sebagai institusi APEX dalam pengajian teknikal negara. Ia sama seperti universiti-universiti sains gunaan yang terdapat di sesetengah negara yang lain. Bagi mencapai hasrat itu juga, kita turut mencadangkan supaya keempat-empat universiti ini menerima pelajar institusi kemahiran iaitu lepasan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) bermula tahun ini untuk beberapa program tertentu dan diperluaskan pada masa akan datang. Di samping itu, politeknik juga akan terus melalui fasa pemantapan dan pembaharuan sesuai dengan kedudukannya sebagai institusi utama dalam latihan vokasional dan teknikal.

■ 1840

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman dan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu yang menyentuh usaha penghasilan graduan berkualiti bagi memenuhi permintaan pasaran. Sukacita dimaklumkan bahawa kajian yang dijalankan oleh kementerian pada tahun 2010 mendapati bahawa majikan secara umumnya berpuas hati dengan prestasi graduan IPT tempatan.

Malah graduan kita dikatakan lebih menunjukkan prestasi yang tinggi berbanding dengan graduan universiti luar negara. Kajian itu juga mendapati personaliti dan sikap seseorang adalah merupakan kriteria utama dan diikuti dengan kecekapan berkomunikasi dan seterusnya bidang pengkhususan graduan menjadi tiga kriteria yang dianggap utama dan penting oleh para majikan. Bagi memastikan kurikulum pengajian sentiasa relevan dengan kehendak industri, kementerian melaksanakan kajian hala tuju pengajian akademik yang akan menyemak secara berterusan bidang pengajian IPT. Di samping itu, usaha melaksanakan Pelan Tindakan Modal Insan Inovasi akan menyaksikan proses pengajaran dan pembelajaran yang dapat mencetuskan kekuatan berfikir dan seterusnya melahirkan minda yang kreatif, inovatif dan berkesan di kalangan pelajar.

Untuk meningkatkan nilai tambah pelajar juga, kementerian akan menentukan setiap pelajar menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa selain bahasa Malaysia dan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di semua IPTA tempatan. Pada masa yang sama juga, interaksi pelajar Malaysia dengan pelajar antarabangsa akan diperluaskan. Di samping itu, setiap universiti diminta untuk meningkatkan fungsi pusat kerjaya masing-masing sebagai pusat sehati bagi para pelajar untuk merancang kerjaya mereka. Peningkatan pusat kerjaya ini termasuklah kerjasama dengan syarikat-syarikat luar, mewujudkan kerangka maklumat pekerjaan, mengerjakan jalinan kerjasama dengan Jobstreet.com dan sebagainya. Berkaitan kelemahan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan graduan IPT...

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta laluan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Sila.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berhubung dengan kesesuaian satu-satu kursus untuk industri, saya suka memberitahu *experience* saya sendiri iaitu salah satu daripada kursus yang dibuat dalam profesion sayalah ialah *building surveyors* yang dimulakan beberapa tahun dahulu. Sehingga hari ini, graduan *building surveyors* ini hingga hari ini tidak dapat mencari kerja di *consultancy firms* ataupun di swasta kerana ianya tidak mendapat iktiraf daripada *professional body* nya sendiri iaitu di dalam ini ialah *Board of Valuers, Appraisers and Estate Agents*.

Jadi *building surveyors* ini terapung-apung hanya boleh kerja di majlis bandaran sahaja. Soalan saya ialah sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu bahawa kajian dibuat tetapi saya tidak tahu setakat mana kajian selidik ini dibuat betul-betul sama ada satu-satu kursus yang hendak dimulakan oleh universiti itu akan mengeluarkan graduan yang sesuai dengan industri yang tertentu. Seperti yang saya kata tadilah dan saya fikirlah selain daripada kerajaan, ianya juga mesti mendapat pengiktirafan daripada *professional body* yang mengeluarkan ataupun yang akan mengeluarkan *license* untuk mereka itu bekerja nanti. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Lazimnya apabila sesuatu kursus itu hendak ditawarkan oleh universiti, mereka mempunyai Jawatankuasa Kurikulum. Dalam Jawatankuasa Kurikulum ini lazimnya ada wakil daripada industri dan termasuk juga daripada badan-badan profesional. Saya tidak pasti kalau bidang-bidang yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Namun saya akan menyelidikinya cuma ada juga waktunya dan ini dalam bidang yang berbeza. Ada pelajar yang lulus dalam bidang profesional tertentu tetapi untuk mendapatkan lesen itu dia harus selepas dia telah keluar daripada universiti dia harus *articulate* dalam mengikuti misalnya *professional exam* dan sebagainya.

Jadi di sini ada dua – tidak mengapa saya akan selidik perkara ini sebab dia mungkin ada dua keadaan yang berlaku. Satu ialah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu, kita akan selidik walaupun saya yakin perkara itu tidak sepatutnya berlaku. Kedua ialah mungkin sikap pelajar selepas dia telah graduan misalnya seorang yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dia tidak semestinya mendapat *title Jr.* melainkan dia mengambilnya. Begitu juga seorang yang lulus Sarjana Muda Perakaunan dia hendak jadi *certified accountant* dengan izin dia harus mengambil *professional exam* dan sebagainya. Akan tetapi, oleh kerana Yang Berhormat menimbulkan sesuatu yang sangat spesifik namun sangat penting kita akan selidik keadaan itu, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada penguasaan bahasa Inggeris. Saya ingin maklumkan bahawa kajian tentang penggunaan bahasa di IPTA yang dijalankan pada tahun 2010, mendapati bahawa 69 peratus majikan mengatakan bahasa Inggeris adalah penting dan 80 peratus daripada majikan menyatakan penawaran graduan yang fasih berbahasa Inggeris masih kurang atau tidak mencukupi di pasaran pekerjaan. Penekanan kemahiran bahasa Inggeris sebenarnya telah diterapkan di kalangan pelajar IPTA melalui proses pengajaran dan pembelajaran bagi kursus bahasa Inggeris dan juga kursus-kursus lain yang bersesuaian. Di samping itu langkah-langkah lain juga turut dijalankan misalnya:

- (i) menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran sepenuhnya dalam bahasa Inggeris bagi program pengajian yang memerlukan pengiktirafan antarabangsa;
- (ii) menstrukturkan semula kursus-kursus bahasa Inggeris sedia ada untuk disesuaikan mengikut tahap *band* ujian *Malaysian University English Test* (MUET); dan
- (iii) menambah bilangan kredit pembelajaran bahasa Inggeris ke tahap yang bersesuaian untuk meningkatkan penguasaan pelajar sebelum bergraduate.

Bagi tujuan tersebut, satu program jangka pendek bercorak pemulihan dan pengukuhan bahasa Inggeris disediakan untuk mereka. Mengenai kebimbangan Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah tentang kualiti program perubatan di IPT. Suka saya maklumkan bahawa proses penilaian kualiti bagi Program Pengajian Perubatan di IPT adalah sangat ketat dan dipantau oleh badan profesional. Pelaksanaan program perubatan dikawal oleh *Malaysia Medical Council* (MMC) yang bertanggungjawab menetapkan standard tertentu yang perlu dipatuhi oleh IPT sebelum sesuatu program pengajian perubatan diberi status akreditasi. Keputusan akreditasi oleh MMC akan diterima pakai oleh MQA untuk didaftar di dalam MQR.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pemberian akreditasi oleh MMC untuk program perubatan hanya untuk tempoh tertentu sahaja dan IPT perlu memohon semula pembaharuan akreditasi sebelum tamat tempohnya.

Proses penilaian akan dijalankan semula sebelum pembaharuan akreditasi dikeluarkan. Ini akan dapat memastikan kualiti graduan yang dihasilkan akan sentiasa terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan isu PTPTN seperti cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin akan memberhentikan seketika tindakan mahkamah terhadap peminjam yang tidak membayar balik pinjaman. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, PTPTN telah pun melaksanakan pendekatan yang sangat lembut dan fleksibel dalam mendapatkan bayaran balik sebelum mengambil tindakan mahkamah terhadap peminjam yang ingkar.

■ 1850

Peminjam sebenarnya telah diberikan kelonggaran untuk memulakan bayaran balik hanya selepas enam bulan tamat pengajian. Notis Tuntutan dengan jadual bayaran balik akan dihantar kepada peminjam setelah tamat pengajian bagi memaklumkan tanggungjawab mereka untuk memulakan bayaran balik. Sekiranya dalam tempoh 30 hari selepas Notis Tuntutan tersebut, PTPTN masih tidak menerima bayaran balik atau sebarang maklum balas notis peringatan pertama akan dikeluarkan.

Sekiranya pada bulan berikutnya peminjam masih ingkar, maka notis peringatan kedua pula akan dikeluarkan. Notis peringatan terakhir dikeluarkan melalui panel peguam yang dilantik jika selepas sebulan peminjam didapati masih ingkar. Jumlah bulan itu Tuan Yang di-Pertua, boleh lahir seorang anak. Lebih kurang 9 bulan semuanya.

Sekiranya peminjam masih lagi mengabaikan tanggungjawab mereka selepas notis peringatan terakhir, langkah seterusnya ialah menghantar *letter of demand* dengan izin, yang juga dikendalikan oleh panel peguam bagi memberi peluang terakhir kepada peminjam melunaskan kesemua jumlah ansuran bulanan yang tertunggak. Hanya selepas semua itu dilaksanakan barulah tindakan mahkamah akan diambil. Itu pun kalau sebelum kes itu dibawa ke mahkamah, peminjam datang berunding, kita masih berunding lagi. Mengenai keprihatinan Yang Berhormat Senator Datuk Akbar Ali berkaitan ketidakseimbangan kaum bagi penerima penukaran pembiayaan pendidikan PTPTN kepada biasiswa bagi pelajar yang mendapat Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian kelas pertama atau setaraf.

Dimaklumkan bahawa sehingga 28 Februari 2011 - 8,882 orang peminjam telah diluluskan pengecualian bayaran balik pinjaman kerana mendapat kelulusan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama. Melibatkan amaun yang diluluskan sebanyak RM258.09 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak 88.1 peratus bayaran balik dikecualikan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan kurang daripada RM4,000, 9.8 peratus kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan RM4,000 hingga RM5,000 dan 2.1 peratus kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan lebih daripada RM5,000. Manakala peratusan bayaran yang ditukar kepada biasiswa berdasarkan kaum pula ialah:

Kaum	Peratusan
Cina	83.9
Melayu	11.3
India	3.9
Kaum-kaum lain	0.9

Peratusan penukaran bayaran kepada biasiswa mengikut bidang pengajian ialah:

Bidang Pengajian	Peratusan
Sastera	27.2
Sains	71
Perubatan, Pergigian dan Farmasi	1.8

Dari segi jantina pula, ini nampak gayanya Tuan Yang di-Pertua, tentulah seronok mendengarnya. Graduan lelaki 40.2 peratus dan graduan perempuan 59.8 peratus.

PTPTN sebenarnya menimbangkan semua permohonan peminjam yang mendapat kelulusan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama tanpa mengambil kira kedudukan sosioekonomi, kaum dan jantina seseorang peminjam. Semua peminjam yang berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama serta layak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan akan diberikan pengecualian bayaran balik.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah agar PTPTN memperluaskan tajaan kepada pelajar yang melanjutkan pengajian di luar negara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, buat masa ini perkara itu masih tidak boleh dilaksanakan kerana memang PTPTN hanya untuk dalam negara sahaja. Berkaitan sokongan Yang Berhormat Senator Tuan Boon Som a/l Inong agar isu cukai tanah UUM diberi pertimbangan sewajarnya oleh Kerajaan Negeri Kedah. Suka saya maklumkan bahawa kementerian juga berharap agar permohonan Universiti Utara Malaysia supaya rebet cukai tanah yang dinikmati sebelum ini dikekalkan. Oleh kerana kenaikan mendadak dalam pembayaran cukai tanah tersebut tidak membantu usaha kerajaan untuk memartabatkan institusi pengajian tinggi awam.

Mendadak kerana sebelum ini UUM cuma bayar RM100,000 sahaja setahun tetapi sekarang kalau kerajaan Kedah masih juga tidak mahu memberi peluang ini, UUM terpaksa membayar RM1.743 juta setahun. Sepatutnya kepentingan pembangunan modal insan negara tanpa mengira parti politik diberikan keutamaan. IPTA tidak sepatutnya dijadikan peluang untuk mengaut keuntungan dari segi cukai dalam masa yang singkat.

Pada 20 April 2011, UUM telah sekali lagi membuat rayuan kepada Kerajaan PAS Kedah, yang mana ini merupakan rayuan kali keenam bagi mendapatkan rebet cukai tanah yang dikenakan tersebut. Lima permohonan sebelum ini yang dibuat sejak 2009 tidak mendapat maklum balas yang baik daripada kerajaan negeri termasuk selepas pertemuan Naib Canselor UUM dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 25 Julai tahun lalu...

Datuk Akbar bin Ali: Mohon mencelah Dato'.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkenaan *conversion*, dengan izin, *loan* PTPTN kepada biasiswa. Pertama sekali, berdasarkan prinsip meritokrasi saya rasa ini adalah suatu yang tepat dari segi pelaksanaannya.

Namun demikian saya ingin menarik perhatian kepada komitmen dalam RMKe-10 iaitu antara lain adalah menghayati MBE, prinsip MBE iaitu *inclusiveness*, keterangkuman dan diterjemahkan dalam RMKe-10 secara khusus untuk merapatkan jurang antara kaum, antara penduduk di dalam negara tercinta ini.

Berdasarkan statistik Yang Berhormat maklum tadi, di mana 83 peratus diberikan pada satu kaum, manakala kaum-kaum lain hanyalah berkongsi kira-kira 16.7 peratus bakinya. Tidakkah usaha ini *mindful of the meritocracy* tadi, *notwithstanding that principal*, dengan izin, bagaimana pula kita hendak merealisasikan komitmen keterangkuman dan hendak merapatkan jurang antara kaum seperti yang terpahat dalam RMKe-10.

Adakah usaha-usaha lain pula untuk menangani perkara ini. Oleh kerana Yang Berhormat Dato', kita tidak mahu jadi apa yang dilakukan oleh Amerika, pergi serang, kasi luka, kasi mati rakyat di Timur Tengah, selepas itu hantar *Red Cross* pula untuk menyelamatkannya. Pada saya agak satu ironilah. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya itulah kalau yang Amerika itu ironi, yang ini ada paradoks... *[Ketawa]* Dari satu segi kita mengikut meritokrasi, dari segi yang lain pula kita hendak menjaga dan menguruskan soal keterangkuman, soal agihan antara kaum dan sebagainya.

Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, kita masih berpegang kepada mekanisme meritokrasi. Akan tetapi kalau dari segi yang lain, misalnya untuk kita membantu pelajar yang miskin, pelajar yang memerlukan bantuan dan sebagainya, itu pun falsafah PTPTN. Namun, di samping itu kalau ada perkara-perkara yang lain saya kira kita boleh fikirkan dan kita boleh bincangkan. Akan tetapi untuk *conversion* tadi, dengan izin, buat masa ini itulah satu-satunya formula yang kita gunakan buat masa ini.

Tuan Ahmad bin Hussin: Yang Berhormat saya minta laluan sikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua. Saya juga terpanggil untuk satu perkara. Saya sudah sebutkan di Dewan yang mulia ini, dalam tahun 2006. Saya mengatakan bahawa di dalam Perlembagaan Persekutuan, ia tidak menyebut walaupun benda ini telah berlaku. Dalam Perlembagaan Persekutuan, dalam 183 seksyen ia tidak menyebut satu perkataan pun tentang merit. Hanya disebut sistem kuota.

■ 1900

Apabila kerajaan menjalankan dasar merit, saya tidak tahu atas nasihat mana, atas perkara berapa yang kerajaan laksanakan merit. Saya bersetuju merit yang terbaik. Akan tetapi saya cadangkan untuk merit antarabangsa Melayu, Cina dan India jadi tidak ada perbalahan sebab kalau di Singapura, ia tidak menjalankan merit. Ia menjalankan sistem kuota – Cina 70 peratus, Melayu 18 peratus dan India 12 peratus. Saya tidak tahulah sama ada merit ini sudah melanggar Perlembagaan Persekutuan.

Kedua, dalam Perkara 153(8)(a) ada disebut, “*Jika sekiranya kuota untuk bumiputera tidak mencukupi adalah tugas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mengarahkan kerajaan memenuhkan kuota untuk bumiputera.*” Saya rasa ini perkara-perkara yang saya haraplah kerajaan fikirkan sama ada dasar merit ini telah pun melanggar atau sebagaimana saya sebut tadi *unconstitutional* iaitu tidak menurut Perlembagaan Persekutuan. Jika sekiranya dasar ini dijalankan kalau benarlah perkara ini berlaku maka ia melanggar Perkara 41, Perlembagaan Persekutuan iaitu perlembagaan adalah undang-undang yang tertinggi. Mana-mana undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan adalah terbatal setakat yang bercanggahan itu.

Jadi saya berharap kerajaan memandang serius, seserius-seriusnya. Walaupun kita hendak jadi *popular government* tetapi janganlah pula yang kita sumpah untuk menjunjung Perlembagaan Persekutuan, Raja Berperlembagaan, Demokrasi Berparlimen itu kita abaikan. Sekian, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta pandangan Yang Berhormat.

Dato’ Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira ada dua perkara yang agak berbeza. Satu ialah dari segi kita mendukung kandungan Perlembagaan, memberikan peluang yang secukupnya kepada semua yakni *bottom line*. Itu saya fikir kita sentiasa dokong dan kita sentiasa melaksanakan. Malahan dalam kes-kes tertentu kita ada apa yang kita panggil sebagai langkah-langkah *affirmative*.

Dalam konteks menukar syarat PTPTN daripada pinjaman kepada biasiswa, yang ini pada saya berada di *level* yang sedikit berbeza. Dia di sini adalah soal *privilege* yang *bottom line* Yang Berhormat timbulkan itu ialah soal hak ataupun *rights*. Oleh sebab itu saya yakin bahawa apa yang dilakukan oleh PTPTN ini tidaklah melanggar dengan Perlembagaan. Namun demikian saya sangat berterima kasih kerana ini sekurang-kurangnya bukan kali pertama saya mendengar Yang Berhormat mengingatkan kami di sebelah sini supaya setiap kali kita membuat dasar yang berkaitan dengan semua rakyat Malaysia kita harus memerhatikan bahawa ia tetap mendukung Perlembagaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu dan cadangan Yang Berhormat Senator Puan Maryani binti Muhammad Yit tentang masalah lambakan IPTS di Malaysia yang menyebabkan pelbagai masalah timbul dan cadangan agar disediakan portal khas, garis panduan penubuhan IPTS dan pengawasan rapi dibuat bagi mengawal selia IPTS agar kualitinya terjamin. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga 28 Februari 2011, kita ada 24 buah universiti swasta, 20 buah kolej universiti swasta dan 5 cawangan universiti luar negara.

Jumlah semuanya 49 buah. Di samping itu kita ada 436 kolej lain yang bukan bertaraf universiti, kolej universiti atau kampus cawangan universiti luar negara. Jadi jumlah semua IPTS yang berdaftar ialah 485 buah.

Bagi memastikan kualiti sesuatu program terjamin, kementerian melalui MQA mengeluarkan perakuan akreditasi bagi program pengajian di institusi pengajian tinggi di dalam negara yang telah mencapai tahap standard kualiti yang ditetapkan. Di samping itu bahagian penguat kuasa dan *inspectorate* di kementerian ini turut menjalankan pemantauan berkala dan berterusan bagi meningkatkan kualiti pendidikan dan memastikan IPTS tidak melanggar syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ada dua tindakan utama yang dilakukan oleh kementerian ini terhadap IPTS yang ingkar dalam mana-mana peraturan yang sepatutnya mereka ikuti. Satu ialah dibatalkan kelulusan penubuhan, maknanya tutup – *sadaqallah hul'azim*. Pada tahun 2007 melibatkan 27 buah IPTS, pada tahun 2008 melibatkan 28 buah IPTS, pada tahun 2009 dan 2010 sebanyak 27 buah IPTS.

Kedua ialah pembatalan pendaftaran. Ini kita tidak suruh dia tutup tetapi kita hukum dia kerana dia tidak cukup kursus atau pengajar tidak cukup dan sebagainya dan pada tahun 2009 dan 2010 sebanyak 16 buah IPTS telah diambil tindakan. Ini tidak melibatkan 49 universiti, kolej universiti ataupun cawangan daripada luar negara. Maklumat IPTS berkaitan garis panduan penubuhan, pembatalan pendaftaran, pembatalan kelulusan, garis panduan pengiklanan, akta dan peraturan, panduan memilih IPTS dan sebagainya memang telah dimuat naik dan boleh diakses di portal Jabatan Pengajian Tinggi melalui alamat www.jpt.mohe.gov.my.

Mengenai pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Puan Mariany binti Mohammad Yit...

Datuk Akbar bin Ali: Mohon sedikit lagi mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau dibenarkan? Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik hati tentang IPTS itu tadi, tetapi sebelum itu saya hendak mengukuhkan hujah yang kawan saya Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin tentang biasiswa tadi. Saya rasa, saya agak masih belum selesai dengan jawapan tadi kerana saya lihat pembiayaan biasiswa itu tidak mematuhi semangat 153 kerana cukup jelas dalam 153 salah satu perkara daripada empat perkara yang ditegaskan ialah pemberian biasiswa.

Jikalau 153 itu yang jelas memberikan peruntukan, maka yang kaum Melayu dapat hanyalah 11 peratus. Tidakkah ia bercanggah dengan semangat 153 dalam usaha melaksanakan meritokrasi tadi. Bagaimana kita hendak mengharmonikan antara dua keperluan atau dua tuntutan tadi?

Kedua, tentang IPTS saya ingin maklumat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa banyak daripada 8,000 lebih tadi atau hampir 9,000 dari segi peratus berapa ramai *student* datang daripada IPTA dan berapa ramai pula datangnya daripada IPTS. Saya ingin menzahirkan kebimbangan saya kerana ini pengalaman saya sendiri bahawa saya cukup yakin terhadap kualiti *student* IPTA. Akan tetapi saya bimbang tentang kualiti *student* IPTS sekalipun mereka mendapat ijazah kelas pertama kerana ada di antara kalangan IPTS ini bukan semua memang berusaha secara *shuttle* ataupun secara lahiriah dengan sengaja mahu meningkatkan keputusan di kalangan *student* dia untuk dua sebab:

- (i) untuk memberi keyakinan kepada bakal *student* bahawa IPTS ini adalah yang terbaik kerana ramai dapat keputusan kelas pertama; dan
- (ii) dalam masa yang sama untuk memberi ruang kepada kumpulan tertentu untuk mendapat faedah melalui proses *exploitation* untuk mendapat manfaat ini.

Jadi adakah kebimbangan ini telah pun ditangani oleh pihak kementerian Yang Berhormat agar kita rakyat biasa tidak terkilan terhadap keputusan yang berasaskan keikhlasan yang dibuat oleh kerajaan tadi. Terima kasih.

■ 1910

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Senator tentang sambungan debat perlembagaan itu saya terima baik pandangan Yang Berhormat. Berbalik kepada soal IPTS, dua perkara iaitu yang pertama jumlah pelajar antara IPTA dan IPTS. Saya mohon maaf saya tidak ada datanya tetapi saya boleh kata ia agak seimbang. Lebih 400,000 di IPTA dan lebih 400,000 di IPTS dengan mengambil kira IPTA bukan hanya 20 IPTA tetapi termasuk politeknik dan Kolej Komuniti.

Persoalan kedua ini persoalan yang serius sebenarnya tetapi sepanjang pengetahuan kami, kita belum ada bukti yang mengesahkan ia ada berlaku. Soal kebimbangan itu menyebabkan kita sentiasa memantau. Ini selalu dikatakan dengan izin, ia *inflate* keputusan dan telah pun berlaku juga di universiti-universiti luar negara. Kita ada kerisauan itu tetapi saya beri jaminan bahawa kami sentiasa memantaunya. Jika ada pun isunya yang timbul yang sedang kami bereskan ialah lain universiti lain markah untuk meletakkan *First Class Honours*. Itu sedang kita cuba bereskan.

Berbalik kepada Yang Berhormat Senator Puan Mariany binti Mohammad yang menyentuh status penggunaan sistem penarafan *MyQuest* dan adakah sistem ini akan menggantikan setara? Tuan Yang di-Pertua, setara ialah sistem penarafan institusi pengajian tinggi yang digunakan untuk mengukur pencapaian universiti dan kolej universiti sahaja sama ada IPTA ataupun IPTS.

Manakala *MyQuest* adalah sistem pengukuran kualiti dan kesetaraan kolej swasta untuk mengukur tahap kualiti pendidikan keseluruhan IPTS yang bukan bertaraf universiti atau kolej universiti atau cawangan universiti luar negara. Jadi ia bukan untuk mengganti tetapi lebih untuk *complement* dan setara untuk kumpulan yang lain dan *MyQuest* untuk kumpulan yang lain.

Setara telah digunakan sejak tahun 2007, manakala *MyQuest* mula digunakan pada tahun ini iaitu tahun 2011. Berkenaan cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad bin Yusop agar kursus wajib yang diperkenalkan di IPTA diperluaskan kepada IPTS bagi meningkatkan nilai-nilai sejagat. Suka saya maklumkan bahawa Kursus Hubungan Etnik dan Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia atau TITAS yang merupakan kursus umum adalah wajib diambil oleh semua pelajar IPTA. Manakala pelajar Malaysia di IPTS wajib mengambil Kursus Pengajian Malaysia, Pengajian Islam dan Pendidikan Moral. Kementerian juga telah mengarahkan supaya modul hubungan etnik dimasukkan dalam kurikulum Kursus Pengajian Malaysia di IPTS sejak tahun 2005. Kesemua kurikulum pengajian yang diajarkan ini bertujuan untuk menerapkan semangat patriotisme, kenegaraan, jati diri dan moral di kalangan pelajar.

Berkaitan pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat mengenai bantuan kepada pelajar Malaysia di Libya dan Yaman yang berhasrat meneruskan pengajian di IPT tempatan. Dimaklumkan bahawa kita telah mengadakan perbincangan dengan tujuh orang pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Libya dan mereka ini ditaja oleh biasiswa Kerajaan Libya dengan wakil daripada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Pada masa ini KUIS bersedia untuk menerima pelajar-pelajar tersebut menyambung pengajian mereka pada bulan Mei 2011 mengikut kalendar akademik KUIS.

Namun demikian tiga orang daripada pelajar tersebut menolak untuk belajar di KUIS dan telah memilih untuk menyambung pelajaran di IPTA dan IPTS yang lain. Pada masa ini kementerian masih berunding dengan IPT yang terpilih bagi kemasukan pelajar tersebut. Kementerian juga turut melaksanakan proses yang sama bagi membantu pelajar Malaysia di Yaman yang dianggarkan lebih daripada 400 orang yang kebanyakannya pergi atas belanja sendiri.

Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Tuan Boon Som a/l Inong agar diberi laluan kemasukan khas kemasukan ke IPTA bagi kaum-kaum minoriti seperti Siam, Portugis dan suku-suku kaum di Sabah dan Sarawak. Suka saya maklumkan bahawa enrolmen pelajar di IPTA bagi pelajar berketurunan Siam pada tahun 2010 ialah seramai 143 orang.

Di antara program pengajian yang diambil oleh mereka ialah Doktor Falsafah dalam Sains Bahan, Sarjana Muda Perubatan, Sarjana Muda Undang-undang, Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik, Sarjana Muda Keusahawanan dan sebagainya.

Pada masa ini sistem kemasukan ke IPTA adalah berasaskan dasar meritokrasi dan kita mengguna pakai 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum. Semua pemohon tanpa mengira kaum, agama dan jantina yang layak yang memenuhi kriteria pemilihan akan dipilih memasuki IPTA tertakluk kepada bilangan tempat yang disediakan.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah tentang apakah usaha Kementerian Pengajian Tinggi dalam membantu Kementerian Belia dan Sukan membangunkan potensi remaja dan pelajar dalam usaha melahirkan golongan pelapis dalam bidang sukan negara. KPT telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan dasar pembangunan sukan IPT. Tujuannya ialah untuk melahirkan satu generasi dengan izin, *the thinking athletes* dan mensasarkan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada atlet negara terdiri daripada atlet IPT menjelang tahun 2015. Kita juga telah mewujudkan pusat kecemerlangan sukan di lapan buah IPTA dan pusat sukan tumpuan di 17 buah IPTA. Antara fungsinya ialah untuk menjadi pusat setempat bersepadu untuk mengembangkan acara sukan-sukan yang diterajunya.

Kita juga mewujudkan saluran kemasukan khas kepada atlet yang menunjukkan prestasi tinggi dalam sukan untuk melanjutkan pengajian ke IPT dengan kelayakan akademik yang minimum. Sejak tahun 2007, KPT juga telah mula menawarkan biasiswa sukan dan setakat hari ini hampir 500 orang pelajar telah ditaja di bawah biasiswa tersebut. Kita juga menyediakan dana dalam bentuk insentif kepada atlet yang mencapai kecemerlangan di persada sukan antarabangsa dan kebangsaan sebagai penghargaan terhadap sumbangan dan keringat mereka. Kita juga menyediakan jadual kuliah yang anjal, kelas tutorial tambahan dan pelbagai kemudahan yang lain bagi atlet yang terlibat dan aktif sebagai wakil negara. Dari semasa ke semasa kita sentiasa mengadakan hubungan dan kerjasama yang erat dengan Majlis Sukan Negara.

Akhir sekali, berkenaan perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali tentang pelantikan naib canselor, pegawai universiti dan kenaikan pangkat profesor yang dikatakan melibatkan campur tangan pihak luar dan politik. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelantikan pengurusan tertinggi universiti khususnya naib canselor dan timbalan naib canselor dilaksanakan oleh satu badan bebas yang dilantik oleh kerajaan yang dipanggil jawatankuasa pemilih dengan izin, *search committee*. Ahli jawatankuasanya terdiri dari tokoh-tokoh terkenal dalam pelbagai bidang dan memegang jawatan penting dalam sesebuah organisasi, bekas naib canselor IPTA, wakil masyarakat setempat di mana universiti itu berada dan juga wakil daripada lembaga pengarah universiti berkaitan. Pemilihan dibuat berdasarkan kriteria tertentu meliputi kecemerlangan akademik, pengiktirafan antarabangsa, kebolehan kepimpinan, mengurus, reputasi dan juga personalitinya. Manakala bagi kenaikan pangkat pensyarah ia dibuat berdasarkan meritokrasi melalui penilaian beberapa kriteria yang ditetapkan.

Di antaranya ialah pengajaran dan penyeliaan, penyelidikan dan penerbitan, perundingan dan kepakaran, persidangan dan khidmat sanjung kepimpinan akademik kepada universiti, masyarakat dan negara. Perlu dijelaskan di sini bahawa kriteria penyelidikan dan penerbitan ia bukan sahaja disemak dan dinilai oleh pakar dalam negara, tetapi juga pakar di peringkat antarabangsa terutamanya bagi kenaikan pangkat ke profesor.

■ 1920

Bagi setiap kriteria di atas penilaian dibuat dengan menggunakan markah supaya pengiraan dapat dibuat oleh pihak penilai dan juga pihak calon. Kaedah penilaian dibuat berdasarkan kepada jumlah ataupun markah hasil yang dikeluarkan. Oleh yang demikian adalah jelas bahawa proses kenaikan pangkat adalah dijalankan secara teratur dan mengikut kriteria dan garis panduan yang telah ditetapkan berdasarkan merit prestasi dan *Key Performance Indicator (KPI)*.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja yang ingin saya jelaskan berkaitan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan yang berkaitan dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Kepada semua saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menjawab.

7.21 min.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalaamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu yang akan dijawab oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan usul menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 18 April hingga 21 April 2011.

Sebanyak dua isu utama mengenai kementerian ini telah dibangkitkan iaitu pertama mengenai pelaburan langsung asing atau FDI dan yang kedua pemasaran dan penjenamaan produk. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop membangkitkan berkenaan dengan produk-produk Malaysia yang berkualiti tidak dapat dieksport dan menembusi pasaran antarabangsa dan strategi dalam memasarkan produk serta barangan Malaysia. Yang Berhormat juga memaklumkan bahawa pihak industri tidak mengetahui kewujudan dana-dana yang boleh membantu dalam penjenamaan atau *branding*, dengan izin, produk-produk tempatan dan mencadangkan kementerian mendapat khidmat kepakaran dalam mempromosikan barangan buatan Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat MITI mengambil maklum dengan saranan Yang Berhormat. Produk-produk Malaysia yang berjaya dieksport ke peringkat antarabangsa sememangnya mempunyai kualiti yang tinggi dan mampu bersaing di pasaran luar negara. Pelbagai produk Malaysia telah menembusi pasaran antarabangsa ini terbukti dengan prestasi eksport negara dalam tahun 2010 di mana eksport telah meningkat 15.7 peratus kepada RM639.43 bilion. Sepuluh eksport produk utama Malaysia ini terdiri daripada pelbagai sektor dan industri antaranya:

Bil.	Eksport Produk Utama Malaysia	Nilai (RM / billion)
1.	Barangan elektrik dan elektronik	249.8
2.	Kimia dan bahan kimia	40.82
3.	Jentera perkakasan dan peralatan	21.45
4.	Barangan perkilangan logam	8.38
5.	Barangan optik dan saintifik	18.33
6.	Keluaran getah	16.03
7.	Barangan kayu	14.83
8.	Barangan makanan	12
9.	Kelengkapan pengangkutan	9.49
10.	Barangan perkilangan plastik	9.42

Demi meningkatkan penerimaan produk Malaysia yang berkualiti tinggi di pasaran antarabangsa MITI melalui MATRADE akan terus menganjurkan beberapa program pembangunan pengeksport dan program promosi perdagangan. Bagi tahun 2011 sebanyak 113 aktiviti promosi perdagangan telah dan akan dilaksanakan bagi memantapkan posisi produk dan perkhidmatan Malaysia di pasaran antarabangsa. Aktiviti-aktiviti yang akan diadakan sepanjang tahun ini merangkumi penyertaan dalam pameran perdagangan antarabangsa, penganjuran misi pemasaran khusus dan misi belian.

Tiga aktiviti promosi khusus untuk barangan dan perkhidmatan pada tahun 2011, iaitu penganjuran pameran antarabangsa seperti *Malaysia Services Exhibition*, dengan izin, atau MSE 2011 di Abu Dhabi UAE yang memfokuskan kepada promosi perkhidmatan Malaysia. *International Trade Exhibition (Intrade)* dengan izin, bertujuan mempromosikan pelbagai produk dari industri kecil dan sederhana di Malaysia serta pameran halal antarabangsa Malaysia atau MIHAS 2011 yang mempromosi industri halal di peringkat antarabangsa.

Selain itu juga MATRADE akan mengadakan sebanyak 45 seminar untuk para pengeksport Malaysia sepanjang tahun 2011. Program ini bertujuan memberikan pendedahan kepada pengeksport Malaysia mengenai tatacara perdagangan, kaji selidik dan peluang pasaran, pembiayaan perdagangan, pembungkusan dan pelabelan, pengurusan rantai bekalan, penjenamaan serta maklumat mengenai perjanjian bebas atau FTA.

Kerajaan juga menyediakan bantuan dan sokongan kepada para syarikat yang mengeksport produk Malaysia yang berkualiti dengan geran pembangunan pasaran iaitu bantuan yang diberikan khusus kepada golongan pekilang-pakilang serta peniaga kecil dan sederhana untuk membantu dalam aktiviti mempromosikan produk eksport mereka. Malaysia mempunyai strategi eksport yang terperinci, pendekatan strategi bagi program penggalakan perdagangan bagi tahun 2011 memberi penekanan terhadap keupayaan syarikat Malaysia dan peluang berasaskan permintaan. Di antara pendekatan strategi eksport 2011 seperti berikut:

- (i) menumpukan pasaran strategik iaitu pasaran yang membangun dengan pesat, pasaran baru atau pasaran di mana Malaysia telah menandatangani FTA;
- (ii) mengenal pasti peluang-peluang eksport dalam sektor pertumbuhan yang baru;
- (iii) memperkukuhkan daya saing pengeksport Malaysia dengan meningkat upaya pengeksport baru dalam menembusi pasaran global, meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pengeksport mengenai kemudahan pembiayaan; dan,
- (iv) memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan bagi menyokong aktiviti promosi eksport melalui ICT.

Tuan Yang di-Pertua, di samping usaha-usaha yang dijalankan oleh MATRADE untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan Malaysia, MITI juga melalui SME Corp. Malaysia, melaksanakan program pembangunan jenama PKS mulai tahun 2009 bagi membantu usahawan tempatan dalam penjenamaan atau *branding* produk-produk tempatan dan mempromosikan barangan buatan Malaysia. Program ini dijalankan dengan kerjasama pelbagai agensi berkaitan seperti SIRIM Berhad, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) *Federation of Malaysia Manufacturers (FMM)* dengan izin, dan *Lim Kok Wing University of Creative Technology (LUCT)*.

Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di bawah program ini ialah, pertama persidangan dan bengkel kesedaran serta latihan. Di bawah aktiviti ini *Branding Entrepreneur Conference (BEC)* telah diadakan sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pengusaha-pengusaha tempatan berkenaan kepentingan penjenamaan bagi mendapatkan pengiktirafan pengguna dan memperluaskan penerokaan pasaran. Persidangan ini dilaksanakan dengan kerjasama *Branding Association of Malaysia (BAM)* dengan izin, pada 21 Julai 2011. Sejak dilaksanakan pada tahun 2009, persidangan ini telah mendapat penyertaan hampir 1200 peserta.

Selain itu *Workshop on Brand Manual* dengan izin, juga diadakan dengan kerjasama SIRIM QAS International Sdn. Bhd. sebagai langkah bagi menggalakkan syarikat tempatan menyertai *National Mark of Malaysia Brands Certification*, dengan izin. Dalam bengkel ini bimbingan dan latihan akan diberikan kepada peserta berkenaan dengan cara-cara penyediaan *brand manual*. Sehingga kini sejak dilaksanakan pada tahun 2009, sepuluh bengkel telah diadakan dengan penyertaan hampir 500 peserta.

Bagi tahun 2011 pula sebanyak lima siri bengkel lagi akan diadakan di seluruh Malaysia iaitu di Kuala Lumpur, Kedah, Pahang, Johor dan Sabah.

Kedua *Branding Innovation Centre* (BIC), dengan izin Pusat Inovasi Penjenamaan. SME Corp. dengan kerjasama *Lim Kok Wing University of Creative Technology* (LUCT) telah mewujudkan *Branding Innovation Centre* di kampus LUCT Cyberjaya bagi meningkatkan kesedaran PKS di seluruh negara berkenaan kepentingan penjenamaan dan pembungkusan. Di pusat ini sesi latihan dan khidmat nasihat berkaitan reka bentuk dan penjenamaan disediakan kepada PKS yang berminat. Pada tahun 2010, sebanyak enam sesi latihan telah dilaksanakan yang mana modul latihan yang ditawarkan disesuaikan dengan keperluan PKS yang menjalani sesi latihan tersebut.

Ketiga galeri pembungkusan dan penjenamaan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Panjang lagikah jawapan.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Ada lebih kurang lima muka surat lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau macam itu Yang Berhormat Timbalan Menteri masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh menyambung jawapan pada hari esok.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 26 April 2011. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.31 malam.